



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil.19

Rabu

31 Julai 2024

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhadap (Pindaan) 2024	(Halaman 35)
Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024	(Halaman 58)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Dato Awang Beme bin Awang Ali Basah [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Tuan Yang di-Pertua]
3. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
4. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
5. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
6. “ Dato' Sri Ti Lian Ker
7. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
8. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
9. “ Datuk Razali bin Idris
10. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
11. “ Tuan Manolan bin Mohamad
12. “ Puan Susan Chemerai Anding
13. “ Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
14. “ Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
15. “ Datin Ros Suryati binti Alang
16. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
17. “ Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan
18. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
19. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
20. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
21. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
22. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
23. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
24. “ Dato' Sivaraj a/l Chandran
25. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
26. “ Tuan Abun Sui Anyit
27. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
28. “ Puan Noorita binti Sual
29. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
30. “ Datuk Nelson W Angang
31. “ Tuan Pele Peter Tinggom
32. “ Dato' Setia Salehuddin bin Saidin
33. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)

AHLI HADIR (*samb/-*)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 34. | Yang Berhormat | Tuan Haji Hussin bin Ismail. (Terengganu) |
| 35. | “ | Datuk Haji Aziz bin Ariffin |
| 36. | “ | Tuan Seruandi bin Saad (Perlis) |
| 37. | “ | Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 38. | “ | Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 39. | “ | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 40. | “ | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan) |
| 41. | “ | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 42. | “ | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak) |
| 43. | “ | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah) |
| 44. | “ | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |
| 45. | “ | Dato' Ajis bin Sitin (Pahang) |
| 46. | “ | Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang) |
| 47. | “ | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 48. | “ | Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor) |
| 49. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 50. | “ | Datuk Noraini binti Idris (Sabah) |
| 51. | “ | Datuk Wira Koh Nai Kwong |
| 52. | “ | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka) |
| 53. | “ | Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 54. | “ | Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 55. | “ | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 56. | “ | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak) |
| 57. | “ | Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 58. | “ | Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 59. | “ | Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | “ | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 3. | “ | Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi] |
| 4. | “ | Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] |

AHLI TIDAK HADIR (*samb/-*)

- 5 Yang Berhormat Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]

**AHLI TIDAK HADIR
(BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Gobind Singh Deo [Menteri Digital] (Damansara)
2. “ Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi] (Kulai)
3. “ Datuk Mustapha @ Mohd Yunus Sakmud [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Sepanggar)
4. “ Dato Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)
5. “ Datuk Ugak anak Kumbong [Timbalan Menteri Digital] (Hulu Rajang)
6. “ Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Parit Sulong)
7. “ Dato' Ramanan Ramakrishnan [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Sungai Buloh)
8. “ Tuan Wong Kah Who [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)
9. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kerja Raya] (Pontian)
10. “ Dato Hajah Rubiah Binti Wang., Timbalan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah. (Kota Samarahan)
11. “ Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Lipis)
12. “ Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Lahad Datu)
13. “ Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Pensiangan)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 31 Julai 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Dipersilakan pertanyaan pertama oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

*Indah nian istana bunian,
Istana permata bersalut batu;
Kemenjadian pelajar misi kementerian,
Soalan Mustafa nombor satu... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

1. Datuk Haji Mustafa bin Musa minta Menteri Pendidikan menyatakan, status pelaksanaan dan input dari inisiatif Sarana Ibu Bapa dan Sarana Sekolah untuk menjajarkan semula kurikulum pendidikan rendah agar penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dipertingkatkan serta menanam minat tinggi terhadap bidang Sains dan Matematik.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Dato' Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator Datuk Haji Mustafa yang begitu prihatin berkenaan dengan kemenjadian anak-anak kita.

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk menambah baik kurikulum bagi memastikan kurikulum yang digubal relevan dengan keperluan murid. Terkini Dato' Yang di-Pertua, KPM telah mengadakan jerayawara kurikulum persekolahan 2027 yang melibatkan 10 buah lokasi di seluruh negara, bermula 23 Februari 2024 sehinggalah 27 Julai 2024. Jerayawara ini bertujuan untuk menyebarkan luas maklumat berkaitan kurikulum persekolahan

2027 dan mendapatkan pandangan orang awam tentang perkara baharu dalam kurikulum persekolahan 2027.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator, KPM juga telah menubuhkan enam pasukan petugas khas- *task force* di bawah Reformasi Pendidikan bagi memperkasakan haluan pendidikan negara. Antaranya adalah Pasukan Petugas Khas Intervensi Kurikulum yang merupakan pasukan yang bertanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan kurikulum selaras dengan hasrat dan matlamat kurikulum persekolahan. Pasukan petugas khas ini akan mengenal pasti isu dan masalah berkaitan pelaksanaan kurikulum sedia ada.

Antara strategi yang dilaksanakan adalah menyediakan intervensi kurikulum bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik Tahap 1 bertujuan membantu murid menguasai asas kemahiran berbahasa termasuk menguasai asas membaca dan menulis.

Bagi tujuan tersebut, KPM telah menyediakan dokumen penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah Semakan 2017 Edisi 3.0 bagi mata pelajaran tersebut. Penjajaran kurikulum bagi mata pelajaran Sains dan Matematik Tahap 1 melibatkan pengemaskinian dan penyusunan semula kandungan kurikulum sedia ada merangkumi beberapa aspek seperti perubahan pelaksanaan kandungan bagi kemahiran saintifik dan peraturan bilik sains, perubahan, pelaksanaan dan kandungan bagi kemahiran yang perlu dipelajari dalam sebahagian topik, penggunaan istilah dan ayat yang lebih ringkas dan mudah bagi penulisan standard pembelajaran dan gabungan beberapa standard pembelajaran dan standard kandungan.

Penjajaran kurikulum bagi Bahasa Melayu melibatkan penyusunan semula standard pengajaran dengan penambahan cadangan aktiviti bagi membantu meningkatkan keberkesanan pelaksanaan kurikulum dalam bilik darjah. Manakala penjajaran bagi Bahasa Inggeris pula melibatkan penyusunan semula standard pengajaran mengikut kluster kemahiran reseptif dan kemahiran produktif.

Penyusunan mengikut kluster ini membantu murid menguasai kemahiran berbahasa dengan lebih baik. Selain daripada itu, KPM telah mengambil langkah proaktif bagi menanam minat murid terhadap bidang sains dan matematik serta untuk meningkatkan kemahiran guru melalui inisiatif pengukuhan pendidikan STEM Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, ada tanggapan awam, Yang Berhormat Menteri, mengatakan bahawa usaha menarik pelajar dalam aliran sains ataupun matematik, tergendala disebabkan kebanyakan soalan yang digubal adalah soalan yang berkaitan dengan KBAT- Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan ini adalah satu langkah terbaik pada saya secara peribadi, tetapi bagi kawasan-

kawasan luar bandar dan yang kurang terdedah dengan bahasa Inggeris, maka minat dan kecenderungan mereka agak terganggu dan akhirnya pelajar tidak memilih aliran Sains Tulen bila berada di Tingkatan 5 dan SPM.

So, apakah langkah kementerian untuk melipatgandakan usaha melalui Bahagian Kurikulum (SSIC) daripada PPD, guru-guru pakar daripada PPD dan juga JPN supaya kemasukan pelajar Aliran Sains terutamanya kawasan luar bandar tidak terganggu dan kegagalan Matematik. Saya difahamkan lebih 80,000 orang pelajar gagal Matematik dalam SPM. Bagaimanakah cara mengatasinya? Semua itu berkaitan dengan STEM dan juga dasar-dasar dan penajajaran yang dibuat oleh kementerian. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Pertama sekali berkenaan dengan pengajaran dan pembelajaran dalam dan juga luar bilik darjah. Dalam perkara ini, sememangnya pihak guru memainkan satu peranan yang amat penting dan daripada segi itu, pihak KPM selalu mengambil usaha untuk meningkatkan kompetensi guru dan juga pemantapan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di luar dan juga di dalam bilik darjah.

Dalam masa yang sama, untuk memupuk *interest* ataupun minat anak-anak kita, khasnya dalam isu pengambilan mata pelajaran Sains, kita sekarang telah pun menggalakkan murid-murid untuk melaksanakan pembelajaran berasaskan *inquiry*, pembelajaran berasaskan projek dan pembelajaran berasaskan masalah iaitu, dengan izin, *project base* dan juga *problem base learning*.

■1010

Sememangnya pendekatan KBAT seperti yang diiktiraf oleh Yang Berhormat Senator merupakan satu pendekatan yang baik. Namun demikian pihak KPM akan teruskan usaha ini bersama-sama dengan peningkatan kemahiran daripada pihak guru untuk memastikan hasrat KPM ini adalah tercapai.

Berkenaan dengan minat anak-anak kita dalam mengambil mata pelajaran Sains ataupun mata pelajaran STEM, kita memang mengambil maklum bahawa ini merupakan hala tuju bagi KPM dan juga kerajaan sejak lama lagi. Daripada segi pengambilan peratusan enrolmen murid STEM sekiranya kita nampak untuk Tingkatan 4, kita telah pun mencapai satu peningkatan dari 40.95 peratus tahun 2021, ditingkatkan pada tahun ini setakat bulan Julai 50.83 peratus.

Saya percaya dengan usaha-usaha daripada KPM dan juga pihak sekolah dalam mempromosikan STEM dan juga mengadakan program-program dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan STEM, maka kita dapat membantu untuk memupuk minat anak-anak kita dalam subjek Sains dan juga secara keseluruhan di bawah dalam subjek STEM. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: YB sila.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bentuk pemerkasaan perguruan yang sedang ditumpukan ke arah memperkasakan teknik serta mutu pengajaran guru yang mengajar Sains dan Matematik khususnya yang terlibat dalam pengajaran dwibahasa dan bagaimanakah kementerian dapat menyelesaikan masalah kedaifan infrastruktur pembelajaran yang selama ini menjadi faktor kepada pelebaran jurang dalam pencapaian akademik antara sekolah luar bandar dengan sekolah bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya nyatakan tadi pihak KPM selalunya memberikan latihan yang berterusan kepada guru-guru kita untuk memastikan kompetensi guru adalah terkawal dan tercapai dan untuk memastikan bahawa guru-guru adalah mempunyai kemahiran masing-masing dalam aktiviti pengajaran dan juga pembelajaran.

Berkaitan dengan soalan kedua, berkenaan dengan kedaifan daripada segi infrastruktur khasnya di sekolah-sekolah luar bandar, pada tahun ini sahaja Yang Berhormat Senator, pihak Kementerian Kewangan telah pun menyalurkan, meluluskan satu peruntukan sebanyak RM100 juta khasnya untuk tujuan pembangunan STEM. Antaranya daripada segi pembaikan ataupun menaiktarafkan makmal bagi tujuan pengajaran ataupun subjek STEM. Kita telah pun memperuntukkan RM40 juta antara RM100 juta itu untuk menaiktarafkan dan mengubah suai 300 buah makmal komputer dan RM40 juta lagi untuk menaiktarafkan dan mengubah suai 200 makmal sains. Kesemua makmal tersebut telah pun dikenal pasti dan sedang dalam usaha pelaksanaan.

Pada masa yang sama kita juga menyediakan satu peruntukan sebanyak RM10 juta yang mana pihak KPM bersama-sama dengan *Penang Science Centre* sedang dalam usaha untuk merangka satu pelan jangka masa panjang dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti pempromosian STEM. So, itulah RM100 juta secara jumlah keseluruhannya yang telah pun disediakan oleh pihak MOF kepada pihak KPM, terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, hendak jawab? Kita had kepada Datuk Dominic sahaja.

Tuan Wong Kah Woh: Saya bergantung pada budi bicara Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya?

Tuan Wong Kah Woh: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa sarana ibu bapa dan sarana sekolah itu satu peranan ialah

mengurangkan atau mengatasi masalah sosial pelajar. So, soalan saya ialah sejauh manakah inisiatif itu berkesan dan apakah cabaran yang telah dihadapi oleh kementerian? Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Berkenaan dengan peranan ibu bapa ataupun inisiatif sarana ibu bapa dan juga sarana sekolah, pada beberapa tahun ini pihak peranan atau inisiatif sarana ibu bapa ini kita telah pun menukar konsep sebagai penglibatan ibu bapa komuniti dan juga swasta.

PIPKS ini adalah amat penting untuk memastikan bahawa matlamat dan juga hala tuju pihak KPM dapat dilaksanakan dengan lancar kerana dengan hanya bergantung kepada pihak sekolah ataupun pihak KPM, kadang-kadang daripada segi kaunseling kepada anak-anak kita ataupun bimbingan dan nasihat kepada anak-anak kita adalah tidak mencukupi. Dengan penglibatan daripada PIPKS maka ia dapat membantu kita dalam segala urusan untuk memastikan polisi-polisi KPM dapat dilaksanakan.

Pihak KPM amat memberikan penekanan dan juga pertimbangan terhadap peranan yang dimainkan oleh PIPKS ini yang mana apabila kita ada usaha untuk mengadakan sesi libat urus, maka kesemua pihak kepentingan termasuk PIPKS ini akan turut terlibat seperti subjerayawara Kurikulum Persekolahan 2027 ataupun sesi libat urus berkenaan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Baharu selepas tahun 2026 itu, kesemuanya pihak PIPKS dan juga pihak ibu bapa adalah terlibat dan pihak KPM menghargai peranan pihak PIPKS ini. Terima kasih.

2. Datin Ros Suryati binti Alang minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, jangka masa yang diperlukan bagi menjayakan enam fokus utama seperti mana digariskan kementerian yang berupaya menjadi pengubah keadaan (*game changer*) untuk pembangunan desa khususnya membabitkan 15,000 buah kampung di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Wang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada YB Senator atas soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, komitmen Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dalam menerajui pembangunan infrastruktur asas, sosioekonomi dan modal insan luar bandar menjadi pegangan asas yang seiring dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar dan Pelan Strategik Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah 2021/2025.

Secara dasarnya perancangan Dasar Pembangunan Luar Bandar untuk tempoh sehingga tahun 2030 adalah satu inisiatif kerajaan untuk mencorakkan perubahan di kawasan luar bandar yang sejahtera, inklusif, mampan dan holistik. Perkara ini juga selari dengan hasrat yang direncanakan oleh kementerian untuk pembangunan desa baharu melalui enam fokus yang merangkumi kepimpinan desa, pengukuhan tadbir urus dan kemapanan anak

syarikat, ekonomi dan keusahawanan, infrastruktur dan teknologi, pendidikan dan tata kelola dan sistem penyampaian.

Kesemua fokus utama ini merangkumi 62 program yang direncanakan pelaksanaannya bagi tahun 2024 bagi memberi manfaat khususnya kepada masyarakat desa. Dalam perkara ini, antara agenda yang dilaksanakan melibatkan keberhasilan pendidikan kemahiran sebagai pemacu perubahan untuk melonjakkan modal insan berkemahiran tinggi dalam masyarakat; mentransformasikan TVET sebagai agenda penting melalui pengukuhan kerjasama dengan pihak industri dan juga meningkatkan kualiti program TVET bagi memenuhi sasaran kerajaan mencapai 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2030; memberi fokus kpd pembangunan usahawan luar bandar dan juga memperkasakan peranan dan fungsi anak syarikat di bawah KKDW bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

Setiap program yang dirancang mempunyai tempoh pelaksanaan yang selaras dengan peruntukan peraturan dan dasar pelaksanaannya. Dalam merealisasikan semua usaha yang telah dirangka dan dilaksanakan demi mencorakkan perubahan di kawasan luar bandar bagi mencapai Wawasan Luar Bandar Sejahtera. KKW tidak bergerak secara silo, tetapi turut bekerjasama dengan semua kementerian dan agensi lain agar pelaksanaan pembangunan desa dapat dilakukan secara menyeluruh. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

■1020

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan tambahan saya, sejauh manakah perubahan impak sosial sasar yang merangkumi warga luar bandar dan desa di Semenanjung dan kumpulan bumiputera di Sabah dan Sarawak betul-betul berkesan? Adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan kerjasama dengan sektor swasta, organisasi swasta dan komuniti sosial untuk mempromosikan polisi yang sedang dijalankan? Terima kasih.

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Sejauh manakah keberkesanan pembangunan sosial untuk pembangunan luar bandar? Sebenarnya untuk makluman, berdasarkan kajian Jabatan Statistik, migrasi luar bandar telah menurun. Maksudnya, dari luar bandar ke bandar dah menurun dan peluang pekerjaan luar bandar pun sudah meningkat.

Namun begitu, secara keseluruhannya program-program sosial ekonomi dan juga sosial di kawasan luar bandar telah dirangka, bukan sahaja melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah kalau dari sudut sosial dan ekonomi. Juga oleh agensi dan juga kementerian yang lain. Sebab itu, kita mengadakan permukiman sebab kita hendak memastikan arah tuju, peranan dan tanggungjawab kementerian KKW dengan kita menggariskan 62 program tadi bagi memastikan perkembangan sosial ekonomi dapat dipantau.

Kalau saya hendak terangkan 62 program itu sebab 62 program itu untuk tahun ini sahaja sebab tahun depan ada fokus lain. Namun begitu, selain daripada 62 program ini, kita ada program-program kementerian yang kita laksanakan seperti biasa, yang kita sudah rancang, yang kita sudah aturkan melalui program tahunan dan juga RMK kita, kita buat. Namun, penekanan kepada 62 program ini supaya program pembangunan sosioekonomi, sosial-sosial dan juga program pembangunan infra luar bandar dapat difokuskan, dapat kita *follow through* dan dapat kita fokus bagi peningkatan yang lebih ketara lagi pada masa-masa akan datang. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Amir bin Md. Ghazali: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Menteri, kita had dua sahaja.

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Amir bin Md. Ghazali: Boleh ya, terima kasih Dato' Speaker.

Soalan saya tentang terkait tentang 15,000 buah kampung di bawah KKDW. Saya hendak tanya, soalan saya tentang wujudnya JPKK- Jawatankuasa Pembangunan Kampung dan juga JPKKP Persekutuan dan ada satu lagi Jawatankuasa Komuniti Desa MADANI. Soalannya, adakah ada pertindihan di kalangan ketiga-tiga entiti yang wujud di satu negeri? Kedua adalah, apakah sasaran pihak kementerian untuk mencapai KPI ketiga-tiga entiti ini?

Apakah garis panduan ataupun langkah-langkah kementerian untuk memastikan ketiga-tiga ini mendapat ilmu, pentadbiran yang sama supaya setiap kewujudan entiti ini bermanfaat kepada masyarakat setempat?

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Terima kasih YB Senator. Untuk menjawab YB Senator, memang pada masa ini kita terdapat tiga komuniti. Maksudnya, jawatankuasa pengurusan kampung yang wujud. Pertama, JPKK.

Kedua, JKPP dan yang satu lagi, JKDN. Ketiga-tiga ini tidak bertindih dan diwujudkan berdasarkan fungsi dan matlamat. Kalau JPKK dan JKPP adalah biasa, maksudnya jawatankuasa yang telah diwujudkan.

JPKK- Jawatankuasa Pengurusan Kampung di bawah kerajaan memerintah. Manakala JKPP adalah di negeri yang bukan maksudnya kerajaan memerintah. Maksudnya, di bawah Persekutuan, yang ini tujuan perannya adalah untuk mentadbir, mengurus, menyelia, merancang, mentadbir kampung secara keseluruhannya, baik dari sudut infrastruktur, dari sudut *leadership*, begitu juga dari sudut pembangunan sosioekonomi dan sebagainya.

Manakala, begitu juga JKPP. Cuma, satu lagi jawatankuasa, JKDN. Ini yang ini kita lantik khusus untuk memantau program-program pembangunan sosioekonomi di kawasan pentadbiran luar bandar, khasnya KKW. Yang ini sebenarnya sebab isu pelantikan JPKK dan

juga JKPP di beberapa buah negeri belum *settle*, tetapi KKW tak boleh tunggu. Kita akan bentuk satu komuniti untuk memastikan program sosioekonomi pembangunan dan tadbir urus KKW ini dilaksanakan tanpa- kita tidak mahu menangani isu itu semualah. Kita fokus yang mana JKDN ini bukannya tadbir urus kampung, dia lebih kepada jawatankuasa menyelia pembangunan sosioekonomi dan sosial di kampung berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, KKW kita telah pun- dia dianggap kita sebagai pelengkap, tambahan kepada usaha yang sedia ada yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Dari sudut memperkasakan JPKK, JKPP dan JKDN ini kita telah pun mengatur banyak latihan-latihan kepada jawatankuasa pengurusan. Malah, dalam kita punya tadbir urus permukiman kita ini, tahun ini kita *target* 1,000 orang ahli jawatankuasa JKK diberi latihan kepimpinan tahun ini dan kita telah laksanakan *almost 70 percent* di semua negeri.

Kita sudah laksana, kita beri latihan kepada pengerusi, setiausaha dan bendahari dan juga beberapa orang ahli AJK yang lain. Begitu juga kita juga ada latihan sambil belajar tahun ini. Kita pilih tiga program, satu lawatan ke Johor berkaitan dengan- untuk melihat program-program pembangunan ekonomi yang berdaya maju. Satu kita buat di Johor, satu lagi kita buat di Penang dan satu lagi- saya tak ingat yang itu. Kita ada tiga lawatan tahun ini.

Ini KPI-KPI yang kita *set* untuk memastikan *sharing information* pengurusan kampung ini dapat kita atur dan boleh memberi pendapat ataupun boleh memberi idea yang bernas kepada kampung-kampung lain untuk pengurusan kampung.

Begitu juga latihan-latihan lain yang berterusan yang kita buat untuk jawatankuasa ini, yang kita laksanakan secara berkala bersama dengan misalannya, NBOS bersama dengan APMM. Kita ada Program Pengurusan Bencana, kita ada latihan juga bersama dengan APMM untuk melatih JKK-JKK ini bersedia dengan isu-isu berkaitan dengan pengurusan bencana di kampung dan juga beberapa buah agensi yang lain. Latihan itu memang kita- seluruh negara kita dah senaraikan dan kalau saya sebut pun tak- orang kata banyak program yang kita beri.

Jadi, *insya-Allah* kita mempunyai *target* kita hendak pastikan. Malah, di peringkat kampung pun kita akan tubuhkan 1 CEO 1 Kampung, *1 CEO 1 Village* yang mana kita akan mencari orang kata- ini kolaborasi kita dengan universiti, yang mana universiti akan menamakan seorang. Maksudnya, pelajar akan memastikan orang kata sebagai pemangkin dalam idea pembangunan kampung berkenaan.

Jadi, banyak lagi beberapa siri yang akan kita laksanakan dan kemungkinan besar tahun ini kita akan buat konvensyen JPKK dan JPKKP, yang ini untuk *sharing* idea-idea bernas dalam pembangunan kampung di seluruh Malaysia. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua...

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 3.

3. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, perkembangan pembinaan Rumah Pam Kemubu 3 (KADA) bagi mengatasi masalah kekurangan sumber air yang terpaksa ditanggung oleh pesawah ketika musim kemarau serta langkah-langkah untuk memastikan penggunaan air yang efisien dan lestari.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu atau juga dikenali sebagai KADA mempunyai kawasan *parcel* padi seluas kira-kira 26,000 hektar yang merangkumi tiga skim pengairan utama iaitu Skim Pengairan Kemubu, Skim Pengairan Lemal dan Skim Pengairan KASA.

■1030

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pembinaan Stesen Pam Kemubu 3 dengan kos keseluruhan projek bernilai RM26.63 juta dilaksanakan di dalam kompleks Stesen Pam Kemubu KADA sedia ada di Kampung Kemubu, Ketereh, Kelantan. Komponen utama projek ini terdiri daripada pembinaan struktur utama stesen pam dengan reka bentuk konkrit bertetulang dan sepuluh unit pam selam elektrik berkapasiti 23,000 liter per saat keseluruhannya. Ia akan mengairi kawasan Skim Pengairan Kemubu dan memberi manfaat sepenuhnya kepada jaminan bekalan air sepanjang musim tanaman padi untuk dua kali setahun.

Aras kebolehoperasian Stesen Pam Kemubu 3 diturunkan ke aras positif dua meter berbanding aras Stesen Pam Kemubu 1 iaitu 4.9 meter dan Kemubu 2 pada 3.5 meter. Ini bermakna Stesen Pam Kemubu 3 boleh beroperasi pada aras air Sungai Kelantan yang lebih rendah daripada Stesen Pam Kemubu 1 dan Kemubu 2.

Sehingga 25 Julai 2024, kemajuan fizikal bagi pembinaan Rumah Pam Kemubu 3 adalah 31.20 peratus. Kontraktor kini sedang menjalankan kerja-kerja menanam cerucuk di muka sauk dan pembinaan struktur konkrit bertetulang bangunan rumah pam serta kerja-kerja awalan untuk mekanikal dan elektrik di tapak. Projek ini dijangka akan siap pada 28 Mei 2025.

Setelah projek ini siap, risiko gangguan bekalan air pengairan ke kawasan Skim Pengairan Kemubu akan dapat dikurangkan semasa musim kemarau. Buat masa ini, kaedah kitar semula air daripada saliran dengan menggunakan pam mudah alih dan penggunaan air daripada telaga tiub dipraktikkan bagi menampung kekurangan sumber air di kawasan yang terlibat. Sekian dan terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih Datuk Menteri yang telah memberikan jawapan yang saya rasa agak lega dengan perkembangan pembinaan Rumah Pam Kemubu 3 di Kelantan.

Pertanian negeri Kelantan memerlukan satu penyelesaian yang holistik sebenarnya terutama dalam isu bekalan air dan sistem pengairan yang sememangnya bermasalah sejak lama dan amat menjejaskan pengeluaran padi negeri Kelantan. Kita mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada pihak kerajaan atas usaha membelanjakan lebih daripada RM20 juta untuk pembinaan Rumah Pam 3 ini.

Soalan saya, adakah pihak kementerian, sebagai satu langkah sokongan yang efisien, mempunyai perancangan untuk pembinaan kolam takungan berskala kecil di beberapa buah tempat di kawasan pengairan KADA khususnya di kawasan Bachok, Pasir Puteh dan Kota Bharu yang paling terjejas akibat daripada kegagalan sistem pengairan ini? Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat Senator. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Mengambil kira bahawa terdapat keperluan yang mendesak untuk menyelesaikan isu air di kawasan KADA dan juga bagi memastikan bekalan padi adalah mencukupi pada masa yang akan datang, kita telah melaksanakan beberapa langkah penyelesaian jangka pendek, jangka sederhana dan juga jangka panjang.

Untuk penyelesaian jangka masa pendek, antara satu tindakan yang kita telah ambil adalah operasi pembenihan awan yang dijalankan pada 21 Jun hingga 23 Jun 2024. Berikutan daripada operasi ini, hujan sederhana lebat telah direkodkan pada 21 Jun di kawasan sasaran iaitu Gua Musang dan Pasir Puteh. Kementerian sedang dalam permohonan kepada NADMA untuk pelaksanaan operasi pembenihan awan fasa kedua.

Langkah yang seterusnya adalah kerja-kerja pembinaan 150 telaga tiub yang telah bermula di lokasi yang telah dikenal pasti seperti berikut- Kota Bharu Utara, Kota Bharu Selatan, Bachok, Pasir Puteh, Tumpat, IADA Kemasin Semerak. Status bagi 150 telaga tiub ini adalah 10 bilangan telaga tiub telah siap dibina dan 140 lagi sedang dalam pelaksanaan.

Pada masa yang sama, kita mempunyai satu penyelesaian jangka sederhana iaitu berikutan daripada kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang diumumkan pada bulan Mei yang telah memperuntukkan RM20 juta untuk membina dan menyiapkan sistem pam boleh alih dan kerja-kerja berkaitan bagi pengairan di Stesen Pam Kemubu dan Lemal, kementerian sedang mengurus perolehan untuk membekalkan pam khas yang berkapasiti tinggi ini.

Pada masa yang sama, kita juga ada satu cadangan penyelesaian jangka masa panjang iaitu untuk projek pembinaan ampang jajar. Projek ini melibatkan pembinaan ampang

jajar di Sungai Kelantan dengan anggaran kos RM700 juta di bawah peruntukan kementerian yang akan dimasukkan ke dalam RMKe-13. Sekian dan terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Hanya sekiranya dia berkaitan dengan soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Memang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Pada pendapat saya ialah rumah pam itu memang tidak berfungsi semasa musim kemarau. Tak kisahlah berapa pam yang kita nak membina. Soalan saya pendek saja. Apakah pandangan daripada kementerian mengadakan tanaman tahan kemarau atau adakah penyelidikan untuk spesies yang baharu untuk padi yang boleh tahan kemarau? Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Ya, ada satu institut penyelidikan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan iaitu MARDI. MARDI sekarang dalam kajian untuk mengeluarkan satu jenis benih padi yang baharu yang lebih rentan kepada serangan penyakit dan lebih tahan dan lebih sesuai pada musim yang kita mengalami sekarang diakibatkan oleh perubahan cuaca. *Variety* yang baharu ini sedang diuji dalam plot ujian di bawah kawasan MARDI dan dia dijangka boleh dikeluarkan mulai dari tahun hadapan. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Aman.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Soalan saya soalan nombor 4.

4. Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman minta Menteri Kerja Raya menyatakan, adakah terdapat skop perparitan yang holistik dalam rancangan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Dato' Yang di-Pertua, Tan Sri Anifah Aman.

*Sarapan pagi makan ketupat,
Di serambi rumah di tepi paya;
Pada soalan nombor empat,
Dengarkan YB ini jawapannya.*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada segi prestasi pelaksanaan projek keseluruhan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah, kini sedang giat dilaksanakan mengikut perancangan. Berhubung tentang apa yang disebut status fizikal semasa bagi Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1A adalah 76 peratus dan dijangka siap keseluruhan pada suku pertama tahun 2026.

Mengenai menaik taraf jalan raya sedia ada dan pembinaan jalan baharu, reka bentuknya telah mengambil kira kesesuaian bentuk muka bumi, sistem perparitan dan saliran, serta kadar taburan hujan di *right of way* (ROW). ROW ini adalah sempadan jalan yang diambil di jalan persekutuan untuk membina lebuhraya.

Langkah awal juga telah diambil semasa peringkat reka bentuk dengan kerjasama pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah dalam mengenal pasti kaedah mitigasi banjir untuk jangka sederhana dan jangka panjang kesan daripada pelaksanaan projek LPB Sabah.

■1040

Selain daripada itu, kaedah *flood simulation* juga digunakan di kawasan berisiko tinggi dan hasil mendapati bahawa pembinaan Pan Borneo Sabah ini tidak memberi kesan yang signifikan kepada kawasan-kawasan yang terbabit daripada segi banjir. Sistem perparitan projek ini juga mematuhi spesifikasi dan kriteria yang diperlukan berdasarkan penelitian bersama pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah di peringkat awal reka bentuk yang dimuktamadkan melalui makmal pengurusan nilai.

Bidang kuasa kementerian ini meliputi pembinaan dan penyelenggaraan sistem perparitan di dalam sempadan jalan persekutuan termasuklah bagi projek Pan Borneo Sabah. Manakala bagi penyediaan dan pengurusan sistem saliran di luar kawasan koridor jalan persekutuan, ia adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta juga Kementerian Alam Sekitar dan Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya bersama Jabatan Kerja Raya Sabah selaku pegawai penguasa projek Pan Borneo Sabah sentiasa mengadakan perbincangan dan libat urus dari semasa ke semasa dengan kerjasama pihak JPS dan PBT untuk meneliti sebarang cadangan penambahbaikan.

Terkini pada 29 Julai 2024, dua hari lepas, Yang Berhormat Dato Sri Menteri KKR telah melawat tapak projek Pakej Kerja 6 Pan Borneo Sabah bagi meninjau dan membincangkan perkara berkaitan sistem saliran projek tersebut. Sesi libat urus seperti ini adalah sebahagian daripada inisiatif kementerian untuk memastikan semua jalan persekutuan sentiasa dalam keadaan selamat dan selesa termasuk Pan Borneo Sabah. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua. Saya berasa bertuah hari ini oleh sebab sahabat saya Timbalan Menteri menjawab soalan ini dan Yang Berhormat adalah di antara satu-satunya pemimpin yang sering datang ke Sabah dan faham dengan keperluan rakyat Sabah Negeri di bawah Bayu.

Dato' Yang di-Pertua, sebahagian daripada soalan tambahan saya ini sudah dijawab dalam awal-awal tadi, tapi walau bagaimanapun, saya ingin fokus kepada isu-isu yang sangat-sangat diperlukan *and the need to address* masalah ini. Dato' Yang di-Pertua, saya minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah terdapat projek-projek tebatan banjir di *flood prone district*, dengan izin, bagi mengatasi masalah banjir di Sabah dan projek-projek perparitan yang boleh juga berfungsi sebagai projek tebatan banjir di Sabah? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman. Apabila kita membina projek lebuhraya ini, antara *spec* dan *skop*, ia hendaklah mematuhi projek lebuhraya yang standard, di tengahnya itu jaraknya dua hingga empat meter.

Kemudian untuk lorong yang pertama, 3.5 meter. Lorong yang kedua, 3.5 meter. Kemudian, kita ada satu meter yang kita sebut sebagai *emergency lane*. Satu hingga dua meter pula adalah untuk longkang dan perparitan. Jadi kita boleh bayangkan dua hingga empat meter campur 3.5 meter campur 3.5 meter campur satu meter *emergency lane* campur satu hingga dua meter perparitan dan longkang. Sepatutnya itulah di seluruh Pan Borneo ini. Pan Borneo Sabah ini 706 kilometer dan kita mula bina 2017 lagi. Pakej 1A, 388 kilometer siap 2026, mudah-mudahan. Pakej 1B, 2029 siap, 318 kilometer. Untuk Sarawak, Sarawak pula, 786 kilometer dan 99 peratus sudah siap.

Saya ingin menyatakan bahawa sebagaimana saya sebut tadi, kerjasama antara PETRA dan KPKT, pihak berkuasa tempatan dan JPS dan JKR saling lengkap-melengkapi. Selain daripada itu, kita juga sudah dimaklumkan oleh PETRA bahawa dalam Belanjawan 2024 terdapat 33 projek tebatan banjir, RM11.8 bilion kosnya.

Apa yang berlaku baru-baru ini Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman, apa yang berlaku ialah banjir di kawasan Penampang. Rupa-rupanya di kawasan Penampang itu ada satu sungai, nama Sungai Moyog dan Pan Borneo Sabah ada membina jambatan. Ada tuduhan bahawa sebab Pan Borneo, maka berlaku banjir di Penampang, tapi sebenarnya apa yang berlaku ialah ada empat pakej tebatan banjir di Penampang, baharu siap dua, dua lagi belum siap. Itu antara sebab kenapa berlaku banjir baru-baru ini di Daerah Penampang. Kita sentiasa mengambil perhatian dan terima kasih atas keprihatinan Tan Sri Senator Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya.

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan. Soalan tambahan

Tuan Yang di-Pertua: Menteri, nak jawab *before your answer, ask?*

Datuk Lim Pay Hen: Boleh? Johor, Johor. Daripada Pan Borneo ke Johor.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum itu Yang Berhormat Menteri, saya nak mengalu-alukan tetamu istimewa kita dari Sarawak, Dewan Undangan Sarawak- Speakernya... [Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini mengalu-alukan kehadiran delegasi daripada DUN Sarawak iaitu Dewan Undangan Sarawak yang diketuai oleh Yang di-Pertuanya- Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nassar serta Yang Berbahagia Puan Sri Datin Amar Fatimah Iskandar dan juga delegasi- Setiausahaanya, Tuan Nur Azhar bin Bujang. Selamat datang ke Dewan Negara Yang Berhormat Tan Sri dan delegasi.

Untuk makluman semua, Yang Berhormat Tan Sri ini *is the longest serving Speaker in the Commonwealth, 24 years...* [Tepuk] *As record, we were not be able to emulate because our term is only six years...* [Ketawa] *If at all we reaches that maximum tenure of six years. Kalau dah bertahan sampai 24 tahun, tentulah the parliamentary skill is there-lah. And of course his record is without break. There is another Parliamentary in Malaysia also 24 years, but there is a break, 24 plus two. He is consecutively 24 years.*

So, we should be proud of that. Of course to be there, you must be good at your job. Whether he is the best in Commonwealth, we have to wait because Tan Sri Johari and me had just been elected to this Chair... [Ketawa] *Maybe we can defer that judgement to the later. I hope this is not unparliamentary Sir...* [Ketawa]

So, welcome Yang Berhormat Tan Sri and delegation from Sarawak.

Okey, Menteri nak jawabkah soalan ketiga..?

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Apakah status pelebaran lebuh raya di Johor dari Senai ke Sedenak yang dikatakan akan bermula pada pertengahan tahun 2024? Adakah kerajaan telah mencapai kata putus sama ada pelebaran lebuh raya ini akan dipanjangkan ke Ayer Hitam ataupun tidak yang akan menelan belanja RM931 juta seperti yang diumumkan pada Bajet 2024? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, selamat datang Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nassar, Speaker DUN Sarawak. Isteri saya dari Sarawak juga, mengenali.

Terima kasih kepada Senator Datuk Lim. Kita memang sudah pun membuat pengumuman iaitu pelebaran daripada empat lorong kepada enam lorong daripada Senai Utara ke Sedenak. Itu akan bermula tidak berapa lama lagi. Tidak berapa lagi maksudnya sebulan dua lagi dan jaraknya 21 kilometer dan kosnya RM525 juta.

Seterusnya, dalam Belanjawan 2024 juga telah diumumkan- RM931 juta daripada Sedenak dan kita ada membuat VA dan VE- *value assessment* dan *value engineering* bahawa

jalan itu sepatutnya bukan hanya sampai ke Simpang Renggam, tapi sepatutnya sampai ke Ayer Hitam. Kita akan terus memantau tentang perkara ini, tapi apa yang telah diumumkan itu tentunya kerajaan komited untuk melaksanakannya.

■1050

Sebenarnya, usaha untuk pelebaran jalan itu, memang jalan yang saya lalui saban minggu balik kawasan di Pontian. Hasrat asal ialah daripada Senai Utara ke Yong Peng Utara. Jadi, kelihatannya kemungkinan ada tiga pakej.

- (i) Pakej pertama, Sedenak daripada Senai Utara ke Sedenak;
- (ii) Pakej Kedua, Sedenak Simpang Renggam atau Ayer Hitam; dan
- (iii) kemudian Ayer hitam bersambung ke Yong Peng Utara.

Kita akan berusaha untuk melaksanakan semua pakej itu untuk manfaat rakyat. Bukan hanya negeri Johor, tetapi dari Singapura dan rakyat negeri lain yang melalui Projek Lebuhraya Utara-Selatan di kawasan negeri Johor. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim.

5. Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan, peratusan penggunaan Skim Perubatan Madani oleh golongan B40 dan M40 sepanjang suku kedua 2024.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Skim Perubatan Madani (SPM) dilancar sebagai projek perintis sejak 15 Jun 2023 dengan objektifnya adalah untuk mengurangkan kesesakan pesakit di Jabatan Pesakit Luar dan Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia, tetapi bermula pada 26 Februari 2024, kawasan liputan SPM hanya berfokuskan kepada 10 buah daerah Fasa 1 iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Gombak, Hulu Langat, Petaling, Klang, Johor Baru, Kinta Perak, Timur Laut Pulau Pinang, Kota Kinabalu Sabah dan Kuching di Sarawak.

Untuk makluman pada suku kedua 2024, seramai 123,572 orang pesakit telah menikmati manfaat ini meliputi 151,199 rawatan dengan perbelanjaan sebanyak RM14.3 juta telah dibelanjakan sehingga 1 April hingga 30 Jun 2024. Selain itu antara rawatan kesihatan yang ditawarkan di bawah skim ini adalah seperti berikut:

- (i) deman dan selesema;
- (ii) cirit-birit dan muntah;
- (iii) terseliuh;
- (iv) sakit kepala; dan
- (v) trauma ringan seperti luka ringan dan lain-lain.

Kesemua sakit 100 peratus adalah daripada kalangan B40 kerana kelayakan SPM adalah daripada kalangan golongan B40 iaitu penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan isi rumah mereka sahaja. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan bagi memberi subsidi bersasar kepada golongan yang memerlukan dengan memfokuskan sumber pada kawasan dan penerima tertentu sahaja. Sekian, terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Sekiranya Skim Perubatan Malaysia Madani ini memberi manfaat dan faedah kepada rakyat, adakah kementerian berhasrat untuk meneruskan kesinambungan skim ini dengan lebih banyak penambahbaikan pada tahun hadapan? Terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Satu persoalan yang kerap kali timbul apabila kita memperkenalkan Skim Perubatan Madani.

Pada mulanya Skim Perubatan Madani ini adalah untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan kesesakan di hospital dan juga di klinik-klinik kesihatan. Pada Jun 2023, kita memulakan pada 10 buah daerah awal di mana setiap hospital sebagai contoh di Hospital Umum Sarawak. Kita berdepan dengan keadaan kesesakan di wad ataupun di *green zone*-kecemasan.

Di situlah idea untuk membentuk Skim Perubatan Madani di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta peruntukan. Bermula daripada Jun sehingga September kita memikirkan bahawa skim ini dapat diperluaskan secara *nation wide*, dengan izin. Walaupun demikian bermula daripada September sehinggalah Januari ataupun Februari 2024, kami mendapati bahawa skim ini adalah tersangat baik Tuan Yang di-Pertua, di mana sambutan masyarakat dan rakyat berterima kasih ke atas skim perubatan ini.

Walaupun demikian, apa yang kami dapati adalah, peruntukan RM100 juta yang diperuntukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam belanjawan tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang sangat tinggi di mana pada menjelang Februari kami terpaksa untuk menurunkan penawaran Skim Perubatan Madani ini kepada 10 buah daerah asal seperti apa yang saya jawab sebentar tadi.

Walaupun demikian, kami memikirkan satu mekanisme yang terbaik buat masa kini dengan peruntukan RM100 juta. Saya cukup yakin bahawa kerajaan akan meneruskan peruntukan ini pada tahun hadapan di mana kumpulan sasaran kita akan turunkan kepada golongan miskin tegar di kalangan B40. Setiap Parlimen kita mempunyai angka-angka yang cukup jelas di mana ICU dan LHDN juga telah membekalkan data-data tersebut.

Dengan peruntukan RM100 juta, mungkin tidak mencukupi, tetapi sekurang-kurangnya Skim Perubatan Madani ini dapat mencapai dan juga membantu golongan-

golongan miskin tegar ini. Sekiranya kita mempunyai pendapatan yang stabil, ekonomi yang sangat baik, pendapatan negara yang dapat bertambah.

Saya cukup yakin kita akan memikirkan bagaimana untuk meningkatkan lagi jumlah Skim Perubatan Madani ataupun kita memikirkan satu kaedah yang lebih baik agar Skim Perubatan Madani ini dapat mencapai golongan B40 dan seterusnya sekiranya kita dapat menawarkan skim ini kepada golongan-golongan M40. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Doktor, silakan.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan di sini. Pertama, apakah indeks pencapaian ataupun *outcome index*, dengan izin, yang kita pantau untuk Projek Skim Madani ini?

Soalan kedua saya, negara kita dibelenggu dengan *three plus one*, dengan izin, yang memerlukan pendekatan baharu untuk menangani ini. Bolehkah Skim Madani ini diperluaskan untuk meliputi penjagaan penyakit *three plus one* dengan konsep *payment earn for outcome*?

Ini kerana dapat membantu lebih kurang 11,000 GP yang sangat terkesan dengan TPA yang semakin berleluasa dan mengurangkan kesesakan di klinik kesihatan kita? Terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, ini adalah merupakan satu soalan yang sangat sukar sebenarnya untuk dijawab dan juga bermutu tinggilah, Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun demikian, hasil daripada pelaksanaan Skim Perubatan Madani (SPM), kita dapati bahawa apa yang kita fikirkan adalah *sustainability* peruntukan SPM ini. Walaupun demikian Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah pun meletakkan satu sasaran di bawah Kementerian Kesihatan adalah untuk mewujudkan Skim Pendanaan Kesihatan yang lebih komprehensif dan juga bersikap kebangsaan.

Kita telah menubuhkan *Health Transformation Office* yang ketika ini cukup teliti bergerak ke seluruh fasiliti kesihatan dan juga berjumpa dengan pihak industri dan juga berjumpa dengan pihak-pihak berkepentingan yang dapat memikirkan apakah hala tuju *health financing* yang ingin kita perkenalkan.

Walaupun Skim Perubatan Madani ini cukup baik pada peringkat awal, tetapi apabila kita melihat data-data. Sebagai contoh tuntutan daripada GP semakin meningkat sehingga 25,000 setiap minggu. Kita dapati dalam catatan saya. Sekiranya kita mengekalkan peruntukan Skim Perubatan Madani ini untuk kegunaan seluruh negara, kita akan berbelanja hampir RM700,000 seminggu.

Ini adalah satu jumlah yang besar dan juga *outcome-outcome* yang kita dapati adalah penyakit-penyakit ringan adalah merupakan salah satu servis yang mereka perlukan. Hasil daripada perkenalan Skim Perubatan Madani ini juga kita dapati terdapat hanya sedikit

penurunan di hospital ataupun di unit-unit kecemasan. Ini masih memerlukan lagi kajian yang teliti Yang Berhormat Senator bagaimana untuk kami benar-benar memastikan bahawa Skim Perubatan Madani ini mencapai sasaran iaitu *to decongest Emergency Unit*, dengan izin.

Walaupun demikian, saya sangat mengalu-alukan sekiranya Yang Berhormat Senator mempunyai cadangan yang baik. Kita akan fikirkan bersama melalui platform *Health Transformation Office* di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

6. Datuk Lim Pay Hen minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, sejauh mana penelitian kementerian terhadap koperasi mikro yang tidak aktif di bawah kendalian agensi kementerian dan apakah inisiatif yang sedang dirangka kementerian bagi membantu memulihkan koperasi mikro yang mengalami kesukaran untuk beroperasi.

■1100

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Ramanan Ramakrishnan]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Lim, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) komited dalam membantu meningkatkan keupayaan koperasi termasuk yang dikategorikan sebagai koperasi kluster mikro.

Berdasar perangkaan koperasi sehingga Disember 2023, terdapat sebanyak 13,304 buah koperasi berada di dalam kluster mikro di mana perolehan tahunan koperasi tersebut adalah di bawah RM200,000. Daripada jumlah tersebut, bilangan koperasi berstatus tidak aktif adalah sebanyak 1,596 buah koperasi. Dalam hubungan ini, antara inisiatif dan program yang telah dilaksanakan oleh SKM untuk meningkatkan keupayaan koperasi mikro adalah seperti berikut.

Memberi bimbingan dan khidmat nasihat pengurusan rekod khusus kepada koperasi mikro melalui Program Pemerksaan Akaun Koperasi (PKASA) yang melibatkan sebanyak 4,051 buah koperasi dengan peruntukan berjumlah RM1.4 juta sejak tahun 2021 hingga kini. Ini adalah khusus khidmat bimbingan yang diberikan, contohnya untuk membantu mereka untuk menjaga akaun dan juga mengadakan mesyuarat agung tahunan.

Selain daripada itu Dato' Yang di-Pertua, melaksanakan program bantuan perakaunan dan pengauditan pakar merangkumi bantuan bagi menyediakan akaun dan pengauditan kepada koperasi mikro melibatkan 500 buah koperasi dengan peruntukan berjumlah RM1.06 juta sejak tahun 2020 sehingga kini.

Melaksanakan program pemulihan koperasi tidak aktif khusus bagi koperasi yang berpotensi untuk dimajukan serta yang mempunyai aset. Antara program yang dilaksanakan ialah pemulihan koperasi dalam bentuk penyediaan geran di bawah Program Pengukuhan

Koperasi (PPK) melibat 65 buah koperasi dengan peruntukan berjumlah RM3.551 juta pada 2022 dan juga pada tahun 2020.

Padanan perniagaan dan jaringan kerjasama termasuk pengenalan produk dan perkhidmatan melalui kerjasama dengan koperasi atau syarikat yang lain turut disediakan.

Meningkatkan potensi dan pertubuhan perniagaan koperasi melalui penyediaan kemudahan pembiayaan seperti pembiayaan koperasi mikro dan pembiayaan permulaan yang menawarkan pembiayaan sehingga RM100,000. Sekian, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah usaha kementerian bagi meningkatkan *marketing* Program Transformasi dan Digitalisasi Koperasi iaitu DigiKoP yang masih tidak dapat sambutan yang memberangsangkan berikutan hanya 84 buah koperasi menggunakan perkhidmatan *COOP.MY* dalam aktiviti perniagaan daripada keseluruhan 15,809 bilangan koperasi yang ada dalam negara.

Soalan kedua saya, apakah usaha kementerian dalam memperbanyakkan penglibatan pemimpin dan pakar dalam pentadbiran koperasi khususnya mereka yang berkecimpung dalam bidang pentadbiran koperasi bagi terus meningkatkan daya saing koperasi yang telah terbukti mampu menjana sumbangan yang besar kepada KDNK negara sebanyak RM63 bilion pada tahun lalu. Sekian, terima kasih.

Dato' Ramanan Ramakrishnan: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Lim, kalau kita lihat penglibatan daripada segi pentadbiran, memang ada bantuan yang disediakan. Contoh, kalau kita lihat ada program yang dirangsang seperti program *rejuvenation of* koperasi. Untuk rejuvenasi koperasi kita telah ada bimbingan yang disediakan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) di mana 281 pelan telah dirangka, program telah dijalankan dan yang telah dilaksanakan setakat hari ini adalah 78 program yang melibatkan 3,273 orang peserta.

Antara program-program bimbingan yang dijalankan adalah untuk membimbing koperasi-koperasi mikro ini untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan, membuat pengauditan akaun dan juga untuk menguruskan laporan tahunan mereka.

Kalau kita lihat, untuk memberikan mereka bantuan untuk mengembangkan perniagaan dan juga daya saing mereka untuk menaikkan KDNK, kita telah mengadakan banyak program. Contohnya, untuk tahun lepas, kita ada TMP-SKM iaitu Tabung Modal Pusingan bagi koperasi-koperasi mikro melalui produk pembiayaan koperasi mikro di mana kelayakan terbuka kepada koperasi kluster mikro dengan jumlah perolehan tahunan kurang daripada RM200,000.

Bagi tahun 2023 sehingga Jun 2024, sebanyak tiga buah koperasi diluluskan pembiayaan dengan jumlah sebanyak RM230,000, juga yang telah diberikan adalah Pembiayaan Permulaan (SuFi-1) di mana kelayakan terbuka kepada koperasi yang berdaftar baharu iaitu kurang daripada 18 bulan.

Bagi tahun 2023 sehingga Jun 2024, sebanyak 15 buah koperasi diluluskan pembiayaan dengan jumlah sebanyak RM1.34 juta. Kalau kita lihat sejajar juga, kita ada penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia untuk galakan profesionalisme koperasi di mana pendidikan khususnya untuk menjalankan aktiviti koperasi disediakan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lim.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

*Banyak padi perkara padi,
Padi kurang di bulan tengkujuh;
Pelantar DELIMa banyak menabur budi;
Pada Menteri, saya tujukan soalan nombor tujuh.*

7. **Dato' Sri Ti Lian Ker** minta Menteri Pendidikan menyatakan, perkembangan terkini pelaksanaan Pelantar Pembelajaran Digital (DELIMa) yang diperkenalkan sejak 2019 dan sejauh manakah keberkesanan program ini kepada para pelajar dalam mengaplikasikan pengajaran kecerdasan buatan (AI) dalam kehidupan seharian.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Senator Dato' Sri Ti Lian Ker. Soalan berkenaan dengan keberkesanan program DELIMa.

Kementerian Pendidikan Malaysia komited memperkasakan pembangunan bakat dan model insan murid dalam era ekonomi digital termasuk menyokong penguasaan ilmu melalui penggunaan Pelantar Pembelajaran Digital iaitu *Digital Educational Learning Initiative* (DELIMa) yang diperkenalkan sejak tahun 2019.

Pelantar DELIMa dinaiktarafkan dan ditambah baik secara berterusan dengan *feature* baharu bagi meningkatkan pengalaman pengguna, analisis data, kandungan dan pembelajaran diperibadikan. Pelbagai sumber pembelajaran sendiri, aktiviti pembelajaran dan gamifikasi pendidikan telah disediakan oleh KPM bersama-sama dengan rakan-rakan strategik dan juga pemegang taruh yang komited.

Lencana digital atau *digital badges*, dengan izin, turut diperkenalkan untuk meningkatkan motivasi dan penglibatan murid dalam pelbagai aktiviti interaktif yang disediakan. Sehingga Mei 2024, seramai 36,095 orang murid daripada 4,974 buah sekolah telah berjaya mengumpul Lencana *Digital Me* yang menunjukkan tahap penguasaan dan pencapaian dalam pelbagai pengetahuan serta kemahiran.

Dato' Yang di-Pertua, berdasarkan laporan penggunaan, sehingga 10 Julai 2024 sebanyak 26 peratus bersamaan dengan 1,301,593 orang murid dan 89 peratus 401,619 orang guru telah menggunakan pelantar DELIMa secara aktif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM bekerjasama dengan Google menerusi program Gemini AI Academy bagi membangunkan rancangan pelajaran yang kreatif. Pada masa yang sama, kerjasama dengan Pixel menerusi program *Pixel Making Design, Smarter, Faster, Easier with the Help of AI* pula meningkatkan kemahiran untuk menyunting grafik. Inisiatif *Intel AI for Youth* pula membantu murid memahami dan menggunakan teknologi AI dalam pembelajaran melalui kaedah pembelajaran berasaskan projek dan Microsoft.

■1110

Pihak KPM juga bekerjasama dengan Microsoft, dengan Program Microsoft Education AI Toolkit yang menjadikan pendidikan dan pembelajaran lebih menyeronokkan. Selain itu, KPM sedang giat dalam melaksanakan aktiviti bengkel dalam talian dan pertandingan berkaitan penggunaan teknologi digital dengan mengintegrasikan AI menerusi Program Pemerkasaan Pendidikan Digital Murid yang dapat meningkatkan kompetensi digital murid.

Sebanyak lapan aktiviti sedang dilaksanakan sepanjang tahun 2024, seperti *Imagine Club Junior, Digital Story Telling Animation, ASEAN Data Science Explorers, Pembangunan Aplikasi Android, Minecraft Education Challenge, iOS Ideation Challenge, Creativity@School* dan *Digital Ninja* melibatkan murid-murid sepanjang tahun. Maklumat serta bahan berkaitan aktiviti dan pertandingan yang dilaksanakan boleh diakses oleh murid melalui pelantar DELIMa. Sekian, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih atas jawapan yang bernas. Kita sedia maklum bahawa generasi muda hari ini, khususnya Generasi Z dan Alfa, yang begitu cekap menggunakan teknologi digital kini, malah boleh dikatakan lebih maju memandangkan golongan ini membesar dalam perkembangan teknologi baharu dunia digital yang segala-galanya di hujung jari sahaja.

Soalan saya ialah, memandangkan silibus kecerdasan buatan AI hanya akan mula diperkenalkan di peringkat sekolah melalui persekolahan pada tahun 2027, apakah platform DELIMa ini akan dijadikan sebagai transisi atau medan uji kaji buat masa ini, sebelum silibus AI berkenaan dilaksanakan secara sepenuhnya kelak? Ataupun silibus AI ini adalah sesuatu yang berlainan daripada apa yang telah disediakan melalui platform DELIMa hari ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri. Seperti yang Dato' Sri Senator sedia maklum, pihak KPM akan memperkenalkan asas AI dalam kurikulum baharu di peringkat sekolah rendah dan

penerokaan lanjut serta aplikasi AI pula akan diteruskan di peringkat sekolah menengah. Dan fasih digital sememangnya merupakan salah satu daripada tujuh kompetensi yang perlu dikuasai oleh murid dalam kurikulum tersebut.

Dan seperti yang Dato' Sri Senator sedia maklum, pelantar DELIMa ini telah memberikan satu platform dan satu pelantar yang penting bagi anak-anak kita untuk menceburi ataupun mengikuti pembelajaran secara digital ataupun secara *online*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KPM dalam pelantar DELIMa ini sedikit maklumat tambahan, kita mempunyai 788 buku teks yang telah pun dimuat naikkan dan yang mana 580 buah buku telah pun diindeks dan pada masa yang sama, pelantar DELIMa juga menyediakan 12,762 Video Pendidikan untuk kegunaan guru dan murid, dan kita menggalakkan perkongsian video PdP dan amalan terbaik hasil daya usaha dan kreativiti guru melalui Ruang Ilmu.

Khasnya, berkenaan dengan teknologi AI atas DELIMa seperti juga yang saya maklumkan tadi, kita ada kolaborasi dengan rakan-rakan strategik kita, tiga buah syarikat besar. *Intel, Microsoft, Google*. Ketiga-tiga ini mempunyai platform masing-masing atas pelantar DELIMa dan telah pun memberikan pendedahan ataupun kemudahan teknologi AI kepada guru-guru dan juga murid-murid kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Kerap kali kita tengok daripada sistem pendidikan ataupun program-program yang kita perkenalkan, banyak kita kenakan belanja, banyak kita lari dari bahan asal. Kesenambungan dan tradisi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *you cannot ask the second question*. Tak boleh soalan kedua. Bagi peluang sama orang lain. Dah tanya yang asal dari bagi satu bahan, bagi orang lain *chance*-lah.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Tak ada yang bangun, sayalah. Cikgu...

Tuan Yang di-Pertua: Kita cikgu. Ya cikgu. Biasanya tu pendidikan...

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Dato' Yang di-Pertua, terima kasih. Yang amat dikagumi oleh guru-guru Malaysia. Cuma saya setuju juga, menyambung soalan asal tadi bahawa kita telah membelanjakan begitu banyak modal dan saya ucapkan tahniah kepada KPM, Kementerian Pendidikan Malaysia atas daya usaha memperkasakan digital pendidikan ini.

Cuma saya nak tahu, apakah tindakan yang dibuat oleh Bahagian Teknologi Pendidikan agar modul subjek secara digital dihabkan dalam *Digital Learning Hub* atau *YouTube* KPM agar modul-modul dapat diguna sama oleh semua pelajar diakses di luar waktu persekolahan, itu satu. Kedua, kekangan pendigitalan pendidikan tentunya di kawasan luar bandar, di mana kepakaran guru dan capaian internet yang mungkin terhad.

So, apakah langkah-langkah susulan untuk kementerian agar dia sama rata dengan sekolah bandar dan tidak ada masalah pendigitalan pendidikan tercicir di kawasan luar bandar? Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Ada dua bahagian soalan itu. Pertama, berkenaan dengan modul-modul. Dan modul-modul pembelajaran seperti yang saya nyatakan tadi telah pun banyak, telah pun dimuat naikkan atas pelantar DELIMa. Dan kita mempunyai 5.3 juta pengguna iaitu pengguna dengan ID, yang mana para guru dan juga murid dapat mengakses ke atas kesemua modul-modul ataupun bahan-bahan yang telah pun dimuatnaikkan dalam DELIMa, dalam proses pembelajaran mereka. Sememangnya ia juga bergantung pada pembangunan infrastruktur, maka salah satu teras utama di bawah Dasar Pendidikan Digital yang telah pun diluncurkan pada tahun lepas adalah berkenaan dengan pembangunan infostruktur dan juga infrastruktur.

Dalam- daripada segi ini, khasnya untuk kawasan-kawasan luar bandar, KPM juga telah memperkasakan Pusat Kegiatan Guru iaitu PKG di kawasan khasnya di kawasan-kawasan luar bandar untuk dijadikan ia sebagai satu *center of excellence*, dengan izin.

Sejumlah 367 buah Pusat Kegiatan Guru dan 16 buah Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Jabatan Negeri di seluruh negara telah pun dinaiktarafkan sebagai pusat kecemerlangan ataupun *centre of excellence*. Dan Pusat Kegiatan Guru ini dilengkapi dengan perkakasan dan juga peralatan studio, seperti *digital hub* bagi penghasilan digital, studio digital dan hab penghasilan digital iaitu *digital maker hub* yang boleh digunakan oleh murid dan juga pihak guru.

Ini merupakan sebahagian daripada usaha pihak KPM untuk memastikan pendidikan digital ini bukan sahaja terhad kepada kawasan bandar tetapi juga untuk anak-anak kita di luar bandar. Mereka tidak akan tercicir atau ketinggalan juga. Terima kasih.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Dato' Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, kita had dua. Sekarang nombor tiga nak tanya.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Boleh, kan?

Tuan Wong Kah Woh: Boleh.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam era pendigitalan ini dan juga sekolah-sekolah pun telah cuba memasukkan kurikulum digital dan AI ini. Saya nak tanya ya. Adakah rancangan kerajaan untuk menerapkan semangat patriotisme, sayang kepada negara, kepada anak-anak kita yang bakal mempelajari sistem dan juga AI ini, kerana ini amat penting untuk masa depan negara kita. Terima kasih, Dato'.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih. Makluman atau komen daripada Yang Berhormat Senator. Sudah tetapnya ini merupakan satu penegasan dan juga fokus daripada KPM dan tadi Timbalan Menteri Perpaduan juga ada pandang dekat saya berkenaan dengan soal patriotisme ini berada di bawah bidang kuasa atau lingkungan pihak Kementerian Perpaduan. Walau bagaimanapun, untuk makluman pihak Yang Berhormat Senator.

Sememangnya, segala kandungan yang telah pun atau yang bakal dimuat naikkan ke DELIMA ini akan dipantau supaya ia adalah selari dengan Dasar Pendidikan Negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Michael Mujah Lihan.

Tuan Michael Mujah Lihan: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 8.

8. **Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, jumlah Tabika Perpaduan di seluruh negara dan adakah kewujudan Tabika Perpaduan ini telah berjaya memupuk semangat perpaduan yang tinggi dalam kalangan murid.

■1120

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Terima kasih atas soalan, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menubuhkan Tabika Perpaduan sejak tahun 1976. Sehingga kini, terdapat 1,781 kelas Tabika Perpaduan di seluruh Malaysia dengan jumlah muridnya seramai 35,450 orang.

Sejajar dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada bulan Mac 2020, konsep Tabika Perpaduan telah dimantapkan dengan memberi penumpuan kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni bagi memupuk semangat perpaduan dan cinta akan negara bagi memupuk semangat perpaduan dan cintakan negara dalam kalangan kanak-kanak seawal usia empat hingga enam tahun.

Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif membangunkan Pelan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tabika Perpaduan 2021 hingga 2030 yang dilancarkan pada 24 Julai 2021. Pelan ini memfokuskan kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara dan penerapan nilai-nilai murni dalam diri murid seawal usia empat hingga enam tahun. Sebab itu saya senyum tadi apabila soal ditujukan kepada Timbalan Menteri Pendidikan.

Saya percaya jawapan ini juga menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Kementerian juga telah membuat penambahbaikan dan memperkenalkan program-program baharu dalam memastikan pemupukan perpaduan agar sentiasa dihayati dan dijiwai bermula di peringkat awal persekolahan.

Antara program yang dilaksanakan adalah Program Pengajaran Modul Pendidikan Rukun Negara, di mana murid diberikan pengetahuan dan pemahaman bagaimana prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara boleh diamalkan dalam kehidupan seharian. Bagi tujuan tersebut, buku Pendidikan Rukun Negara telah diperkenalkan.

Kedua, Program Pengajaran Elemen Perpaduan dan Nilai-nilai Murni, di mana program yang berasaskan elemen perpaduan dan nilai murni menerusi setiap buku aktiviti yang diterjemahkan menerusi gambar-gambar seperti masyarakat berbilang kaum, pakaian tradisional dan alatan permainan tradisional.

Ketiga, pengajaran komunikasi asas pelbagai bahasa iaitu pengajaran asas bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Kadazan dan bahasa Iban juga diperkenalkan di Tabika Perpaduan bagi memberi pendedahan kepada murid-murid tentang asas komunikasi bahasa kaum-kaum utama di Malaysia.

Kementerian akan terus melipat gandakan usaha pemupukan perpaduan dalam menyemai benih-benih perpaduan, bermula di peringkat awal persekolahan dalam memastikan kelestarian, keharmonian, kemakmuran sentiasa dipelihara dalam komuniti. Selain tu juga, usaha mempertingkatkan kualiti Tabika Perpaduan dilaksanakan secara inklusif bagi memastikan semua murid berpeluang untuk menerima pendidikan yang berkualiti dan menepati matlamat bagi menyemai dan memupuk semangat perpaduan. Sekian, terima kasih.

Tuan Michael Mujah Lihan: Terima kasih Yang Berhormat, atas jawapan tadi. Saya ada dua soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Dua soalan tambahan tidak boleh ya.

Tuan Michael Mujah Lihan: Satu ya.

Tuan Yang di-Pertua: Baru kita buat *rulling* tadi.

Tuan Michael Mujah Lihan: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Apakah perbezaan di antara kedua-dua tabika? Satu itu KEMAS dan satu itu Tabika Perpaduan.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Pertamanya, saya ingin menjelaskan istilah tadika. Tadika adalah pusat pendidikan awal kanak-kanak, di antara empat hingga enam tahun yang belajar di pusat pendidikan awal swasta. Istilah tabika digunakan untuk Pusat Pendidikan Awal KEMAS dan juga Tabika Perpaduan.

Perbezaan asas di antara Tabika KEMAS dan Tabika Perpaduan adalah sasaran penubuhan. Tabika KEMAS ditubuhkan di luar bandar. Manakala, Tabika Perpaduan menumpukan penubuhan di pinggir bandar dan juga bandar dan di mana ada taman-taman baharu yang dibangunkan dan sekiranya ada keperluan dan ada murid yang mencukupi, boleh memohon untuk penubuhan suatu Tabika Perpaduan. Ini adalah perbezaan asas.

Daripada segi kurikulum, kedua-dua Tabika Perpaduan dan juga Tabika KEMAS menggunakan kurikulum yang sama, yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

Berasaskan kepada kurikulum yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan, KEMAS membangunkan modul pendidikan tersendiri dan Kementerian Perpaduan ataupun JPNIN agensi di bawah Kementerian Perpaduan membangunkan modul berasingan, yang mana lebih memberi penekanan kepada pendidikan Rukun Negara, modul Jom Urus Diri, modul Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa dan modul *Take Five*. Jadi, perbezaan dia pada asasnya, tempat penubuhan dan modul yang digunakan dalam pengajaran. Terima kasih.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Dato' Yang di-Pertua, oleh sebab Menteri petik nama saya, saya rasa terpenggil untuk menanya soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan terakhir ya. Kita had kepada dua. Boleh.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Okey, baik. Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, terima kasih lah telah jawab tadi. Tetapi saya rasa tidak menepati apa yang kemusykilan saya. Saya ingin tahu berkenaan dengan patriotisme, semangat cinta dan sayang pada negara, tetapi kita berbincang tadi berkenaan dengan perpaduan.

Sekarang ini soalnya, apakah usaha kerajaan untuk menerapkan semangat cinta kepada negara dan patriotisme ini kerana ini amat penting sekali. Siapa lah kita tanpa negara. Itu yang sangat-sangat penting.

Saya bagi contoh, kalau kita berjumpa dengan orang Vietnam, kita sentuh sikit soal negara mereka, mereka akan marah. Melompat dan marah. Sikit kita kritik soal Vietnam, dia-*sure* dia marah. Jadi, itulah semangat patriotisme mereka itu. Boleh *ke* tidak? Apakah cara kerajaan untuk menerapkan semangat patriotisme ini kepada rakyat kita di peringkat awalan sekolah lagi? Terima kasih.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Terima kasih atas soalan tersebut. Sepertimana yang saya telah menjelaskan tadi. Modul pendidikan awal di Pusat Tabika Perpaduan bukan hanya memberi penekanan kepada perpaduan. Ia juga memberi penekanan kepada semangat kenegaraan kerana modul yang dibangunkan adalah juga berasaskan kepada Rukun Negara. Di mana modul yang dibangunkan memberi pengetahuan dan pemahaman berkenaan dengan Rukun Negara. Juga dalam membangunkan modul itu ataupun program-program untuk kanak-kanak kecil, semangat mencintakan negara, pengenalan seperti bendera negara- negeri masing-masing, faktor-faktor berkenaan dengan kenegaraan adalah diterapkan kerana murid ini adalah dalam lingkungan empat hingga enam tahun.

Jadi, apa yang diajar kepada mereka adalah yang asas iaitu pengenalan kepada Rukun Negara, pengenalan kepada asas semangat kenegaraan kepada mereka supaya

apabila mereka masuk ke sekolah rendah, mereka boleh meneruskan pendidikan mereka berteraskan kepada semangat yang telah mereka diajar di peringkat tabika. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 9.

9. Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, sejauh manakah kementerian telah melaksanakan penilaian terhadap dasar pembangunan dan pengoperasian sistem aplikasi berteraskan teknologi angkasa seperti aplikasi Penentuan Kawasan Berpotensi bagi Penangkapan Ikan (FSI).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) berperanan menerajui penyelidikan dan pembangunan teknologi aplikasi dan sains angkasa di Malaysia sejak tahun 1988.

■1130

Sehingga kini, MYSA telah membangun dan mengoperasikan lebih daripada 50 sistem-sistem aplikasi GIS atau, dengan izin, *Geographic Information System* berasaskan web berteraskan teknologi angkasa, khususnya teknologi *remote sensing*. Pelbagai sistem aplikasi ini telah diguna pakai oleh lebih 100 buah agensi pengguna kerajaan bagi mempertingkatkan keberkesanan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Selaras dengan Teras 4 Dasar Angkasa Negara (DAN) 2030, pembangunan dan pengoperasian pelbagai sistem aplikasi ini dilaksanakan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan. Ini adalah bagi memastikan sistem yang dibangunkan memenuhi secara tepat keperluan agensi yang berkaitan. Sistem-sistem yang dibangunkan secara dalaman ini mengoptimumkan penggunaan imej-imej satelit atau *remote sensing* yang diterima secara terus di Kompleks Operasi Angkasa (SOC) MYSA di Temerloh, Pahang.

MOSTI melalui MYSA juga mengambil inisiatif menjalankan analisis keberkesanan penggunaan dan impak sistem aplikasi bersama-sama dengan agensi pengguna. Sebagai contoh, penilaian *outcome* keberkesanan hasil pembangunan dan keupayaan pengoperasian Sistem Penentuan Kawasan Berpotensi bagi Penangkapan Ikan atau *Fishing Site Identification* (FSI) untuk komuniti nelayan telah dibuktikan melalui kajian penilaian *outcome* yang telah dijalankan oleh MYSA bersama Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT).

Berdasarkan analisis maklumat pendaratan ikan yang direkodkan oleh LKIM dari tahun 2011 sehingga 2013, penggunaan sistem FSI telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan pendaratan ikan negara. Pada tahun 2012, jumlah pendaratan ikan di Malaysia adalah sebanyak 265,899 tan metrik, meningkat sebanyak 15 peratus berbanding jumlah pendaratan pada tahun 2011 iaitu sebanyak 231,129 tan metrik.

Pada tahun 2013, jumlah pendaratan ikan meningkat lagi kepada 287,445 tan metrik, menjadikan jumlah peningkatan keseluruhan sebanyak 56,314 tan metrik atau 24 peratus berbanding tahun 2011. Sehingga kini, sistem FSI ini telah memberi manfaat kepada 30,000 orang nelayan seluruh negara.

Dalam memastikan keberkesanan aplikasi sistem FSI kekal pada tahap optimum kepada pengguna, DOF sentiasa menjalankan kerja verifikasi di lapangan bersama nelayan sejak tahun 2019 sehingga sekarang. Hasil tangkapan ikan di lokasi yang dikenal pasti melalui sistem FSI masih signifikan iaitu dapat memberikan sekurang-kurangnya dua tan metrik hasil tangkapan ikan di lokasi tersebut. Kadar tangkapan ikan ini merupakan kadar mampan yang ditetapkan oleh DOF bagi membolehkan nelayan mendapat pulangan yang mencukupi serta menampung kos operasi *vessel*.

Berdasarkan penilaian *outcome* yang dijalankan oleh MYSA bersama-sama agensi pengguna, pembangunan dan pengoperasian pelbagai sistem aplikasi lain berteraskan teknologi angkasa yang kesemuanya berjumlah lebih daripada 50 aplikasi telah membantu agensi pengguna meningkatkan kecekapan dan menjimatkan kos operasi. Kejayaan ini membuktikan teknologi angkasa dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan prestasi daripada aspek inovasi ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri.

Memang FSI atau teknologi *remote sensing* itu telah membantu nelayan-nelayan kita untuk mengenal pasti mana tempat terdapat banyak ikan yang tinggi itu. Saya nak minta pandangan Timbalan Menteri, adakah usaha menggunakan teknologi yang canggih itu atau meningkatkan kadar teknologi *remote sensing* di sektor konservasi dan pemulihan seperti hidupan liar di kawasan hutan, di marin dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tambahan yang baik daripada Yang Berhormat.

MOSTI sentiasa berusaha menggalakkan kerjasama antara kerajaan dan sektor-sektor swasta dalam pembangunan dan penerimgunaan aplikasi berteraskan teknologi angkasa. Contoh kerjasama yang dibuat di antara MYSA dan pihak swasta adalah seperti berikut.

Pertama, Sistem Pemantauan Potensi Lokasi Pelupusan Sisa (e-Sisa). Sistem e-Sisa ini telah dibangunkan dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Kedua, *TNB Hydro Catchment Area Surveillance* (THyCAS). Projek kerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad, TNB Power Generation Sdn. Bhd. ini yang telah bermula September 2018 bertujuan untuk membantu TNB Genco dalam pengumpulan penjana analisis dan penyimpanan maklumat bagi pelaksanaan aktiviti pemantauan kawasan tadahan melalui sistem aplikasi yang lebih cekap dan berkesan.

MYSA juga telah melaksanakan program dan inisiatif yang melibatkan penggunaan teknologi angkasa dalam bidang konservasi dan pemulihan seperti berikut.

Pertama, Sistem Maklumat Kebakaran Hutan atau *Forest Fire Information System* (ForFIS). Sistem ForFIS ini telah dibangunkan oleh MYSA dan telah beroperasi sejak 1 Jun 2011. ForFIS adalah bertujuan untuk mempercepatkan proses penentuan dan penyebaran maklumat lokasi kebakaran hutan dan jerebu di Malaysia dan juga Indonesia melalui penyebaran maklumat titik panas yang dikesan serta menyalurkan imej satelit kejadian kebakaran hutan terbuka menggunakan teknologi angkasa.

Kedua, Sistem Pengurusan Maklumat Pesisiran Pantai Negara (e-PESISIR). Sistem e-PESISIR dibangunkan melalui kerjasama antara Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA). Sistem ini berupaya membantu untuk mengemaskinikan data pemetaan berkenaan:

- (i) kestabilan pesisiran pantai berdasarkan tahap pemulihan spesies pokok;
- (ii) lapisan kawasan perlindungan pesisir pantai yang terpulih; dan
- (iii) zon penampan iaitu lebar kawasan tanaman pesisir pantai.

Ketiga, Sistem Pemantauan Kawasan Taman-taman Sabah. MYSA telah menandatangani satu memorandum kerjasama (MoU) bersama Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah iaitu *Sabak Park* pada bulan Januari 2024 yang lalu. Kerjasama ini akan melibatkan pembangunan Sistem Pemantauan Kawasan Taman-taman Sabah berteraskan teknologi *remote sensing* dan ICT dalam usaha untuk memelihara taman-taman laut di Sabah. Sistem yang dibangunkan ini memberi manfaat di mana pengawalan dan pemantauan kawasan taman menjadi lebih mudah dan cepat serta menjimatkan kos operasi pemantauan kawasan tanaman.

Keempat, Sistem Pengurusan dan Pangkalan Data Bersepadu Biodiversiti Kebangsaan. Sistem ini melibatkan kerjasama MYSA dan agensi kerajaan seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara

(PERHILITAN) Semenanjung Malaysia dan lain-lain. Sistem ini memberikan manfaat dan meningkat keberkesanan pengurusan sumber biodiversiti dan hutan negara.

Untuk tambahan, Akademi Sains Malaysia (ASM) juga ada menjalankan program pendigitalan dan *internet of things* (IoT) bagi menerajui *Precision Biodiversity* menggunakan teknologi sensor dan robotik dalam pemantauan secara *real-time* terhadap ekosistem yang dipilih. Projek ini sedang dilaksanakan secara rintis di Hutan Simpan Pasoh, Negeri Sembilan. Projek ini dijangka akan siap dan dilancarkan pada tahun 2025 yang akan memantau paras air, tanah dan tahap hakisan agar pemantauan ekologi sesuatu kawasan boleh dipantau. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Datuk Noraidi binti Idris: Soalan tambahan.

Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad: Menteri, Dato' Presiden, izinkan saya untuk soalan sedikit, tambahan- boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Soalan kedua, kan? Okey.

■1140

Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad: Tadi Yang Berhormat sebut tentang teknologi angkasa yang hebat buat negara kita ini, tetapi takkanlah teknologi angkasa ini hanya untuk menangkap ikan? Ada lain tak daripada tangkap ikan ini- teknologi ini boleh membantu negara bangsa kita ini? Terima kasih Presiden.

Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal: Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya. Pertamanya, memang pun MYSA ini banyak teknologi yang kita boleh gunakan untuk keperluan pelbagai. Memang antaranya pun kalau kita cerita, MYSA ini memang lebih sinonim dengan angkasa. Maksudnya soal angkasa, kita nak pergi naik atas bulan pun ataupun kita nak *create rocket* pun. *We have a lot of different type of technologies that is relevant* untuk kita guna pakai bagi tujuan pembangunan negara kita, tetapi kerana persoalan yang ditimbulkan tadi ada hubung kait dengan perikanan dan konservasi pemulihan hutan dan sebagainya, makanya itulah jawapan yang saya bagi.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Senator, kita akan ambil perhatian atas yang mungkin persoalan yang itu bukan akan- mudah-mudahan sesi akan datang, Yang Berhormat Senator akan tanya soalan yang berkaitan dengan teknologi lain yang ada pada MYSA. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya kita dah di luar masa, tetapi saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Datuk Nelson W Angang sebab soalnya tidak pernah keluar dan *subject matter*-nya amat penting, *mental health*, kesihatan mental. Okey, Yang Berhormat Senator.

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 10.

10. **Datuk Nelson W Angang** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan rawatan kesihatan mental di seluruh negara; dan
- (b) adakah terdapat cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan mental terutamanya di kawasan luar bandar

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas keprihatinan berkenaan tentang isu berkaitan tentang kesihatan mental dan juga saya merasakan ini kali pertama saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Nelson.

Dato' Yang di-Pertua, KKM amat prihatin terhadap isu kesihatan mental yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan rawatan adalah perkhidmatan rawatan kesihatan mental di fasiliti kesihatan primer. KKM menyediakan perkhidmatan pengesanan awal intervensi dan rawatan kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan bandar dan luar bandar yang mengalami masalah kesihatan mental. Perkhidmatan ini boleh diakses di 1,088 buah klinik kesihatan, 68 buah hospital dan 37 buah pusat kesihatan mental komuniti MENTARI.

Kedua, Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial atau MHPSS- *Mental Health Psychosocial Support Service*. Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial telah dilaksanakan semenjak tahun 2014 di mana perkhidmatan ini berupaya memperkukuhkan kemahiran dan pengetahuan petugas kesihatan dalam menangani masalah kesihatan mental masyarakat terutama ketika menghadapi situasi bencana atau krisis. Terdapat sekurang-kurangnya satu pasukan MHPSS di setiap daerah, yang terdiri daripada pakar perubatan kesihatan awam, pakar psikiatri, pegawai psikologi, pakar perubatan kesihatan keluarga, pegawai perubatan dan juga paramedik.

Seterusnya adalah memperluaskan perkhidmatan kaunseling di peringkat kesihatan primer melalui penempatan 200 Kaunselor secara kontrak. Kaunselor kontrak ini telah ditempatkan di 167 buah pejabat kesihatan daerah seluruh Malaysia bagi memberikan perkhidmatan di klinik kesihatan seluruh negara. Bagi tujuan kesinambungan perkhidmatan, tempoh kontrak bagi perkhidmatan 200 Kaunselor Kontrak ini telah dilanjutkan sehingga 3 Ogos 2025. Perkhidmatan Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental ataupun Talian HEAL 15555- "*Help with Empathy and Love.*" Talian ini menyediakan perkhidmatan daripada aspek bantuan sokongan emosi, psiko pendidikan dan intervensi awal krisis kesihatan mental yang dikendalikan oleh Pegawai Psikologi Kaunseling KKM.

Seterusnya adalah MyMinda di dalam aplikasi MySejahtera. MyMinda adalah satu modul kesihatan mental di dalam aplikasi MySejahtera yang memberikan akses orang awam kepada perkhidmatan kesihatan mental secara digital merangkumi saringan kesihatan mental, psiko pendidikan dan juga tip penjagaan kesihatan mental sendiri. Modul ini akan ditambah nilai dengan mewujudkan sistem temu janji ke klinik kesihatan bagi pengguna yang didapati memerlukan intervensi lanjut.

Seterusnya adalah program MySAVE- *Malaysia Suicide Awareness Voice of Hope*. Program ini merupakan usaha pengukuhan pencegahan tingkah laku bunuh diri dengan memberikan pendedahan serta meningkatkan akses kepada bantuan dan intervensi awal krisis, rawatan, sokongan psikososial serta perkhidmatan tindakan susulan ataupun *postvention* pasca cubaan dan kematian akibat bunuh diri. Program ini juga memberikan kesedaran kepada pengamal media untuk melaksanakan pelaporan media yang selamat terhadap kes-kes tingkah laku bunuh diri.

Terakhir adalah kolaborasi bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO). KKM juga menjalankan kolaborasi bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi melaksanakan aktiviti advokasi kesihatan mental kepada komuniti melibatkan golongan bandar dan juga luar bandar. Program yang dijalankan termasuk aktiviti advokasi dan promosi penjagaan kesihatan mental kepada pelbagai peringkat umur termasuk kanak-kanak, remaja, golongan bekerja dan juga warga emas.

KKM juga telah mengambil tindakan proaktif bagi memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan mental terutama sekali di kawasan luar bandar melalui inisiatif pemerkaaan komuniti setempat dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kesihatan mental.

Inisiatif ini akan memperkasakan peranan ketua komuniti dalam menyebarkan maklumat tepat mengenai kesihatan mental dan membantu daripada aspek sosial terhadap individu dalam masyarakat yang mempunyai masalah kesihatan mental melalui perwujudan kumpulan sokongan kesihatan mental komuniti. Sekian, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya- Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2017 atau dengan izin, *the National Health and Morbidity Survey 2017* melaporkan bahawa *suicidal ideation* atau idea untuk membunuh diri di kalangan remaja adalah paling tinggi bagi para pelajar yang berumur 13 tahun. Semenjak itu, adakah terdapat inisiatif khusus untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai kesihatan mental daripada kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi? Terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sememangnya memang survei yang telah dijalankan mendapati masalah kesihatan mental semakin berleluasa di kalangan remaja dan juga terdapat aktiviti-aktiviti permasalahan *mental health* ini menjurus kepada tingkah laku membunuh diri.

Salah satu kaedah yang kami perkenalkan adalah memperkenalkan perkhidmatan Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental ataupun Talian HEAL 15555, mudah untuk kita ingati di mana kita menyediakan perkhidmatan kaunseling. Juga, kita dapati melalui pengenalan MyHEAL sejak tahun 2022, terdapat hampir 317 cubaan bunuh diri yang datang daripada kalangan remaja dan juga dewasa dapat kita selesaikan. Syukur *alhamdulillah*, tiada tingkah laku yang menjurus kepada bunuh diri berlaku melalui panggilan Talian HEAL tersebut.

Selain daripada itu juga, program MySAVE, di mana kita menggalakkan rakan-rakan media kita untuk membuat satu penulisan yang teratur untuk mengelakkan tingkah laku bunuh diri ini dapat memberikan idea kepada pesakit-pesakit yang mempunyai permasalahan mental. Bermaksud, apabila berlakunya kejadian bunuh diri yang berlaku di berita-berita ataupun akhbar-akhbar nasional, penulisan adalah perlulah mengikut garis panduan yang telah kami perkenalkan melalui *Malaysia Suicide Awareness Voice of Hope*, di mana kadang-kadang terdapat penulisan-penulisan media ini memberikan idea dan di situlah menyebabkan berlaku pemberian maklumat ataupun berita yang berterusan, berpanjangan. Di situ kita dapat melihat sekiranya penulisan media yang baik, akan dapat membantu pesakit-pesakit mental untuk mendapatkan idea.

Begitu juga untuk aktiviti-aktiviti di kalangan pelajar dan juga sekolah, kita bekerjasama dengan KPM dan juga KPT untuk melakukan saringan-saringan kesihatan mental. Juga, kita untuk cuba mengikis bahawa stigma pesakit mental ini adalah satu penyakit yang boleh dirawat dan juga kita perlu menerima pesakit mental ini adalah merupakan masalah bersama yang perlu diselesaikan. Memerlukan sokongan keluarga, memerlukan sokongan Wakil Rakyat, memerlukan sokongan masyarakat. Di situlah sekiranya *the good collaboration* dapat dibentuk, saya merasakan stigma berkenaan tentang masalah pesakit mental ini dapat diselesaikan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Dato' Yang di-Pertua.

■1150

Tuan Yang di-Pertua: Doktor.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Jawapan Menteri yang cukup memberangsangkan, tetapi Yang Berhormat, banyak *facility* pesakit dalam di negara kita sangat usang dan hakikatnya ramai pesakit kesihatan mental yang perlu perawatan sub kepakaran di dalam wad tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh kekangan *facility* ini. Sebagai contohnya di negeri Pulau Pinang, di mana keadaan wad

psikiatri kita di Jalan Perak sangat teruk dan selain itu tiada langsung *facility* wad psikiatri di Seberang Perai. Apakah perancangan kementerian untuk mengatasi isu ini?

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Berkaitan berkenaan- terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran. Berkenaan tentang keperluan sub kepakaran ataupun perkhidmatan psikiatri di *facility* kesihatan KKM, saya akan meneliti perkara tersebut dan juga sekiranya keperluan tersebut diperlukan, kita juga akan menilai keperluan dari sudut kewangan dan juga bekalan pakar-pakar psikiatri yang dapat kita bekalkan melalui KKM.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini Dato' Yang di-Pertua, untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada ahli Dewan Negara yang telah memberikan sokongan padu kepada pembentangan Akta 50 yang membolehkan kepakaran diwujudkan lebih banyak lagi di Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, tadi *Doctor, Medical Doctor nanya* juga. Itu *Lawyer on mental health*.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Setuju kah?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, *because lot of workers*. Boleh Menteri? Terima kasih... [*Dicelah*] No, kena dapat *permission* dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini terakhirlah.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya. Apa bentuk usaha sama yang sedang dilaksanakan bersama Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Belia dan Sukan dalam mengetengahkan aspirasi yang ingin dicapai dalam bidang rawatan psikiatri sejajar dengan pindaan Akta Perubatan 1971 dan apakah program atau inisiatif dorongan yang akan dilaksanakan di peringkat nasional bagi mewujudkan budaya bebas tekanan dalam kalangan rakyat Malaysia yang bekerja sepertimana Program Fit Malaysia yang suatu ketika dahulu pernah mendorong kita semua untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Sekian.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Satu persoalan yang baik, Yang Berhormat Senator. Apa yang boleh saya jawab di dalam Dewan ini, salah satu permasalahan yang agak serius berkenaan tentang menangani isu kesihatan mental ini adalah agensi-agensi di bawah kerajaan bergerak secara *silo*, dengan izin Dato' Yang di-Pertua, di mana kadang-kadang kita melihat setiap agensi tersebut mempunyai program-program menangani *mental health* secara bersendirian. Di situlah kami daripada Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menggariskan, memberikan satu garis panduan yang dapat diguna pakai oleh kementerian-kementerian lain seperti KBS, Kementerian Sumber dan juga merentas kementerian.

Di bawah Kerajaan Madani, kami cukup yakin bahawa kesihatan mental ini akan kita letakkan sebagai satu rencana ataupun agenda yang penting, di mana dengan kesihatan mental yang baik kita akan dapat membentuk produktiviti yang baik, di mana kesihatan mental

yang cergas akan memberikan masyarakat yang gembira dan juga masyarakat yang gembira dapatlah mereka memilih kerajaan yang baik untuk memimpin.

Di situlah kita juga sedang mengadakan kolaborasi bersama dengan KBS, berdasarkan indeks kajian, di mana kita menjalankan aktiviti-aktiviti yang cukup aktif bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan. Walaupun demikian, kami juga memerlukan kolaborasi daripada pihak NGO, di mana pihak NGO ini banyak mempunyai idea yang mungkin pihak kerajaan belum nampak dan juga sedang NGO lakukan.

Saya berharap di kalangan Ahli Dewan Negara dapat membantu daripada segi menjadi *champion* ataupun menjuarai isu *mental health* ini, di mana kita mengangkat agenda *mental health* ini supaya kita dapat membantu rakan-rakan yang memerlukan bantuan. Mungkin di kalangan penjawat awam, di kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara turut mengalami permasalahan kesihatan mental tetapi kita tidak kita sedari. Maka, senyuman yang manis itu bukan semestinya menggambar seseorang itu gembira dan juga mungkin muka orang yang sangat serius itu bukan bermaksud beliau mempunyai masalah mental. Dapatkan rawatan dahulu.

Saya rasa itu sahaja jawapan yang saya dapat berikan Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawap Lisan telah tamat.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawap Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.55 pg.

Dato' Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743] bagi memperkukuh rangka kerja rehabilitasi dan mekanisme penyelamat korporat serta meningkatkan ketelusan korporat melalui

pengukuhan rangka kerja pelaporan pemunya benefisial, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pandemik COVID-19 yang melanda sejak penghujung 2019 telah memberikan kesan yang negatif terhadap perkembangan sektor ekonomi di Malaysia dan juga ekonomi global secara keseluruhannya. Sepanjang tahun 2020 dan sehingga kini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu sektor korporat termasuk perkongsian liabiliti terhad (PLT) di Malaysia untuk menangani kesan negatif pandemik COVID-19. Antaranya seperti yang berikut:

- (a) melaksanakan tempoh moratorium penyerahsimpanan dokumen berkanun sehingga 31 Disember 2021 tanpa mengenakan fi lewat serah simpan;
- (b) melanjutkan tempoh pematuhan mesyuarat agung tahunan dan tempoh serah simpan penyata kewangan selama 90 hari atau sehingga 31 Disember 2020, mengikut tarikh yang terkemudian bagi penyata kewangan dengan tahun kewangan berakhir 1 September 2019 hingga 31 Julai 2020 dan inisiatif ini seterusnya dipanjangkan untuk tahun kewangan berakhir 31 Julai 2021;
- (c) menaikkan amaun keterhutangan syarikat daripada RM10,000 kepada RM50,000 dari 1 Januari hingga 31 Mac 2021 dan amaun keterhutangan ini kemudiannya dikekalkan pada jumlah melebihi RM50,000 mulai 1 April 2021;
- (d) memanjangkan tempoh menjawab notis tuntutan oleh mana-mana pemiutang dari 21 hari kepada enam bulan yang telah berkuat kuasa dari 23 April hingga 31 Disember 2020; dan
- (e) memberikan pengurangan sebanyak 90 peratus sehingga 31 Disember 2020 untuk kompaun-kompaun yang dikeluarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang dimansuhkan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Lanjutan daripada inisiatif seperti di atas, KPDN ingin mengusulkan pindaan kepada Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*], di mana pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah serupa dengan pindaan-pindaan di bawah Akta Syarikat Pindaan 2024 dengan penyesuaian sebagaimana yang perlu. Akta tersebut telah diluluskan di Dewan

Rakyat, ia Akta 1701, A1701 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 28 November 2023 dan Dewan Negara di sini pada 13 Disember 2023. Akta tersebut telah dikuatkuasakan secara berfasa bermula pada 1 April 2024. Maksudnya dia sama sahaja dengan Akta Syarikat yang dipinda tetapi ini berkenaan dengan perkongsian liabiliti terhad.

Melalui rang undang-undang ini, KPDN ingin mengusulkan pindaan kepada Akta 743 dengan memperkenalkan mekanisme penyelamat korporat bagi memperkenalkan suatu kerangka perundangan berkaitan rehabilitasi entiti perniagaan yang lebih komprehensif bagi mewujudkan persekitaran ekonomi yang mampan serta memastikan entiti perniagaan terus berdaya saing.

Tanpa kerangka perundangan yang komprehensif entiti perniagaan sedia ada termasuk PLT akan menghadapi risiko berhadapan dengan tindakan penggulungan sekiranya mereka berterusan mengalami masalah kewangan atau kesulitan aliran dana walaupun perniagaan tersebut pada hakikatnya masih berdaya maju.

■1200

Selain itu, KPDN juga berhasrat untuk memperkenalkan suatu kerangka pelaporan pemunyaan benefisial untuk PLT dengan mengambil kira perkembangan terkini di peringkat antarabangsa dalam memerangi aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai.

Untuk makluman, kedudukan Malaysia berhubung aktiviti-aktiviti tersebut sedang dan akan dinilai oleh pelbagai badan antarabangsa seperti *financial action task force* (FATF) yang merupakan badan antarabangsa bebas yang membangunkan piawaian antarabangsa untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan untuk melindungi sistem kewangan global dan *organization for economic cooperation and development* (OECD) melalui *exchange of information on request* (EOIR) yang menjalankan penarafan berhubung isu-isu penzahiran bagi percukaian ke atas negara-negara yang berdagang dengan negara-negara OECD.

Penilaian yang akan dijalankan oleh FATF ke atas Malaysia telah dimulakan dari Jun 2024 hingga Disember 2025, di mana keberkesanan undang-undang, penguatkuasaan terhadap pematuhan pelaporan dan tindakan undang-undang yang sedang dan telah diambil perlu dibuktikan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini digubal untuk meminda Akta 743 bagi tujuan yang berikut:

- (i) pengenalan mekanisme rehabilitasi bagi PLT;
- (ii) pengenalan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial; dan
- (iii) pengukuhan polisi berkaitan prosedur bagi menyokong pelaksanaan tadbir urus PLT yang mampan.

Tuan Yang di-Pertua, PLT merupakan satu bentuk perniagaan yang mempunyai kombinasi ciri-ciri sebuah syarikat serta perkongsian konvensional. Secara luaran, PLT adalah sama seperti syarikat, iaitu ia mempunyai status entiti undang-undang yang berasingan ataupun *separate legal entity* daripada pekongsi-pekongsinya. Entiti PLT juga bertanggungjawab terhadap hutang dan liabilitinya sebagai satu badan korporat, sama seperti sebuah syarikat.

Walau bagaimanapun, PLT mempunyai struktur tadbir urus dalaman ataupun *governance* yang lebih fleksibel, yang mirip seperti perkongsian konvensional. Buat masa ini, mekanisme penyelamat korporat hanya tersedia di bawah Akta Syarikat 2016 iaitu Akta 777 dan terpakai kepada syarikat-syarikat yang didaftarkan di bawah Akta 777.

KPDN telah menerima cadangan supaya mekanisme penyelamat korporat iaitu perkiraan sukarela korporat ataupun *corporate voluntary arrangement* Datuk Yang di-Pertua dengan izin dan pengurusan kehakiman *judicial management* diperkenalkan ke dalam Akta 743, supaya mekanisme tersebut boleh diterima pakai oleh PLT yang mengalami masalah kewangan. Ini kerana, sebagaimana syarikat, PLT bertanggungjawab sepenuhnya terhadap hutang dan liabiliti perniagaannya dan sewajarnya mekanisme rehabilitasi korporat yang komprehensif perlu juga disediakan bagi membolehkan PLT yang masih berdaya saing untuk meneruskan perniagaan.

Dalam hal ini, KPDN ingin mengusulkan pindaan kepada Akta 743 dengan memperkenalkan mekanisme penyelamat korporat yang menggunakan kerangka seumpama di bawah Akta 777, melalui apa-apa penyesuaian sebagaimana yang perlu. Selaras dengan perkembangan ekonomi semasa, terutama sekali dalam mengatasi keadaan ekonomi yang mencabar ini, Kementerian mencadangkan supaya pemakaian mekanisme penyelamat korporat ini diperluaskan kepada semua PLT.

Cadangan peluasan pemakaian ini juga akan memberikan peluang kepada lebih banyak PLT yang menghadapi masalah kewangan menggunakan mekanisme penyelamat korporat untuk memulihkan kedudukan kewangan mereka melalui proses rundingan serta persetujuan dengan pemiutang dan, pada masa yang sama, diberikan perlindungan daripada tindakan undang-undang atau penggulungan sewaktu proses tersebut berlangsung.

Selaras dengan polisi cadangan pindaan yang turut menambah baik kerangka mekanisme penyelamat korporat di bawah Akta 777, KPDN juga mencadangkan supaya PLT yang telah diberikan perintah pengurusan kehakiman juga boleh mendapatkan pembiayaan penyelamat ataupun *rescue financing* dengan izin, serta perlindungan terhadap pembiayaan penyelamat tersebut, sebagaimana yang terpakai kepada syarikat.

Selain itu, dicadangkan juga supaya mana-mana PLT yang memasuki proses rehabilitasi iaitu Skim Perkiraan Sukarela Korporat atau Pengurusan Kehakiman adalah diberi perlindungan undang-undang untuk terus mendapatkan bekalan perkhidmatan atau barangan

yang penting, *supply of essential goods and services* untuk memastikan PLT boleh terus beroperasi demi kelangsungan perniagaan.

Inisiatif ini akan memberi impak perundangan positif dan komprehensif bagi memastikan entiti perniagaan seperti PLT yang masih berdaya maju, diberi ruang yang secukupnya untuk membolehkan mereka terus beroperasi terutamanya dalam tempoh pasca pandemik COVID-19. Justeru itu, tindakan penggulungan akan hanya menjadi pilihan terakhir setelah PLT yang terbabit mengambil tindakan-tindakan lain untuk menyelamatkan aktiviti perniagaannya, termasuk melalui perkiraan sukarela korporat atau pengurusan kehakiman.

Datuk Yang di-Pertua, pada masa ini Akta 743 masih tidak mempunyai peruntukan berkaitan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial. Walaupun Akta 777 telah menguatkuasakan kerangka tersebut sejak 1 April 2024.

Berdasarkan piawaian *Recommendation 24* yang dikeluarkan oleh FATF berkaitan pelaporan pemunyaan benefisial, PLT merupakan salah satu entiti perniagaan yang tertakluk kepada keperluan piawaian tersebut. Oleh itu, jurang perundangan yang perlu diatasi dalam Akta 743 adalah:

- (i) penjelasan mengenai definisi pemunya benefisial yang menjangkau melebihi pemilikan ekuiti termasuk kuasa untuk mengawal sesuatu entiti selaras dengan cadangan FATF;
- (ii) memberikan penjelasan dan panduan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang merangkumi PLT tempatan dan asing;
- (iii) menyelaraskan pelaporan maklumat pemunyaan benefisial antara SSM dan badan berkanun yang berkaitan untuk mengelakkan pelaporan bertindih; dan
- (iv) memastikan kerangka undang-undang di Malaysia adalah selari dengan piawaian FATF dan amalan terbaik antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, cadangan-cadangan pindaan bagi rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (iv) memberikan definisi pemunya benefisial dari perspektif jumlah sumbangan modal atau kawalan ke atas pengurusan PLT;
- (v) mewajibkan PLT untuk menyimpan daftar pemunya benefisial serta keperluan mengemas kini daftar tersebut;
- (vi) menjelaskan kewajipan pelaporan pemunyaan benefisial kepada Pendaftar melalui serah simpan perakuan tahunan PLT serta pengemaskinian maklumat pemunya benefisial apabila terdapat perubahan;

- (vii) menjelaskan obligasi mana-mana orang untuk memaklumkan PLT sekiranya mereka merupakan pemunya benefisial; dan
- (viii) memberikan kuasa kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk menentukan apa-apa kelas PLT yang dikecualikan daripada membuat pelaporan pemunyaan benefisial di bawah Akta 743, sekiranya PLT tersebut tertakluk kepada perundangan lain yang serupa; dan
- (ix) memberikan kuasa kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk menentukan mana-mana orang ataupun golongan orang, termasuk agensi penguat kuasa dan kawal selia yang boleh diberikan akses berkaitan maklumat pemunya benefisial tersebut.

Pengenalan peruntukan baharu yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini akan meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan dengan SSM dan akan membantu agensi penguat kuasa dan kawal selia termasuk Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk membanteras jenayah serius yang berselindung di sebalik entiti korporat perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, pengukuhan polisi yang menyokong pelaksanaan tadbir urus PLT yang lebih mampan juga adalah penting bagi memastikan tahap pematuhan yang tinggi di kalangan PLT. Antara pindaan penting yang dicadangkan adalah seperti yang berikut.

■1210

Satu, pindaan am supaya laman sesawang SSM boleh digunakan untuk mengiklankan atau menyiarkan maklumat sebagai media alternatif kepada kehendak perundangan untuk diiklankan atau disiarkan dalam surat khabar. Pindaan ini bersifat fasilitatif untuk mengatasi isu-isu praktikal di mana tiada lagi surat khabar yang mempunyai edaran meluas ke seluruh Malaysia. Tambahan pula, kos pengiklanan adalah tinggi dan membebankan, terutama sekali sekiranya pengiklanan tersebut perlu dibuat oleh PLT yang menghadapi masalah kewangan atau dalam tindakan penggulungan.

Dua, pada masa yang sama, penyelarasan juga dibuat untuk cara notis diberikan kepada PLT atau perkongsi PLT selaras dengan akta-akta lain yang dikawal selia oleh SSM.

Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 13 fasal serta satu jadual yang merangkumi perkara-perkara yang berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 10(2) Akta 743 untuk memasukkan perenggan baharu (ea) dan (eb) yang memerlukan PLT menyerahkan simpan dengan pendaftar butir-butir berdaftar termasuk butir-butir mengenai pemunyaan benefisial dan sumbangan modal setiap pekongsi bagi tujuan pendaftaran.

Fasal 3 pula bertujuan untuk meminda subseksyen 19(1) Akta 743 untuk menghendaki sesuatu PLT menyimpan daftar mengenai pemunyaan benefisial di pejabat berdaftaranya.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu IIIA ke dalam Akta 743 yang memperkatakan tentang pemunyaan benefisial sesuatu PLT seperti berikut. Seksyen baharu 20A yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan takrif pemunya benefisial suatu PLT.

Seksyen baharu 20B yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan obligasi untuk menyimpan dan menyelenggara daftar pemunya benefisial dan menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial dengan pendaftar. Hanya orang atau kelas orang yang ditetapkan oleh Menteri, termasuk agensi penguatkuasaan undang-undang dan pihak berkuasa berwibawa yang kompeten boleh mengakses daftar pemunya benefisial sesuatu PLT dan maklumat pemunyaan benefisial yang berkaitan.

Seksyen baharu 20C yang dicadangkan bertujuan untuk memberi kuasa kepada suatu PLT untuk menghendaki penzahiran pemunyaan benefisialnya. Seksyen baharu ini membolehkan PLT mendapat maklumat pemunya benefisial atau mengesahkan ketetapan maklumat itu daripada mana-mana orang yang PLT ketahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai sebagai pemunya benefisial PLT.

Seksyen baharu 20D yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas pemunya benefisial untuk memberitahu PLT apabila dia menjadi pemunya benefisial atau jika terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat pemunyaan benefisial PLT dan seksyen baharu 20E yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan pemakaian Bahagian IIIA kepada semua PLT kecuali kelas PLT tertentu yang tertakluk kepada kewajipan serupa mengenai pelaporan pemunyaan benefisial di bawah undang-undang bertulis lain. Pengecualian ini bertujuan untuk mengurangkan beban pentadbiran PLT dan mengelakkan pertindihan pengawal seliaan.

Fasal 5 pula bertujuan untuk meminda perenggan 27(7)(a) Akta 743 untuk mengenakan tanggungjawab tambahan kepada pegawai pematuhan PLT bagi menyenggara daftar pemunyaan benefisial dan menghendaki penzahiran pemunya benefisial.

Fasal 6 pula bertujuan untuk meminda tajuk Bahagian VII Akta 743 untuk memasukkan perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman sebagai sebahagian daripada tajuk.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 49A dan 49B ke dalam Akta 743. Seksyen 49A yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan mekanisme penyelamat

korporat untuk PLT dalam bentuk perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman. Bagi tujuan perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman PLT, peruntukan Penggal 8 Bahagian III Akta Syarikat 2016 dan kaedah-kaedah iaitu Mekanisme Penyelamat Korporat Syarikat 2018 hendaklah terpakai dengan apa-apa penyesuaian sebagaimana yang perlu.

Seksyen 49B yang dicadangkan bertujuan untuk mengawal selia pemakaian fasal berkaitan insolvensi di bawah mana-mana kontrak untuk pembekalan barangan dan perkhidmatan perlu antara pembekal dengan PLT yang melaksanakan perkiraan sukarela atau di bawah pengurusan kehakiman.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 70A ke dalam Akta 743 untuk memperuntukkan tempoh pematuhan bagi apa-apa tindakan atau serah simpan dokumen apabila tempoh pematuhannya tidak dinyatakan dalam akta ini.

Fasal 9 bertujuan untuk menggantikan seksyen 76 dalam Akta 743 dengan seksyen baharu yang membenarkan penyampaian dokumen kepada PLT secara pos atau secara elektronik.

Fasal 10 pula bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 76A ke dalam Akta 743 bagi memperuntukkan bahawa laman sesawang suruhanjaya boleh digunakan untuk menyiarkan iklan yang sebaliknya dikehendaki disiarkan dalam surat khabar.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan perenggan 91(aa) dan (ba) bagi memperuntukkan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perkara yang berhubungan dengan akses kepada maklumat pemunyaan benefisial serta yang berhubungan dengan perkiraan sukarela korporat, pengurusan kehakiman, penyelesaian dan penerimaan.

Fasal 12 bertujuan untuk memasukkan Jadual Keempat baharu ke dalam Akta 743 bagi menyenaraikan barang dan perkhidmatan perlu yang dilindungi di bawah seksyen 49B baharu Akta 743.

Dan fasal yang terakhir iaitu fasal 13 bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian.

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perkongsian Liabiliti 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya adalah seramai lima orang ahli yang nak berbahas. Maka memandangkan kita perlu habis jam 1, saya akan berikan masa sebanyak 7

minit seorang. Kalau ada siapa-siapa yang nak mencelah, silakan. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah.

12.18 tgh.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati sekalian. Terima kasih atas ruang yang diberikan kepada saya untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024.

Dato' Yang di-Pertua, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*] yang dipinda untuk bertujuan untuk memperkukuhkan rangka kerja rehabilitasi dan mekanisme penyelamat korporat. Ia sekali gus meningkatkan kelulusan korporat melalui pengukuhan rangka kerja pelapor pemunya benefisial. Selari dengan pindaan Akta 743 ini turut memperkenalkan satu kerangka perundangan berkaitan rehabilitasi entiti perniagaan yang lebih menyeluruh bagi mewujudkan persekitaran ekonomi yang lestari, kondusif dalam usaha memastikan perniagaan-perniagaan yang ada mampu berdaya saing.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin memuji dalam pindaan ini. Ia merangkum juga satu peliharaan kerja penemu benefisial untuk syarikat pekongsi liabiliti terhad atau PLT dengan mengambil kira perkembangan dan amalan terkini di peringkat antarabangsa. Dalam usaha memerangi aktiviti penggubalan wang haram, pembiayaan keganasan rasuah, pengelakan cukai yang berlaku di dalam negara kita dalam masa terkini.

Dato' Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 yang melanda sejak penghujung tahun 2019 telah memberikan impak negatif kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi dalam negara kita serta ekonomi dunia.

■1220

Justeru itu, banyak syarikat yang menanggung kerugian berlipat kali ganda sehingga terpaksa gulung tikar kerana tidak mampu bertahan akibat perkembangan ekonomi yang makin lemah dan makin ke belakang. Banyak kegiatan ekonomi hari ini terpaksa ditangguhkan pada satu tempoh yang agak lama kerana sekatan-sekatan logistik sama ada di sektor tempatan mahupun di peringkat global. Ekoran daripada rintihan dan senario kegiatan ekonomi yang semakin parah, pendekatan membuat pindaan ke atas PLT ini adalah satu syor yang bertepatan pada masa yang sesuai dalam keadaan negara kita yang sedang menuju ke arah ekonomi yang baharu.

Ini ialah satu usaha kementerian dalam usaha membantu perusahaan-perusahaan PLT sedia ada kembali bernafas bagi memacu kegiatan ekonomi mereka. Pendekatan-pendekatan jangka masa pendek diambil pasca COVID-19 tidak kukuh untuk menyokong

syarikat-syarikat yang terkesan, yang mula menampakkan mengejar momentum yang telah lama hilang selepas pandemik COVID-19.

Oleh yang demikian, suntikan-suntikan kewangan adalah satu jalan terbaik bagi menghulurkan oleh kementerian dengan kerjasama institusi-institusi kewangan, perbankan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang kini berpotensi mampu untuk terus menjana pendapatan dalam kegiatan perniagaan mereka. Dato' Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kita harus sedar terdapat juga individu-individu yang licik, yang bakal mengambil kesempatan atas kelonggaran dan bantuan yang akan dirangka khas untuk PLT ini.

Pada satu sudut yang lain, pindaan ini seperti yang disebut kementerian, ada juga ruang yang tidak terlepas daripada pemerhatian kementerian dan agensi-agensi berkaitan iaitu kegiatan membiayai aktiviti keganasan, penggubalan wang haram, rasuah dan juga mengelak pembayaran cukai yang sedang kita giat lakukan sekarang.

Memetik laporan akhbar *myMetro* bertarikh 8 Mac 2024, Malaysia menjadi salah satu negara sasaran, menjadi lubuk cuci duit oleh pihak luar menggunakan *proxy* untuk menubuhkan satu syarikat atau perniagaan dengan memberi dana melancarkan segala aktiviti-aktiviti jenayah yang mereka lakukan dalam masa terdekat ini. Kebanyakan negara membangun kehilangan hampir RM1 trilion ataupun 5 trilion dolar setiap tahun dalam bentuk wang tunai yang dihasilkan daripada kegiatan sindiket cuci wang haram ini.

Aktiviti sindiket wang haram ini boleh menyebabkan kemusnahan satu-satu negara. Kesan utama adalah, peningkatan kadar jenayah yang akan mengancam keamanan, keselamatan negara, sekali gus menghapus integriti dan reputasi sektor peniagaan serta kewangan negara. Kecekapan pihak kementerian dan agensi-agensi berkaitan, cakna dengan kelicikan dan muslihat-muslihat individu yang berselindung di sebalik peluang penubuhan PLT ini patut dipuji dan dihargai dalam usaha membanteras salah laku dan kerugian kepada sektor kewangan negara.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin memendekkan perbahasan saya sebab bagi saya ini rang undang-undang yang patut kita sokong, sebab ini rang undang-undang untuk kita mencernakan balik ekonomi negara kita, khususnya kepada peniaga-peniaga yang memerlukan bantuan daripada kerajaan. Kita tahu hari ini Kerajaan Madani ini begitu konsisten dalam untuk memastikan masalah peniaga-peniaga dan juga syarikat-syarikat ini dijaga dan dibela.

Oleh demikian, saya selaku seorang Ahli Dewan Negara atas kapasiti Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Tatakelola, Integriti dan Anti Rasuah Majlis Dewan Negara ini menyokong pindaan Akta 743 demi keseragaman daripada segi amalan tadbir urus entiti-entiti perniagaan mengikut lunas-lunas undang-undang dan mesra perniagaan.

Oleh itu, sekian saja perbahasan saya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Malaysia Madani kepada Timbalan Menteri dan Timbalan Speaker. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato' Arman kerana penjimatan masa, walaupun saya beri masa lebih. Sekarang ini saya jemput Datin Ros Suryati Alang.

12.24 tgh.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia Madani.

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya berbahas Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 di Dewan yang mulia pada pagi ini. Sekiranya kita melihat kepada Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) ini mula diperkenalkan pada tahun 2012 dan juga dikenali sebagai Akta 743. Ia diwujudkan untuk menggantikan *enterprise* iaitu persendirian atau perkongsian- *partnership*, dengan izin, bagi kegunaan perniagaan profesional sebagai contoh, firma guaman, doktor, klinik dan lain-lain.

Seiring dengan peredaran dan perkembangan semasa, PLT kini sudah jadi pilihan usahawan kerana ia tidak perlu *Audit Report* dan mendapat kelebihan seperti mana sendirian berhad. PLT ini ada kelebihan seperti liabiliti terhad tidak seperti perkongsian biasa dan tidak perlu akaunnya untuk diaudit setiap tahun seperti syarikat sendirian berhad. Ini bukan saja penting untuk pemain tempatan, tetapi juga memberi atau menjadi satu tarikan kepada pelabur luar negara untuk melabur di Malaysia. Saya memuji komitmen pihak kementerian kerana membawa RUU ini di Parlimen kerana ia akan memastikan persekitaran korporat kekal berdaya saing seiring dengan perkembangan ekonomi yang mencabar.

Dato' Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja. Pertamanya, berkenaan kerangka penzahiran maklumat, pemunyaan benefisial, pemilik bermanfaat. Seksyen 20C yang dicadangkan bertujuan untuk memberi PLT kuasa untuk menghendaki penzahiran pemunya benefisialnya atau sesiapa pemilik syarikat sebenar.

Soalan saya, apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan keberkesanan pelaporan atau penzahiran maklumat tentang pemunyaan benefisial atau *beneficial ownership* (BO), dengan izin, ini mengambil kira perkembangan terbaharu di peringkat serantau dan juga global dalam usaha memerangi kegiatan seperti pengubahan wang haram dan kerangka laporan maklumat pemunya benefisial ini juga penting bagi memastikan entiti perniagaan di Malaysia tidak disalahgunakan untuk tujuan jenayah atau melindungi aktiviti jenayah.

Soalan saya, berapakah kutipan yang dijangka ataupun kadar yang akan dikenakan terhadap syarikat serta dengan adanya mekanisme ini- *sorry*. Berapakah penjimatan yang

dijangkakan daripada pelaksanaan pindaan yang terkini ini? Dato' Yang di-Pertua, pindaan pada RUU ini bertujuan untuk menyokong perkembangan ekonomi dan kesejahteraan negara serta mendukung ketelusan di dalam urus tadbir korporat.

Saya melihat semenjak kebelakangan ini, korporat telah disalah guna untuk pelbagai aktiviti yang melanggar undang-undang seperti penggubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai. Justeru itu, pindaan ini amatlah wajar untuk memastikan entiti perniagaan tidak disalahgunakan oleh individu yang identitinya tidak dizahirkan dan berselindung di sebalik tadbir entiti syarikat yang bertujuan melindungi aktiviti jenayah.

Seterusnya, mengenai fasal 7 yang bertujuan untuk memasukkan seksyen 49A dan 49B yang memperkenalkan konsep perkiraan sukarela korporat- *corporate voluntary arrangement*, dengan izin, dan pengurusan kehakiman untuk memberikan peluang kepada PLT yang masih menghadapi masalah kewangan menggunakan mekanisme penyelamat korporat bagi memulihkan kedudukan kewangan mereka. Dengan adanya mekanisme ini, maka entiti perniagaan dapat menjalankan perniagaan dan menjana hasil dan terus mengekalkan tenaga kerja mereka.

Soalan saya, sejauh mana penambahbaikan mekanisme penyelamat korporat ini akan membantu golongan usahawan atau entiti perniagaan yang terkesan, khususnya mereka yang berdepan dengan masalah aliran tunai sehingga mengakibatkan ada yang terpaksa gulung tikar atau mereka mengalami masalah kebangkrapan yang serius?

Saya ingin menyentuh fasal 7 yang bertujuan untuk memasukkan seksyen 49A dan 49B bagi mekanisme perjawatan korporat dan pengurusan kehakiman. Saya pohon penjelasan mengenai garis panduan dan bentuk bantuan sokongan untuk menyelamatkan syarikat atau entiti PLT yang mengalami masalah kewangan dan insolvensi. Sejauh mana maklum balas daripada pihak perbankan dan institut kewangan berhubung dengan urusan atau amalan penyelamat korporat mana-mana PLT yang gagal menyelesaikan hutang atau pinjaman mereka?

■1230

Sebab, kita tahu pihak perbankan mementingkan keuntungan dan pulangan kepada bank. Jadi, apakah kaedah dan pelan rehabilitasi yang diperkenalkan boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti korporat seperti PLT?

Datuk Yang di-Pertua, harapan dan doa saya agar rang undang-undang ini menambah baik urus tadbir entiti perniagaan perkongsian liabiliti terhad di negara kita supaya berkembang lebih maju pada masa hadapan. Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Dato' Dr. Ahmad Azam Hamzah.

12.31 tgh.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani.

Datuk Yang di-Pertua, saya fikir PLT ini sangat-sangat menarik. Sebenarnya saya tidak tahu pun sebelum ini ada PLT. Jadi, untuk permulaan ini, kalau bolehlah mula-mula ini, saya minta Menteri bagi peratusan agaknya dalam banyak syarikat di Malaysia ini, berapa banyak yang PLT nya, sendirian berhadnya, *enterprise*. Tidak apalah, PLT pun sudah cukuplah. Tidak perlu sendirian berhad.

Saya fikir dalam masa akan datang, PLT ini akan menjadi lebih terkenal dengan usaha gigih Perdana Menteri membawa pelabur-pelabur asing kerana dengan fleksibiliti dalam menentukan peraturan dalaman melalui perjanjian antara pekongsi-pekongsi ini. Jadi, tidak terikat sangat dengan peraturan-peraturan yang dikenakan oleh kerajaan. Di samping menawarkan prosedur yang mudah dan fleksibel bagi tujuan penubuhan, penyenggaraan, pembubaran dan juga mempunyai ciri-ciri yang dinamik yang mampu bersaing di peringkat domestik dan antarabangsa, di samping tidak ada kawalan dalam berapakah jumlah pemegang-pemegang saham.

Di samping itu, ia juga tidak ada keluaran saham. Fleksibel dalam membuat keputusan. Tiada keperluan formal untuk membuat mesyuarat agung sebagaimana sendirian berhad. Tiada keperluan mengemukakan penyata kewangan kepada SSM. Dan yang paling penting sekali, segala tanggungan adalah dikenakan kepada PLT, bukan individu ataupun pemegang saham. Saya rasa dalam membuat perniagaan, di samping mendapat keuntungan, saya rasa pemegang saham juga takut kena dakwa sekiranya apa-apa berlaku. Jadi, dalam PLT ini, mereka boleh terlepas.

Jadi, pindaan kepada Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2024 ini merupakan satu langkah penting dalam usaha kita mereformasi kerangka tatakelola dan tadbir urus negara khususnya dalam sektor korporat.

Saya lihat pindaan ini memperkenalkan beberapa perubahan utama yang akan memberi impak positif kepada ekosistem perniagaan di Malaysia. Antaranya, ia memperkenalkan konsep perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman kepada perkongsian liabiliti terhad dengan menerima pakai kerangka di bawah Akta Syarikat 2016. Ini akan memberikan fleksibiliti yang lebih besar kepada syarikat dalam menguruskan operasi mereka dan memastikan ketelusan dalam pelaporan kewangan.

Selain itu, pindaan juga menghendaki perkongsian liabiliti terhad untuk menyerah simpan butir-butir berdaftar yang termasuk maklumat pemunyaan benefisial dan sumbangan modal setiap pekongsi. Ini adalah langkah penting dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam suatu pemilikan syarikat.

Pindaan ini memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan berkaitan dengan akses kepada maklumat pemunyaan benefisial serta yang berhubung dengan perkiraan sukarela korporat, pengurusan kehakiman, penyelesaian dan penerimaan. Ini akan memastikan bahawa peraturan yang dibuat adalah relevan dan sesuai dengan keperluan semasa.

Datuk Yang di-Pertua, pihak industri tentunya menyambut baik pindaan ini kerana ia akan meningkatkan keyakinan pelabur terhadap pasaran Malaysia...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tan Sri.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Dengan adanya ketelusan yang lebih tinggi dalam pemilikan syarikat dan pengurusan kewangan...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua, mohon mencelah kalau diizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Boleh bagi laluan...? Ada masa.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Boleh, boleh.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat ada menyebut tadi PLT ini adalah yang terbaik. Soalan saya. Adakah Yang Berhormat setuju ia lebih baik daripada sendirian berhad?

Dengan izin, *this is a new thing*. Perkara yang baharu yang tidak pernah mana-mana usahawan lalui berjumpa ini. Saya percaya ia baik, tetapi adakah ia lebih baik daripada sendirian berhad? Dan kalau ia lebih baik, apakah bezanya dengan sendirian berhad hari ini? Hari ini, sendirian berhad ini pun *is a limited liability* sudah. So, ini pula liabiliti berkongsi, liabiliti bersama. Apakah sebenarnya perbezaan di antara ini? Jika kita kata ia yang terbaik, maka mungkin sendirian berhad tidak diperlukan lagi. Sebab, ini lebih kepada menjaga keselamatan usahawan ataupun pemegang saham itu sendiri. Terima kasih, Datuk.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Yang Berhormat Senator, saya rasa yang patut jawab ini Menteri... *[Ketawa]* Tetapi, walau bagaimanapun, melalui bacaan-bacaan, kajian saya sehari dua ini mengenai PLT, saya rasa banyak perbezaan yang ketara. Macam saya katakan tadi, sebenarnya kita boleh membuat polisi bersama apa yang kita hendak sebenarnya dalam syarikat, dalam pakatan kita ini, di samping tidak terikat dengan prosedur-prosedur yang ketat. Sendirian berhad kena buat mesyuarat agung tahunan, kena hantar laporan kewangan, tetapi PLT ini tidak kena, tetapi yang penting, macam yang saya katakan

tadi, pemegang saham tidak tanggung apa-apa hutang. Sebaliknya, ditanggung oleh PLT itu sendiri. Itu antara kebaikanlah. So, yang lebih itu mungkin Menteri boleh jawablah.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua, adakah *possibility* atau kemungkinan kita mansuh terus sendirian berhad ini, jika ini yang terbaik? Maknanya, mana-mana perniagaan tidak payah hendak guna sendirian berhad sudah. Kita register syarikat itu bawah PLT sahaja, perkongsian terhad ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Sekali lagi, saya serah kepada Menterilah untuk jawab... *[Ketawa]* Kang saya jadi Menteri pula kang.

Jadi, saya sambung ya. Saya sambunglah sedikit sahaja.

Jadi, sebagaimana saya katakan tadi, tentunya pihak industri menyambut baik pindaan ini kerana ia akan meningkatkan keyakinan pelabur terhadap pasaran Malaysia. Dengan adanya ketelusan yang lebih tinggi dalam pemilikan syarikat dan pengurusan kewangan, pelabur akan merasa lebih yakin untuk melabur di negara kita dan seterusnya akan merangsang pertumbuhan ekonomi dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan.

Selain itu, industri juga melihat bahawa pengenalan konsep perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman akan membantu syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan untuk menguruskan hutang mereka dengan lebih berkesan. Ini akan mengurangkan risiko kebangkrapan dan memastikan kelangsungan perniagaan. Yang penting, pemegang saham tidak menanggung apa-apa hutang, sebaliknya ditanggung oleh PLT itu sendiri.

Pindaan ini juga dijangka akan membawa beberapa kesan positif yang sangat signifikan. Dengan peningkatan ketelusan dan akauntabiliti dan *versatility* dalam struktur pemilikan syarikat, kita dapat menarik lebih banyak pelabur asing. Pelabur asing cenderung untuk melabur di negara yang mempunyai peraturan yang jelas dan telus dan seterusnya akan meningkatkan aliran masuk modal ke dalam negara.

Dengan memperkenalkan mekanisme pengurusan kehakiman dan perkiraan sukarela korporat, syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dapat menguruskan hutang mereka dengan lebih berkesan. Ini akan membantu mengurangkan kadar kebangkrapan dan memastikan kelangsungan perniagaan yang penting untuk mengekalkan kestabilan ekonomi.

Seterusnya, dengan adanya peraturan yang lebih ketat mengenai maklumat pemunyaan benefisial, kita dapat mengurangkan risiko penyelewengan dan pengubahan wang haram. Ini akan meningkatkan integriti pasaran kewangan kita dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang lebih menarik di samping memastikan kesinambungan perniagaan syarikat.

Dari sudut sosial pula, pindaan ini akan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap sektor korporat. Dengan adanya ketelusan yang lebih tinggi, masyarakat akan lebih

yakin bahawa syarikat-syarikat beroperasi dengan integriti dan bertanggungjawab. Ini akan menggalakkan budaya perniagaan yang lebih beretika dan bertanggungjawab.

Yang terakhir, sebagaimana pernyataan yang terakhir sekali, iaitu rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan, tetapi ini adalah polisi. Saya rasa kerajaan menjalankan prosedur standard sahaja, tetapi adakah melibatkan kewangan juga? Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput Dato' Kesavadas.

12:40 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh tentang peruntukan seksyen 49B yang menggariskan tentang penguatkuasaan klausa insolvensi kepada perkongsian liabiliti terhad bagi maksud pembekalan barangan dan perkhidmatan perlu.

Bersandarkan subseksyen (2), saya berpendirian bahawa pindaan tersebut berupaya mendorong sesebuah perkongsian liabiliti terhad (PLT) dengan pendeknya, bermasalah untuk melakukan apa yang perlu bagi meneruskan operasi atau urusan perniagaan tanpa mengetepikan hak yang telah dipersetujui bersama dengan pihak pembekal.

PLT yang menghadapi situasi sebegini sudah tentu memerlukan masa yang melaksanakan penstrukturan semula operasi lebih-lebih lagi entiti yang sedang melalui fasa penyelesaian tunggakan hutang atau kompromi terutamanya yang melibatkan prosiding kehakiman. Tambahan pula, peruntukan tersebut boleh melindungi sesebuah entiti perkongsian liabiliti terhad daripada pemberhentian operasi secara mendadak khususnya yang melibatkan penggunaan utiliti seperti air dan elektrik.

Pemberhentian satu-satu operasi perniagaan bukan sahaja memberi implikasi negatif kepada aliran tunai perniagaan, malah ia juga mengundang kesan domino kepada pengecutan sumber manusia yang seterusnya mendatangkan impak kepada masalah pengangguran di negara ini. Hal tersebut turut dizahirkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz menerusi *Wawancara Agenda Awani* pada Julai tahun lalu.

Dalam wawancara tersebut, beliau ada menekankan bahawa pindaan Akta 743 ini merupakan manifestasi penting kepada proses pemulihan perniagaan kepada sesebuah perkongsian liabiliti terhadap menerusi mekanisme penyelamat korporat. Penekanan yang digariskan dalam pindaan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 ini berupaya mewujudkan sedang bergelut dengan pelbagai bentuk kekangan. Perintah Kawalan Pergerakan atau *lockdown* akibat pandemik Covid-19 yang telah menyaksikan banyak entiti perniagaan

domestik terpaksa gulung tikar. Senario tersebut merupakan satu petunjuk kepada kerajaan bahawa entiti perniagaan memerlukan dukungan dalam pelbagai aspek termasuk mekanisme pemulihan perniagaan yang digariskan dalam undang-undang berkaitan.

Saya secara peribadi memahami hakikat bahawa fasa pemulihan sesebuah organisasi yang berorientasikan perniagaan perlu didukung teguh oleh aspek perundangan. Oleh sebab itu, seksyen 49A diwujudkan atas dasar untuk menyediakan ruang rehabilitasi korporat menerusi perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman. Menerusi peruntukan tersebut, sesebuah perkongsian liabiliti terhad dapat membereskan apa jua hal yang melibatkan penyelesaian berkaitan tunggakan hutang atau risiko kebangkrapan yang boleh menjejaskan hubungan perniagaan dengan entiti perniagaan lain atau *business to business relationship* dengan izin.

Mekanisme tersebut juga membolehkan satu-satu entiti yang menjalankan transaksi perniagaan dengan sesebuah perkongsian liabiliti terhad yang berdepan dengan krisis kerugian perniagaan menuntut hak bayaran bagi pembekalan barangan dan perkhidmatan perlu seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat. Pelaksanaan penyerahan notis bertulis 30 hari bagi pemakluman penuntutan hak berasaskan klausa berkaitan dengan insolvensi terhadap sesebuah perkongsian liabiliti terhad adalah munasabah.

Tempoh tersebut boleh dimanfaatkan secara bersama oleh pembekal dan entiti perkongsian liabiliti terhad untuk mencari jalan penyelesaian terhadap apa jua bentuk tunggakan yang boleh mengheret mana-mana pihak kepada kegawatan kewangan yang lebih besar. Yang penting, peruntukan tersebut tidak mengetepikan atau menidakkan hak syarikat atau pihak pembekal barangan dan perkhidmatan perlu untuk menuntut bayaran atau hak-hak profesional lain yang melibatkan kelancaran perjalanan *business to business* dengan entiti-entiti lain. Ia juga tidak menekan sesebuah entiti perkongsian liabiliti terhad untuk menyelesaikan sebarang tunggakan bayaran dengan drastik dalam senario defisit aliran tunai.

Bertepatan...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Dato' Yang di-Pertua, mohon...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Sekejap, sekejap. Bagi habis dahulu. Bertepatan dengan Rukun Malaysia Madani yang keenam iaitu insan, peruntukan dua seksyen baharu iaitu seksyen 49A dan seksyen 49B menyerahkan nilai insan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dalam menyokong pelan pemulihan entiti-entiti perkongsian liabiliti terhad di negara ini. Perwujudan kedua-dua peruntukan tersebut membuktikan bahawa Kerajaan Perpaduan amat peka terhadap aspek kelangsungan perniagaan entiti perkongsian liabiliti terhad yang juga bertanggungjawab kepada modal insan yang turut berdepan dengan cabaran ekonomi dan sara hidup.

Berdasarkan dua pindaan yang saya bangkitkan tadi, saya ada tiga persoalan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, berapakah jumlah entiti perkongsian liabiliti terhad yang berdepan dengan risiko kebangkrapan atau penutupan syarikat sebelum kompromi atau prosiding kehakiman setakat 30 Jun 2024? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jenis perniagaan atau industri yang dijalankan oleh majoriti entiti perkongsian liabiliti terhad yang bermasalah tersebut.

Kedua, bagaimanakah konsep mekanisme penyelamat korporat dilaksanakan dalam menyelamatkan sesebuah syarikat liabiliti terhad yang berdepan dengan risiko kebangkrapan?

Ketiga, apakah pendekatan yang akan dilaksanakan secara bersepadu bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri dalam mengetengahkan inti pati-inti pati penting yang terkandung dalam pindaan Akta Liabiliti Terhad 2012 ini kepada pemain-pemain industri khususnya syarikat pembekal?

Dato' Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbincangan Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad. Saya mohon menyokong.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Boleh mencelah sebelum habis itu?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *Time over.* Tanya Menteriilah,

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Dia hendak tamatkan, dia hendak tamatkan...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Nanti saya ambil alih tempat Menteri pula.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Boleh, boleh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tidak adalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada. Dato' Kesavadas hendak tamatkan perbincangan dia. Jadi, saya jemput sekarang pembahas terakhir kita, Tuan Manolan bin Mohamad. Tuan Manolan, lama perbincangan?

Tuan Manolan bin Mohamad: Tidak lama.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak lama, baik. Fasal saya hendak habiskan jam 1.00 tengah hari.

Tuan Manolan bin Mohamad: Okey, sekejap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada masa lagi, tetapi hendak maklumkanlah.

Tuan Manolan bin Mohamad: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak payahlah hendak mencelah-mencelah lagi.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tak lama.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih... [*Ketawa*]

Tuan Manolan bin Mohamad: Tetapi, Tan Sri Fatmi hendak mencelah. Ada masa, ada masa... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Ada masa... [Ketawa]

Tuan Manolan bin Mohamad: Penting ini, okey.

12.58 tgh.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 ini iaitu Akta 743 pindaan 2024.

Jadi, akta ini sebenarnya baharu dan dia adalah apabila kita tengok, dia gabungan antara akta syarikat dan juga perkongsian. Cuma, yang ini sebenarnya satu pindaan yang bagus di mana kita menggalakkan golongan korporat dan juga golongan yang baharu menceburi diri dalam perniagaan- Tan Sri Fatmi dah lama, tetapi ramai orang muda yang baharu menceburi diri dalam perniagaan ini saya rasa mereka boleh daftar di bawah PLT ini, singkatan PLT. Jadi, mereka boleh daftar di mana kalau kita tengok di sini, kriteria-kriteria dia agak lebih baik kalau kita bandingkan dengan akta syarikat sendirian berhad.

Jadi maka itu, cuma banyak juga persoalannya di sini yang perlu dijawablah, yang perlu dijawab. Sebenarnya dia juga untuk mengurangkan pengangguran bila ramai yang mendaftar bawah PLT ini. Juga seperti yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi, itu untuk menguatkuasakan aktiviti pengubahan wang haram di mana sebelum ini pengubahan wang haram ini merupakan syarikat sendirian berhad, tetapi dengan PLT ini, sekurang-kurangnya pihak berkuasa boleh menjejaki pengubahan wang haram ini di mana, syarikat mana dan siapa pelabur dia.

■1250

So, itu yang menarik dia. Cuma di sini, saya ada beberapa persoalan. Kalau kita tengok PLT ini, mereka agak sukar sebenarnya untuk nak membuka akaun di bank sebab sekarang ini, ramai yang nak buka akaun di bank ini, dia dah tak perlu bank dah. Sekarang ni ada digital bank lagi. Kan? Tak perlu pergi ke bank dan mereka boleh memohon secara *online*, tetapi PLT ini, mereka tidak ada opsyen untuk nak pilih *online* ini.

Jadi, adakah kerjasama antara PLT SSM ini dengan bank untuk membuat satu *mode* untuk mohon secara *online* ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Monalan, tadi Yang Berhormat Monalan macam jemput Tan Sri Haji Mohamad Fatmi untuk mencelah.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tadi minta saya mencelah, kan?

Tuan Manolan bin Mohamad: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh... [Ketawa]

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: YB menyebut tentang bank ini, soal buka akaun satu bab. Adakah YB terfikir ataupun berpandangan ataupun bersetuju bahawanya dengan PLT ini iaitu kita dengar daripada cerita-cerita ini yang terbaik untuk usahawan, untuk peniaga ini kerana perlindungan atas liabiliti tersebut. Sekarang ini, tetapi *on the other side of the coin*, dengan izin, *the bank* yang nak bagi pinjaman kerana perniagaan mana-mana pun mesti mengambil pinjaman. Mesti meminta pinjaman, mesti minta pinjaman.

So, adakah ini akan menyebabkan ataupun mengakibatkan kesukaran ataupun ketidakbolehan mengambil pinjaman dari bank itu kerana liabiliti terhad ataupun perkongsian liabiliti ini? Terima kasih Datuk.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih rakan, Tan Sri Fatmi. Saya bersetuju seperti yang saya sebutkan tadi, sukar untuk mendapatkan pinjaman di mana audit mereka ini bukan satu kewajipan sedangkan bank untuk memberikan pinjaman, mereka sekurang-kurang kena ada *bank statement* yang menarik. Penyata kewangan yang menarik dan juga mesti ada laporan audit yang diaudit setiap tahun ada untung, ada rugi. Tak rugi, tak bagi pinjaman lah.

Jadi ini, dia bukan satu kewajipan. Mereka boleh menghantar penyata laporan audit ini ke SSM, ataupun tidak hantar pun tidak apa. Tidak perlu dilantik. Jadi, seterusnya kita tengok PLT ini kalau dibandingkan dengan Sendirian Berhad, mereka sukar untuk mendapat tender kerajaan berbanding dengan Sendirian Berhad, jadi, yang dapatnya kebanyakannya Sendirian Berhad, jadi PLT ini sukar dapat.

Jadi, bagaimana kerajaan untuk memudahcarakan supaya PLT ini juga dapat. Jadi, ini antara keraguan mereka lah. Adakah juga PLT ini, katakan bank, mereka nak beri pinjaman kepada PLT ini, adakah bank boleh akses dalam sistem SSM ini untuk dapatkan laporan audit? Siapa direktur dia, sebab dalam PLT ini dia tidak ada pengarah syarikat, yang ada hanyalah *shareholder* iaitu *shareholder* lah. Pemegang saham, pencarum yang dalam di situ. Liabiliti terhad, katakan dia kena saman. Siapakah yang akan di saman?

Katakan pemiutang nak saman syarikat tersebut, adakah PLT itu, adakah semua pemegang saham tadi? Adakah yang pemegang saham paling besar akan di saman paling banyak ataupun pemegang saham yang sedikit akan tak kena saman ataupun saman dia kurang? Jadi, ini yang perlu dijawablah oleh Timbalan Menteri. Apa pun, saya sangat menyokong sebenarnya untuk merancakkan ekonomi kita khususnya SME ini yang banyak di luar sana yang memberi KDNK yang paling tinggi sebenarnya dalam negara kita.

Jadi Datuk Yang di-Pertua, masa pun hampir tamat. Saya menyokong Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. YB Menteri, sebelum YB Menteri menjawab saya nak tanya, YB Menteri nak luluskan undang-undang ini sebelum *lunch* kah ataupun

selepas- sebelum ya? Jadi YB Menteri ada 6 minit tapi saya boleh tambah sikit lagi untuk YB habiskan jawapan YB. Terima kasih.

12.55 tgh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024. Kita amat menghargailah segala semua pandangan, saranan dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seramai lima orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan Rang Undang-undang PLT iaitu Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha; Yang Berhormat Senator Datin Ros Suryati Alang; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah; Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas; dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan Mohamad termasuk pencelah seorang, Yang Berhormat Tan Sri Fatmi... *[Ketawa]*

Saya nak bermula dengan memberikan roh ataupun semangat di sebalik PLT ini ya sebab tadi Tan Sri Fatmi tanya satu soalan yang amat fundamental. Di mana Yang Berhormat Tan Sri kata, nanti kita tak perlu lah ada syarikat lagi dah. Sebenarnya, kita bukan nak *compare*, banding antara PLT dengan Sendirian Berhad. Yang kita nak banding adalah perkongsian konvensional dengan PLT sebab dalam perkongsian konvensional dia ada beberapa kelemahan-kelemahan yang perlu meletakkan liabiliti itu sepenuhnya kepada pekongsi tersebut.

Katakan seorang daripada pekongsi itu meninggal maka ia tidak dapat diturunkan. Dia tidak *perpetual succession*, kalau dia dalam PLT ini, contohnya kalau kita ada tuan punya stesen minyak *dealer owned dealer operated* (DODO) dia punya stesen minyak itu kalau dia kongsi untuk buat stesen minyak ini dan apabila seorang meninggal itu, dia ada masalah. Ini contohlah ya.

Jadi, kalaulah sekiranya kita nak tarik *share, investment*, tak boleh PLT ini. PLT ini juga kalau perniagaan itu nak diapungkan di Bursa Malaysia. Tak boleh juga. PLT ini tak boleh. Jadi perlu ada syarikat Sendirian Berhad. ini. Ada industri spesifik yang mana syarat lesen membenarkan hanya syarikat sahaja, hanya syarikat Sendirian Berhad yang boleh memohon seperti sektor perbankan. Tak boleh PLT. Jadi perlu ada Akta Syarikat, perlu ada Akta PLT tapi PLT ini untuk membantu mengurangkan liabiliti kepada pekongsi-pekongsi dalam perkongsian konvensional.

Itu dia punya roh dan semangat di sebalik Akta PLT ini. Saya terus menjawab kepada soalan-soalan. Saya rasa tak banyak soalan sebabnya semuanya kebanyakannya sokong. Sokong, baik-baik punya sokong. Diucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau sokong tak payah jawab lah... *[Ketawa]*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: *[Ketawa]* Saya rasa ada beberapa soalan-soalan yang- ada beberapa soalan-soalan seperti- saya rasa yang agak spesifik Yang Berhormat Datin Ros banyak tanya soalan dia. Saya cuba jawab sebanyak mana boleh. Jadi yang kalau saya tak sempat tu kita jawab bertulis lah.

Datin Ros bertanya, Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan *beneficial ownership* ini. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan keberkesanan...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua, boleh tanya satu soalan saja- Timbalan Menteri?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat tadi tak bahas. Nak bertanya berkenaan pencelahan kah...?

Timbalan Yang di-Pertua: Tak bahas, tak boleh tanya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Kalau tak bahas tak boleh tanya Yang Berhormat... *[Ketawa]* Sebab saya gulung yang bahas dan saya dah sentuh berkenaan apa pencelahan Yang Berhormat Tan Sri tadi. Jadi Yang Berhormat Senator bertanya berkenaan langkah-langkah diambil bagi memastikan keberkesanan perundangan penzahiran pemunya benefisial dan apakah kos pendaftaran ya.

Berkenaan dengan langkah-langkah ini SSM telah menyediakan garis panhaduan seta FAQ bagi memberikan kefahaman pada entiti-entiti PLT mematuhi perundangan baharu tentang penzahiran pemunya benefisial dan kemudian kos pendaftaran, tiada kos atau *fee* pendaftaran digunakan.

Yang Berhormat Datin Ros juga tanya, apakah langkah yang diambil untuk memastikan keberkesanan cadangan untuk memperkenalkan kerangka pemunya benefisial ini?

Jadi, PLT mempunyai obligasi untuk mengenal pasti dan mendapatkan maklumat pemunya benefisial. Jika seseorang individu mengetahui bahawa beliau merupakan seorang pemunya benefisial kepada PLT tersebut, individu itu juga mempunyai obligasi untuk memaklumkan perkara berkenaan kepada PLT.

Jadi, ini penting ya sebabnya kalau kita tak maklumkan, dia ada *interest*. Sama ada dia ada *interest* ataupun dia akan dapat keuntungan, dia yang membuat keputusan. Itu maksudnya, itulah pemunya benefisial. Nama dia mungkin tak ada dekat mana-mana, tetapi dia *dictate* syarikat itu. Dia dapat keuntungan daripada syarikat itu. Itu maksudnya pemunya benefisial dan mesti didaftarkan.

Kalau tidak, kalau masuk- katakanlah tender kerajaan. Dia masuk 10, 10 itu dia pemunya benefisial. Dia tak *register* mana-mana. Jadi, mana satu syarikat dapat tender, dia dapat keuntungan. Itu sebab penting sangat kita daftarkan pemunya benefisial ini.

Saya kira, banyak lagi soalan, tetapi saya kira bolehlah kita jawab secara bertulis. Boleh, Dato' Yang di-Pertua- boleh tak yang bahas tadi?

Beberapa Ahli: Boleh, boleh.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua: YB semua dah sokong pun... *[Ketawa]*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Saya- sebab dah pukul 1, kan? Kita pun semua sokong, kan? Jadi, soalan-soalan ini soalan teknikal. Bukan soalan fundamental seperti yang tadi. Saya nak akhirlah, Datuk Yang di-Pertua...

*Sirih berlipat sirih pinang,
Sirih dari Pulau Mutiara;
Undang-undang PLT kami bincang,
Memacu ekonomi teguh sejahtera... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, YB Menteri. Tak habis lagi?... *[Ketawa]*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: *[Ketawa]*

*Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan;
Rang undang-undang dipinda setiap satu,
Terima kasih Senator atas sokongan... [Tepuk]*

Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, YB Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memang tak reti balas... *[Ketawa]*

Sekarang, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Digital (Datuk Ugak anak Kumbong) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditempokkan dan akan bersambung semula pada jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.04 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum*, salam sejahtera. Majlis bersidang semula.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.32 ptg.

Menteri Digital [Tuan Gobind Singh Deo]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 dibacakan buat kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 709 telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 2 Jun 2010 dan mula dikuatkuasakan pada 15 November 2013. Tujuan penggubalan akta ini adalah untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

Akta ini adalah terpakai kepada mana-mana individu atau entiti yang memproses dan mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi yang diproses dalam transaksi komersial.

Di bawah seksyen 48 Akta 709, Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi ataupun selepas ini dibuat rujukan sebagai "Pesuruhjaya" adalah bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta 709 dan semua perundangan subsidiari yang berkaitan serta menjalankan fungsi dan kuasanya mengikut peruntukan sedia ada.

Bagi mengimbangi kuasa yang diberikan, Pesuruhjaya juga mempunyai tanggungjawab kepada Menteri berdasarkan kepada peruntukan seksyen 59 Akta 709 dalam pelaksanaan fungsi dan kuasanya.

Setelah lebih sedekad penguatkuasaannya, beberapa aspek perlindungan peribadi, data peribadi di bawah Akta 709 perlu diteliti dan dikaji semula bagi tujuan menambah baik perundangan sedia ada supaya sejajar dengan perkembangan teknologi digital semasa serta perundangan perlindungan data peribadi di peringkat global.

Keperluan untuk mengkaji semula Akta 709 Tuan Yang di-Pertua, telah saya nyatakan pada tahun 2018 semasa perasmian program *The Future of Digital Advertising in a Privacy First World* serta semasa persidangan *Impact of European Union General Data Protection Regulation (EU GDPR) di Malaysia dan non-EU countries* pada tahun 2019.

Susulan daripada itu, kajian awal semakan semula Akta 709 telah pun dimulakan dalam tahun 2018 dengan mengenal pasti jurang yang wujud di antara Akta 709 dan keperluan semasa perundangan perlindungan data peribadi di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, hasil kajian awal jelas menunjukkan bahawa Akta 709 perlu ditambah baik untuk memastikan pelaksanaan Akta 709 adalah lebih efektif dan juga setanding dengan perundangan perlindungan data peribadi di peringkat global serta seiring dengan perkembangan teknologi dan ekonomi digital.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka cadangan pindaan Akta 709 ini, Kementerian Digital dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi ataupun JPDP telah pun mengambil kira input dan juga pandangan yang diberikan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan melalui pelbagai sesi libat urus. Sebanyak 40 sesi libat urus dengan 719 orang pemegang taruh yang terdiri daripada sektor awam, sektor swasta, pihak berkuasa tempatan, badan kawal selia, pemain industri, persatuan yang mewakili industri dan pihak-pihak lain yang berkepentingan telah dilaksanakan.

Selain daripada itu, sesi taklimat kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi juga telah pun dilaksanakan pada 6 Julai 2014 yang lalu mengenai semua cadangan pindaan akta yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, pelbagai pandangan dan juga pendapat juga telah pun diperoleh daripada pakar-pakar melalui siri lawatan penandaarasan ke agensi dan suruhanjaya yang berkaitan di luar negara. Semua maklum balas serta input yang diterima hasil kajian awal dan rundingan awam diambil kira dalam perkara perwujudan peruntukan baharu, pindaan kepada peruntukan sedia ada, penggubalan peraturan, pekeliling, standard atau garis panduan baharu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi statistik aduan yang terkumpul dari tahun 2016 sehingga bulan Jun tahun 2024, Pejabat Pesuruhjaya telah pun menerima sebanyak 5,181 aduan

penyalahgunaan dan pelanggaran data peribadi. Angka ini adalah membimbangkan kerana ianya menunjukkan bahawa isu pelanggaran data peribadi masih berlaku meskipun Akta 709 telah pun berkuat kuasa hampir sedekad lamanya.

Peningkatan pelbagai jenayah lain seperti penipuan dalam talian, termasuk penipuan identiti yang salah, satu-satunya berpunca daripada insiden kecurian dan kebocoran data peribadi turut juga menyumbang kepada peningkatan aduan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan statistik tahun lalu 2023 oleh Pusat Response Scam Kebangsaan sejumlah 34,497 kes penipuan dalam talian membabitkan kerugian dalam jumlah RM1.218 bilion telah dilaporkan di seluruh negara. Berdasarkan statistik tersebut, kes jenayah telekomunikasi seperti tipu peraduan SMS, tipu penyamaran dalam talian dan tipu panggilan telefon antara kes tertinggi yang telah direkodkan dengan bilangan 10,348 kes membabitkan kerugian RM352.9 juta.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini tidak melibatkan sebarang pindaan yang melibatkan pemakaian akta yang sama terhadap Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Buat masa ini, terdapat akta dan peraturan lain yang mengawal selia pegawai-pegawai awam iaitu Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] dan juga Peraturan-peraturan Pegawai Awam, (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 sekiranya pegawai awam disabitkan dengan isu ketirisan semasa mengendalikan data.

Selain daripada itu, Kementerian Digital melalui Jabatan Digital Negara (JDN) sedang membangunkan satu akta baharu mengenai perkongsian data dalam sektor awam yang dijangka akan dibentangkan seawal-awalnya pada sesi yang akan. Elemen kawal selia perlindungan data peribadi turut dikaji dan diambil kira dalam akta yang baharu ini.

Oleh yang sedemikian, pindaan terhadap Akta 709 berkeupayaan untuk meningkatkan serta memperkukuhkan perlindungan data peribadi yang diproses di Malaysia.

■ 1440

Selain daripada itu pindaan ini juga adalah pindaan yang pertama kali dilaksanakan sejak ianya digubal pada tahun 2010 bagi memastikan peruntukan Akta 709 adalah setaraf dengan undang-undang dan juga amalan-amalan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan berpandangan telah tiba masanya agar Malaysia mempelajari dan juga mempraktikkan amalan-amalan yang terbaik, dengan izin, *best practices* seperti mana yang dipraktikkan di seluruh dunia dalam perkara memastikan perlindungan data peribadi di Malaysia adalah yang terkini. Rang Undang-undang (Pindaan) Akta 709 mengandungi keseluruhannya 14 fasal yang melibatkan beberapa peruntukan utama. Fasal-fasal yang diperincikan dalam rang undang-undang adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am kepada Akta 709 untuk menggantikan perkataan “pengguna data” dengan perkataan “pengawal data” termasuk dalam nota bahu kecuali dalam takrif “daftar” di bawah seksyen 4 dan seksyen 9 Akta 709. Cadangan pindaan ini adalah bagi memastikan keseragaman terma seperti yang diguna pakai oleh kebanyakan perundangan perlindungan data peribadi di peringkat antarabangsa termasuk EU GDPR.

Fasal 3 Tuan Yang di-Pertua bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 709 untuk memasukkan takrif baharu “data biometrik” dan “pelanggaran data peribadi” ke dalam Akta 709 dan untuk meminda takrif tertentu yang sedia ada.

Pindaan ini merangkumi pertama, dalam takrif data peribadi sensitif dengan memasukkan selepas perkataan, “pengataan perlakuan apa-apa kesalahan olehnya” perkataan “data biometrik” dengan menjadikan data biometrik sebagai data peribadi sensitif. Pengawal data perlu mendapatkan persetujuan yang nyata daripada subjek data sebelum data peribadinya diproses.

Keduanya, “data biometrik” yang dimaksudkan adalah data peribadi yang terhasil daripada pemprosesan teknikal yang berhubungan dengan ciri-ciri fizikal, fisiologi atau tingkah laku seseorang itu.

Ketiganya dengan memasukkan selepas takrif “pegawai yang diberi kuasa” takrif yang berikut, “pelanggaran data peribadi, ertinya apa-apa pelanggaran data peribadi, kehilangan data peribadi, salah guna data peribadi ataupun akses tanpa kebenaran data peribadi”.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 709 meliputi:

- (i) perenggan 5(a) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang pemproses data hendaklah mematuhi Prinsip Keselamatan di bawah seksyen 9 Akta 709;
- (ii) perenggan 5(b) bertujuan untuk menaikkan kadar hukuman bagi kesalahan yang dilakukan oleh pengawal data atau pemproses data yang melanggar Prinsip Pelindungan Data Peribadi masing-masing di bawah subseksyen 5(1) dan 5(1A) Akta 709; dan
- (iii) melalui pindaan ini, pemproses data adalah turut bertanggungjawab untuk mematuhi Prinsip Keselamatan di bawah seksyen 9 akta yang sama.

Peruntukan sedia ada di dalam Akta 709 tiada sebarang tanggungjawab dikenakan terhadap pemproses data jika berlaku sebarang pelanggaran di bawah Akta 709. Justeru itu, tiada sebarang tindakan, hukuman boleh diambil terhadap pemproses data tersebut.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, fasal 4 juga mencadangkan pindaan dibuat dengan menaikkan kadar hukuman sedia ada bagi sebarang pelanggaran Prinsip Perlindungan Data Peribadi. Peruntukan sedia ada memperuntukkan hukuman denda sehingga RM300,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun ataupun kedua-duanya.

Pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, akan meningkatkan hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun ataupun kedua-duanya. Kadar denda sedia ada di dalam Akta 709 adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara luar di mana negara-negara tersebut telah pun menetapkan denda berdasarkan kepada peratusan keuntungan organisasi. Justeru pindaan peningkatan kadar denda ini adalah sangat penting untuk mengurangkan insiden pelanggaran data di samping memberikan mesej yang jelas kepada semua pihak yang terlibat mengenai komitmen kerajaan dalam hal perkara melindungi data peribadi.

Penentuan peruntukan denda sehingga RM1 juta Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berasaskan kepada nilai yang diperuntukkan dalam akta-akta yang lain, seperti akta negara-negara lain seperti Akta Perikanan Tahun 1985 [*Akta 317*], Akta Kawalan Pertukaran Wang Tahun 1953 [*Akta 17*] dan Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia Tahun 2017 [*Akta 788*].

Fasal 6 Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk memasukkan Penggal baharu 1A, akauntabiliti data peribadi di dalam Akta 709 yang terdiri daripada seksyen baharu 12A dan 12B. Pindaan ini akan memasukkan dua peruntukan baharu iaitu seksyen baharu 12A yang dicadangkan bertujuan untuk mengehendaki Pengawal Data untuk melantik seorang atau lebih Pegawai Perlindungan Data ataupun, dengan izin, *Data Protection Officers*.

Pegawai Pelindung Data adalah bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan terhadap Akta 709 oleh Pengawal Data dan pemproses data, sekiranya pemproses data peribadi dijalankan bagi pihak Pengawal Data.

Pelantikan DPO ini adalah dilihat sebagai satu keperluan secara perundangan kerana ianya merupakan satu mekanisme atau kaedah amalan terbaik yang diamalkan di peringkat antarabangsa bagi memastikan organisasi atau syarikat memenuhi tanggungjawab pematuhan kepada akta. Melalui pelantikan DPO oleh Pengawal Data dan pemproses data, perkara pengurusan data peribadi akan dapat dipantau secara berterusan selaras dengan peruntukan di bawah Akta 709 dalam memastikan keselamatan data peribadi yang diproses di samping mendapat mengurangkan insiden penyalahgunaan data peribadi yang semakin berleluasa.

DPO ini boleh dilantik dalam kalangan pekerja sedia ada atau menggunakan perkhidmatan penyumberluaran dengan mengambil kira kualiti profesional serta pengetahuan dalam perundangan dan amalan terbaik dalam aspek perlindungan data. Antara peranan

DPO yang dihasratkan adalah menjalankan penilai impak perlindungan data ataupun data *protection impact assessment* supaya risiko kebocoran data peribadi boleh dikenal pasti dan tindakan pencegahan akan dapat diambil.

Keduanya, seksyen baharu 12B yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara yang berhubungan dengan pemberitahuan pelanggaran data. Seksyen baharu ini akan mewajibkan Pengawal Data untuk memberitahu Pesuruhjaya dengan secepat yang dapat dilaksanakan mengikut cara dan dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Pesuruhjaya. Ketidakpatuhan terhadap pemberitahuan mengenai insiden pelanggaran data peribadi ini adalah merupakan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM250,000 ataupun penjara tidak melebihi dua tahun ataupun kedua-duanya.

Kewajiban pemberitahuan pelanggaran data peribadi merupakan salah satu strategi bagi mengurangkan dan mencegah risiko kebocoran data. Mekanisme ini telah pun dilaksanakan dalam perundangan di peringkat antarabangsa dan ianya telah berjaya meningkatkan tahap kawal selia perlindungan data peribadi.

Fasal 8 Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk meminda seksyen 21 [Akta 709] untuk membolehkan Pesuruhjaya menamakan bukan sahaja satu badan, tetapi juga seorang Pengawal Data sebagai forum Pengawal Data berkenaan dengan golongan Pengawal Data yang khusus.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 43A ke dalam Akta 709 untuk mengadakan peruntukan bagi memudahkan data kepada subjek data tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan juga keserasian format data.

Hak baharu subjek data ini akan membolehkan subjek data memohon supaya data peribadi ini dipindahkan daripada satu Pengawal Data kepada Pengawal Data yang lain agar pengulangan pemberian data peribadi yang sama adalah tidak diperlukan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 67 Akta 709 untuk memperuntukkan bahawa tatacara untuk membuka dan menyelenggarakan mana-mana akaun bank hendaklah dikendalikan mengikut cara yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya.

Peruntukan seksyen 67 Akta 709 sedia ada hanya membenarkan pengendalian akaun Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi dengan cara menggunakan cek sahaja dan pindaan ini akan memberi kuasa kepada Pesuruhjaya untuk menentukan cara pengendalian akaun selain daripada penggunaan cek.

■1450

Fasal 12 Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk meminda seksyen 129 [Akta 709] untuk memperuntukkan bahawa seseorang pengawal data boleh memindahkan mana-mana data peribadi subjek data ke mana-mana tempat di luar Malaysia jika di tempat itu ada berkuat kuasa mana-mana undang-undang yang sebahagian besarnya serupa dengan Akta 709 atau

tempat itu memastikan satu tahap perlindungan yang mencukupi berhubung dengan pemprosesan data peribadi yang sekurang-kurangnya setara dengan tahap perlindungan yang diberikan oleh Akta 709.

Pada masa ini, seksyen 129, Akta 709 menghendaki bahawa data peribadi hanya boleh dipindahkan ke satu tempat di luar Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan yang disiarkan dalam warta. Selain daripada pemberitahuan yang disiarkan dalam warta, subseksyen 129(2) dan 129(3), Akta 709 sedia ada merupakan mekanisme kawalan yang memperuntukkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pengawal data untuk memindah ataupun pemindahan data peribadi ke luar negara.

Pihak kerajaan akan meniadakan mekanisme pengawasan yang berkesan terhadap pemindahan data peribadi keluar dari Malaysia dan pemeriksaan secara berkala akan turut dijalankan melalui kuasa yang diperuntukkan kepada Pesuruhjaya di bawah akta yang sama. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kegagalan pengawal data untuk mematuhi peruntukan subseksyen 129(2) dan (3) ini akan menyebabkan pengawal data boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun ataupun kedua-duanya.

Fasal 13 Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk meminda seksyen 136, Akta 709 untuk mengadakan peruntukan bagi menyampai atau penyampaian satu notis atau apa-apa dokumen lain kepada mana-mana orang, dilaksanakan melalui cara elektronik di bawah Akta 709. Peruntukan seksyen 136, [Akta 709] sedia ada hanya boleh membenarkan atau hanya membenarkan penyampaian notis atau dokumen dari Pesuruhjaya melalui serahan tangan, meninggalkan notis atau dokumen dalam sampul di alamat terakhir kediaman ataupun tempat penajaan. Serahan ini perlu dibuat secara surat berdaftar akuan terima.

Fasal 14 memperkatakan peruntukan pengecualian dan pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus adalah merupakan pindaan kecil ataupun berbangkit. Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman Dewan yang mulia ini, sejumlah 25 Ahli Yang Berhormat telah membahaskan isu-isu yang berkaitan rang undang-undang ini semasa ianya dibentangkan di peringkat Dewan Negara pada 16 Julai yang lalu. Terdapat pelbagai pandangan dan cadangan yang telah pun dikemukakan semasa sesi perbahasan tersebut dan perkara ini sekali gus membuktikan bahawa pindaan Akta 709 adalah tepat pada masanya dalam mewujudkan ekosistem perniagaan dan juga ekonomi digital yang selamat dan juga dipercayai.

Kesemua pindaan dalam rang undang-undang ini juga adalah bertepatan dengan usaha kerajaan dalam perkara mengekang insiden ketirisan data peribadi yang semakin berleluasa, di samping memastikan ianya adalah seiring dengan perkembangan teknologi dan perundangan perlindungan data peribadi di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan pindaan akta ini, keyakinan rakyat terhadap Kerajaan Malaysia dalam hal perkara usaha memantapkan jaminan keselamatan maklumat peribadi dapat dipertingkatkan. Melalui pindaan ini, saya percaya kita dapat menarik pelaburan asing, meningkatkan daya saing dan menyokong pertumbuhan perniagaan dan ekonomi digital ke arah status negara berpendapatan tinggi. Dalam keadaan demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ada siapa-siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak anak Kumbong]: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 21 orang Ahli yang hendak berbahas. Yang Berhormat Menteri, *just now on the 16th of July is this Dewan or Dewan Rakyat...?*

Tuan Gobind Singh Deo: Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, Dewan Rakyat. *I thought I heard you said Dewan Negara.*

Tuan Gobind Singh Deo: Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Rakyat, *corrected* ya?

Tuan Gobind Singh Deo: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Maka, saya membuat ketetapan 5 minit seorang sahaja, boleh? Maka, dipersilakan yang pertama, YB. Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

2.55 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, di atas ruang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang bertujuan meminda Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] untuk menambah baik peruntukan berkaitan pemprosesan data peribadi supaya selaras dengan standard dan amalan antarabangsa.

Sebagaimana yang dilaporkan pada Pusat Bantuan Siber 999, pada tahun 2023 sebanyak 646 insiden kes kecurian data di Malaysia. Ia menunjukkan peningkatan membimbangkan apabila melonjak ketara dari hanya 50 kes pada 2022 dan 91 kes pada 2021.

Berdasarkan statistik *CyberSecurity Malaysia* (CSM), pelanggaran data adalah insiden keselamatan siber kedua tertinggi yang dilaporkan daripada keseluruhan 5,917 kes pada 2023 selepas jenayah penipuan yang mencatatkan 3,705 kes.

Dato' Yang di-Pertua, situasi yang membimbangkan ini lebih-lebih lagi dengan teknologi yang bergerak pantas seperti AI akan mendedahkan pemilik data atau rakyat menjadi mangsa kepada jenayah siber jika tidak ditangani dengan segera. Trend ini dijangka berterusan jika tiada langkah segera diambil berdasarkan trend semasa.

Malah, insiden demi insiden ketirisan data peribadi seperti yang berlaku di laman sesawang Misi Rakyat tahun lepas turut menekankan peri pentingnya peraturan dan mekanisme penguatkuasaan yang lebih jelas tentang bagaimana data peribadi dikumpulkan, diurus dan diguna pakai oleh para Pengawal Data dalam pada usaha kerajaan mengimbangi antara keperluan melindungi keselamatan siber dan hak privasi peribadi. Usaha melindungi data peribadi memerlukan kerjasama daripada semua pihak, termasuk kerajaan, pihak swasta dan orang ramai ataupun pemilik data peribadi. Tahniah kepada kerajaan yang dapat membawa RUU ini demi menjaga kepentingan rakyat.

Dato' Yang di-Pertua, dengan pindaan akta ini kita mengharapkan keselamatan maklumat peribadi rakyat Malaysia terjaga dengan lebih baik. Justeru, apakah pendekatan kerajaan, terutama dalam menangani isu pelanggaran data membabitkan ketirisan jumlah data peribadi yang besar sehingga berpotensi merumitkan aktiviti pemakluman serta pemulihan di sebalik ancaman keselamatan siber yang semakin berleluasa dengan penggunaan AI?

Apakah strategi khusus yang dirangka untuk melindungi data peribadi mengikut jenis pelanggaran data yang dikenal pasti? Contohnya, kaedah maklumat pengenalan peribadi (PII) yang membabitkan maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon yang diperoleh daripada laman sesawang yang dicerobohi dan dijual secara terbuka dalam forum jenayah siber dan kaedah pengenalan e-mel membabitkan nama pengguna dan kata laluan bagi akaun e-mel.

Dato' Yang di-Pertua, bagi mengukuhkan kebertanggungjawaban pengawal data dalam aspek tadbir urus, khususnya pengumpulan dan pengurusan maklumat peribadi, bagaimana kerajaan memastikan supaya data peribadi individu tidak disimpan lebih lama dari tempoh yang diperlukan dan dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika tidak lagi diproses berikutan risiko ancaman siber yang boleh mendedahkan organisasi dan individu menjadi sasaran jika tiada tahap kesedaran yang sewajarnya.

Melalui pindaan seksyen 4 untuk memasukkan takrif baharu data biometrik dan pelanggaran data peribadi, adakah kerajaan juga akan mempertimbangkan langkah kawalan keselamatan tambahan bagi data dalam pergerakan atau *data in motion* iaitu data yang

sedang dipindahkan serta data dalam penggunaan- *data in use* yang sering terdedah kepada ancaman, bergantung kepada medium capaian dan maklumat penggunaanya?

Misalnya, penggunaan enkripsi data atau maklumat untuk membantu melindungi data supaya ia tidak dapat dibaca tanpa kunci enkripsi yang betul, di samping perisian keselamatan terkini dalam mengurangkan risiko ketirisan data.

■1500

Sejauh manakah kajian juga telah dijalankan terhadap konsep kedutaan data ataupun *data embassy* terutama daripada segi menjamin kedaulatan data di sebalik usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat pemprosesan data?

Dato' Yang di-Pertua, sedikit lagi. Kualiti dan integriti data adalah asas penting kepada keselamatan siber berkesan. Oleh itu, penekanan kepada pemeliharaan kualiti dan integriti data untuk memastikan keselamatan siber berkesan adalah amat penting. Tanpa integriti, pihak yang sepatutnya melindungi data mungkin menjadi ancaman itu sendiri.

Bagi melindungi data dan sistem daripada ancaman siber, beberapa langkah perlindungan perlu diambil iaitu memberikan pendidikan dan kesedaran kepada pengguna ataupun pemilik data. Kurangnya kesedaran awam akan kepentingan untuk menjaga data peribadi dan kurangnya pengetahuan mengenai keselamatan siber adalah antara punca utama pelanggaran penggunaan data. Oleh itu, saya ingin bertanya, apakah bentuk-bentuk program ataupun inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kesedaran kepada rakyat?

Sekian ucapan saya. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad.

3.01 ptg

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani. Dato' Presiden *Senate*, terima kasih kerana membenarkan saya juga terlibat untuk membahaskan RUU ADP 2010 ini, data peribadi.

Dato' Yang di-Pertua, kalau kita sebut data peribadi ini, ianya terbahagi- kalau definisinya, terbahagi kepada dua Data peribadi diri sendiri- nama, alamat, kad pengenalan, gaji dan sebagainya... [*Dicelah*] Isteri. Kalau data ini data sensitif, data Laporan Kesihatan, Laporan Polis dan sebagainya. Ini ada dua pembahagian data.

Rang undang-undang ini ialah untuk memperkasakan undang-undang bagi menghalang mereka-mereka yang terlibat daripada aktiviti-aktiviti jahat ini. Saya menyebut ini jahat kerana data peribadi ini sering dicuri, dijual dan akhirnya yang merana ialah rakyat yang buta kepada digital dalam negara kita.

Pindaan Rang Undang-undang Data Peribadi 2024 ini juga bagi memastikan standard undang-undang data peribadi negara kita ini sama taraf di peringkat global, menunjukkan

kalau kita berada dalam sistem ini, dalam undang-undang yang hebat ini- saya bersetuju seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi- *insya-Allah*, ketirisan pelaburan percaya kepada negara kita kerana tidak ada penipuan-penipuan yang berlaku, *scammer* dan *scam* di negara kita yang berleluasa buat waktu ini.

Dato' Yang di-Pertua, pelantikan pegawai perlindungan ini mesti ditapis, disiasat untuk melahirkan seorang pegawai yang ada integriti dan kompetan dan ada sikap jujur dan amanah kepada pegawai perlindungan data ini yang bakal dilantik oleh organisasi yang mengawal data dengan penuh disiplin dan beramanah.

Tugas pegawai perlindungan data. Yang pertama, dia mesti melaporkan segala berita yang diterima, laporan yang diterima kepada pihak autoriti. Seorang pegawai ini juga, Yang Berhormat Menteri dan Dato' Presiden *Senate*, mesti pantas dan tegas, tidak boleh menunggu lama-lama sehingga berlaku yang sekarang kita lihat ada kejadian-kejadian satu hari, dua hari masih belum ada laporan kepada pihak autoriti. Sekiranya- memang undang-undang kalau pegawai penjaga data ini tidak melaporkan, beliau juga boleh didenda sebanyak RM250,000. Kita bersetuju.

Kecurian data yang dilaporkan dalam negara kita mulai tahun 2021, 91 kes; 2022, 50 kes; 2023, 686 kes. Ini semua data peribadi yang saya sebut definisi data peribadi tadi bergantung kepada individu, bukan data-data yang sensitif.

Tuan Pele Peter Tinggom: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, mohon mencelah.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Boleh, kalau Dato' Presiden *Senate* bagi masa. *No problem.*

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey, Dato' Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tambah 1 minit untuk dia, kalau dia bagi mencelah.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey, terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat Senator ada maklumkan tadi definisi data ada yang peribadi. Jadi, Yang Berhormat Senator, adakah pindaan kepada PDPA 2010 ini merangkumi pindaan fasal-fasal yang khusus untuk privasi itu tadi, berkenaan dengan peribadi itu tadi bagi melindungi maklumat peribadi? Kerana, seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, PDPA 2010 ini hanya mengawal selia pemprosesan data peribadi berkenaan dengan transaksi komersial dan menyediakan asas untuk perlindungan data termasuk persetujuan, had tujuan dan keselamatan data. Itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Terima kasih sahabat atas pertanyaan ini. Jadi, saya amat yakin, Yang Berhormat Menteri ada di sini, tentulah Yang Berhormat Menteri akan ambil

nota ini dan dalam penggulungan nanti Yang Berhormat Menteri akan jawab. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Pele Peter tadi. Terima kasih.

Dato' Presiden, aktiviti-aktiviti kecurian data ini yang melibatkan kerugian kepada individu, organisasi lebih kurang RM1.218 bilion. Dan tipu-tipu ini pula boleh diklasifikasikan kepada empat kategori. Tipu dalam talian, hampir RM35,000. Tipu penyamaran, tipu panggilan telefon, tipu SMS.

Kesan kebocoran data peribadi amat terkesan kepada mereka yang masih mentah dalam dunia digital. Hari ini, tidak menjadi rahsia lagi, tiba-tiba *scam* menyamar, telefon daripada JPJ, telefon daripada LHDN, telefon daripada PDRM, telefon daripada insurans, telefon daripada syarikat penghantaran. Pelbagai kaedah orang yang hendak menipu ini. Penipu ini pula orang-orang yang cerdas. Mereka bukan terlibat daripada orang-orang yang bodoh. Untuk menipu- kadang-kadang, yang kena tipu itu bukan sembarangan. Ada orang yang cerdas, tetapi masih lagi boleh ditipu oleh *scammer* ini.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Dato' Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit? Boleh mencelah, YB?

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Bergantung kepada Dato' Presiden. Kalau dia kata okey, saya ikut.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tambah satu minit lagilah, jadi tujuh minit.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Sekejap, sekejap. Di banyak taman-taman perumahan sekarang dikendalikan oleh pengawal keselamatan dan antara ramainya ialah warga asing. Jika kita hendak masuk ke taman, kita kena bagi kita punya IC atau *scan driving license*. Kemudian, dia orang mengimbas dokumen itu. Apakah jaminan yang kami ada yang tidak dibocorkan butir-butir peribadi kami kepada *scammer* atau mana-mana *irresponsible elements*?

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Dato' Presiden, terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya tadi. Kalau saya punlah, kalau saya masuk dalam kawasan estet, saya balik ke kawasan *gated*, memang perlu ada satu undang-undang benar atau tidak boleh dibenarkan Pengawal Keselamatan itu mengambil IC kita. Kalau setakat dia baca, okey, tetapi dia ambil gambar, dia simpan. Apakah Pengawal Keselamatan itu bersikap adil dan jujur? Kalau tidak adil, dia jual maklumat kita itu, maklumat peribadi kita itu. Kita minta Yang Berhormat Menteri, bagaimana untuk menyelesaikan masalah yang sering berlaku dalam kawasan *gated* dan sebagainya yang boleh dicuri dan dijual maklumat kita tersebut?

Dato' Presiden, *scam* melalui media sosial dan iklan banyak sekali berlaku. Hatta, hujung-hujung ini ibadah korban pun ditipu, di-*scam*. Ibadah, baju raya, pekerjaan, badal haji, umrah.

■1510

Saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tahu bagaimana jemaah haji, umrah kita yang baru ini tersadai di tanah suci tak boleh mengerjakan haji kerana *scammer* menipu mereka. Kononnya untuk membuat umrah yang murah, haji yang murah, terpesona dengan iklan-iklan, panggilan-panggilan telefon seperti itu. Pergi dengan RM10,000, akhirnya bila sampai ke tanah suci, mereka tidak boleh membuat ibadah. Tersadai di sana. Akhirnya terpaksa PMX menggunakan sebagai... [*Tidak jelas*] Untuk menyelamatkan mereka di sana.

Ini juga saya hendak mintalah Yang Berhormat Menteri komprehensifkan undang-undang ini bersama dengan MOTAC. Kita kalau tengok iklan, macam-macam iklan ada. Badal haji, umrah murah-murah ini semua. Siapa yang benarkan mereka meletakkan iklan-iklan seperti ini? Akhirnya, jemaah kita tertipu. Ratusan juta yang tersadai, duit habis, ibadah haji tidak boleh dibuat, akhirnya pulang ke negara dalam keadaan malu.

Tawaran kerja yang tak salah saya masih lagi di luar negara, kurang lebih 133 orang rakyat kita yang masih tersadai di negara luar umpamanya di *Cambodia*, di Laos yang masih belum... [*Dicelah*] Myanmar yang belum selesai untuk balik ke negara kerana puncanya ialah penipuan-penipuan pekerjaan melalui telefon dan sebagainya.

Kutip derma, *scammer* juga. Kutip derma hendak buat maahad tahfiz. Kutip derma hendak buat sekolah pondok. Macam-macam dipergunakan anak-anak kita. Kutip derma di kaki-kaki lima. Yang ini juga kita minta ada undang-undanglah, tegaslah kalau kita betul-betul untuk membersihkan *scammer* dan *scam* ini yang masih lagi menjalan aktiviti-aktiviti yang tak sihat. Aktiviti ini aktiviti bukan nakal Tuan Yang di-Pertua, aktiviti ini adalah aktiviti jahat, sangat jahat, *criminal*.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu serius. Serius betul-betul. Jangan bila sudah kita kena *scammer* 30- orang kampung saya kena RM30,000, RM40,000, *pi* repot, repot lagi, tak selesai. Akhirnya, enam tujuh bulan belum tentu duit itu dapat semula. Takkanlah bank tak tahu? Yang bagi laporan, yang bagi kepada kita Tuan Yang di-Pertua, maklumat ini siapa yang bagi? Mesti ada orang dalam. Mana mungkin orang tiba-tiba orang itu telefon, dia tidak ada maklumat. Tiba-tiba telefon, "*Hello, Encik Azhar Ahmad kah? Bagi nombor pin yang terakhir*", tetapi kalau saya, saya terus *off*-kan telefon, tetapi dia gempak. "Saya ini daripada Hasil Dalam Negeri, begitu, begini, begini." Akhirnya orang terpesona, masuk duit RM30,000 dalam akaun yang diberi itu. Takkanlah bank bila *pi* lapor tak serta-merta kan *off*-kan, batalkan ataupun tutupkan akaun tersebut? Jadi, boleh tangkaplah yang mana yang penerima wang daripada yang dimasukkan ke dalam akaun tersebut. Kena seriuslah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Jadi, saya hendak habis sudah. Hendak habis sudah. Tuan Yang di-Pertua, untuk negara yang hebat, negara yang dihormati di dunia, negara yang ada integriti, negara yang ada kompeten mesti tak ada unsur-unsur *scammer* yang seperti ini

yang dilihat oleh leceh negara kita. Kadang-kadang *scammer love* pula, yang *love* kita orang-orang kita ini bukan orang macam kita, orang daripada- minta maaf sebut, jangan marah. Orang-orang yang kulit macam saya, bukan *handsome* sangat pun, tetapi dia boleh tipu anak-anak gadis kita. Hatta baru ini disebut, seorang pilot, anak gadis kita yang jadi boleh ditipu *scammer* sampai RM700,000. Kalau *handsome* macam kita tak apa. Yang kadang dia tak *handsome* pun. Rambut kerinting, hitam dan macam-macam, tetapi boleh ditipu. Minta maaf kalau saya salah.

Jadi, Perdana Menteri kita, PM kita hebat, TPM kita hebat. Semua kita hebat. Untuk menjadi hebat bukan sekadar hebat. Untuk menjadi hebat mesti ada *wisdom*, mesti ada kebijaksanaan untuk menguruskan sebuah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, nakhoda yang baik bukanlah mereka yang pandai menakhodai kapal itu, tetapi nakhoda yang baik, beliau tahu apa itu rahsia laut. Terima kasih, saya mohon menyokong... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

3.14 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Membaca sepotong doa] Pembuka mukadimah perbahasan Usul, saya menyokong Usul ini sebab semalam ada macam khilaf saja.

Tuan Yang di-Pertua... [Dicelah] Tak apa, tak apa. Itu cerita sahaja. Kita bicara isu ini, isu dunia tanpa sempadan ini 20 tahun lebih dulu. Macam itu masa itu kita bicara tentang satu gambaran bahawa akan datang ini begini hebatnya, akan lagi hebat, akan lagi hebat, tetapi rupanya bergandingan dengan kehebatan teknologi, kita berdepan dengan ancaman yang juga tak kurang hebatnya. Makin lama makin teruk, makin dahsyat sehinggakan sekarang ini kita melihat bahawa bencana kepada teknologi yang hebat ini juga tanpa sempadan dan sekarang semacam tanpa upaya dibendung.

Sebab itu saya sebutkan tadi, hasrat rang undang-undang, RUU ini yang berhasrat untuk memperkasakan perlindungan data peribadi dan juga data-data yang lain yang khususnya yang dipunyai oleh kerajaan dan lain-lain ini harus diberikan dukungan dan sokongan yang padu *insya-Allah*, demi keselamatan rakyat mahupun kerajaan pada masa yang akan datang. Saya menyebutkan sepintas sebahagian daripada perkara-perkara yang juga disebut, insiden-insiden yang disebut oleh sahabat-sahabat Yang Berhormat sebentar tadi. Saya merujuk juga sedikit daripada data ataupun maklumat terkini, trend terkini jenayah komersial yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan jumlah kes komersial sepanjang tahun 2024 sehingga 28 April lalu menurun sebanyak 10,105 kes, menurun berbanding tempoh yang sama tahun lalu, 10,931 kes. Namun, jumlah kerugian bukan menurun. Walau jumlah kes menurun, jumlah kerugiannya menaik dengan peningkatan sebanyak 62.1 peratus kepada 866.2 juta berbanding jumlah kerugian untuk tempoh yang sama tahun lalu iaitu 534.3 juta.

Jumlah 10,105 kes direkodkan pada tahun ini adalah bersamaan dengan purata 85 kes satu hari, 85 kes satu hari berdasarkan kenyataan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman di Kuala Lumpur. Sebanyak 199,552 akaun bank dikenal pasti oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial digunakan sindiket penipuan untuk melakukan pemindahan wang mangsa-mangsa yang ditipu.

Namun, yang ini juga saya sedikit mendapat penjelasan daripada yang Menteri, sejauh mana kesedaran terhadap penggunaan portal ini disebarluaskan ke khalayak ramai khususnya golongan-golongan yang tak berapa celik IT terutama sekali juga di pedalaman dan mereka yang jauh daripada maklumat teknologi yang sedang berkembang dan membawa banyak- unsur positifnya banyak, tetapi unsur negatifnya sangat mengancam. Taktik *scammer* yang banyak. Taktik yang baru, taktik yang mengaitkan dengan Kementerian Komunikasi sendiri, kononnya ini adalah daripada Kementerian Komunikasi. Pusat Respons Scam Kebangsaan atau NSCR telah menerima sebanyak 37,002 panggilan mangsa *scam* penipuan dengan jumlah kerugian yang dilaporkan sebanyak RM203.33 juta sehingga Mei 2024.

Saya tengok masa sudah hendak habis. Saya hendak sebut satu lagi, sebut yang lain nanti saya akan tak sempat saya hendak sebut ini. Baru ini saya sebut pada satu sesi berhubung dengan isu *scammer* ini Yang Berhormat Menteri. *Scammer* bukan sahaja hendak kutip duit. *Scammer* bukan sahaja hendak *transfer* duit, tetapi yang berat juga *scammer* untuk- saya tak faham. Mungkin *scammer* ini untuk hendak sabotaj sesuatu organisasi. Bila saya *check* dalam laporan trend terkini Polis ini, rupanya ada satu juga pinjaman tak wujud.

■1520

Saya ada satu- *yes*, *scam* juga. Satu-satu- saya ada satu NGO, dia keluarkannya muka pengerusi NGO itu dengan diubah wajahnya sikit saja ubah, memang orang *confirm* kenal. Ditukarnya alamat sikit saja, nombor alamat itu yang ditukar. Ditukarnya juga nombor IC, satu angka saja ditukar dan pengerusi ini mengisytiharkan organisasi ini membuat pinjaman duit bayar balik tanpa tempoh, tanpa untung.

NGO, NGO mana yang banyak duit sangat ini, tetapi kita dah buat *report*, pihak NGO ini dah pergi buat *report* dengan- semalam saya sebut, tapi saya ulang sekali lagi langsung kepada Menteri. Buat *report* kepada Polis- Polis kata dah terlalu banyak kes macam ini. Pergi buat *report* kepada MCMC, MCMC kata kami pun tak boleh nak buat apa dah ini, banyak

sangat macam ini. Masalahnya sekarang bimbang pula nanti NGO itu merasa entah suatu hari, sebab sekarang ini banyak yang datang panggil sebab nombor telefon dia bagi nombor telefon NGO.

Panggil beritahu kita sudah diminta kenapa sekarang ini tak berlaku macam ini, macam ini? Ini penipuan, kemungkinan akan ada suatu *whistleblower* kes pula nanti yang mengatakan ini NGO sedang buat penipuan untuk buat pinjaman tapi macam kita tak tahu apa benda tujuan yang dibuat macam itu. Ini *scammer* apa ini panggil ini? Ini *scammer* apa ini? *Scammer* sabotaj kah, *scammer* apa?

Saya tak tahu dia dapat untung atau tidak tetapi yang NGO ini memang jadi sangat resah. Banyak kes-kes yang lain yang sedang semuanya kita hadapi, tetapi saya mohon minta Yang Berhormat Menteri tolong penjelasan, membuat pencerahan sikit berhubung dengan kebenaran membawa data peribadi keluar Malaysia, itu tolong buat sikit penjelasan.

Kedua, apa langkah yang paling strategik yang kita tengok macam satu kegelisahan yang amat sangat, berlaku *scammer* di sana sini. Kita sendiri dah terima macam-macam kes, *scammer* kad kahwin la, *scammer* macam-macam ini, sebenarnya apa *move* yang kerajaan nampak boleh buat dalam tempoh segera bagi menyelesaikan? Sekarang ini saya fikir dah jadi bencana *scammer* dalam negara mahupun dunia. Terima kasih, saya menyokong RUU ini. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Noorita Sual.

3.22 ptg.

Puan Noorita binti Sual: Salam hormat dan terima kasih Dato' Speaker. Salam sejahtera kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian.

Saya menyambut baik rang undang-undang ini dengan tujuan untuk mengemas kini dan memperbaiki Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 agar selaras dengan perkembangan teknologi semasa dan piawaian antarabangsa. Dalam konteks dunia digital semakin berkembang pesat dengan teknologi baru serta ancaman jenayah siber yang berevolusi pantas, keperluan untuk melindungi data peribadi menjadi semakin kritikal. Tahniah juga kepada Menteri dan kementerian kerana berjaya membuat pindaan rang undang-undang ini.

Dato' Speaker, selaras dengan amalan antarabangsa yang menggunakan istilah *data controller*, penukaran "pengguna data" kepada "pengawal data" pada fasal 2 menggariskan kewajipan untuk melindungi data peribadi yang dikumpulkan, disimpan dan diproses.

Saya ingin membangkitkan persoalan setakat ini berapa banyak kah pelanggaran akta serta kes jenayah yang didakwa membabitkan penggunaan data yang membabitkan pihak bank, syarikat telekomunikasi, syarikat insurans serta syarikat-syarikat perkhidmatan seperti hotel, syarikat pos penghantaran dan sebagainya, yang diakibatkan penyalahgunaan data

oleh pemproses data atau aktiviti penjualan data sepanjang Akta PDPA 2010 dikuatkuasakan sebelum pindaan rang undang-undang ini.

Ini penting kerana rata-rata subjek data sering kali diganggu oleh panggilan telefon daripada pihak ketiga yang menawarkan berbagai-bagai-bagai perkhidmatan seperti pinjaman peribadi, perkhidmatan insurans dan juga produk-produk perbankan yang tidak diperlukan malahan menjengkelkan. Bahkan ada juga yang menjadi mangsa *scam* kerana data peribadi mereka diperoleh daripada pihak yang tidak bertanggungjawab, hasil daripada penjualan data peribadi mereka.

Dato' Speaker, fasal 3 memperkenalkan takrifan baru iaitu "data biometrik" dan "pelanggaran data peribadi. Ini sangat relevan kerana rata-rata data peribadi diperoleh serta diberikan dengan mengisi borang atas talian menggunakan medium penggunaan *gadget* teknologi seperti telefon pintar mahupun komputer riba selain daripada cara konvensional yang menggunakan pen dan borang kertas.

Penjelasan perlu diberikan sekiranya subjek data mengisi borang atas talian di mana pengawal data hanya mengakses data melalui pelayan- *server* daripada pembekal platform atau *services provider* yang merupakan pihak ketiga.

Persoalan saya, apakah data peribadi subjek data ini dipertanggungjawab sepenuhnya ke atas pemproses data sekiranya berlaku kerosakan paparan laman sesawang didapati tergendala atau *websites crash* atau serangan siber berlaku semasa data diakses sama ada oleh subjek data mahupun pengawal data? Bagaimanakah pula dengan obligasi *services provider* tersebut?

Dato' Speaker, salah satu langkah proaktif dalam pindaan ini ialah dengan memperkenalkan fasal 6 seksyen baru 12A memperuntukkan pelantikan pegawai perlindungan data oleh pengawal data dan pemproses data. Saya bersetuju dengan pindaan ini sebagai langkah untuk meningkatkan kawalan menyeluruh dan memastikan bahawa terdapat individu yang khusus mengawasi dan mengurus aspek perlindungan data yang seterusnya meningkatkan tahap pematuhan dan keselamatan data peribadi.

Oleh itu, saya mohon agar Menteri memberi penjelasan berkenaan apakah kriteria serta kewajaran pelantikan itu dibuat oleh pengawal data dan pemproses data berbanding pesuruhjaya itu sendiri dan adakah ia nya dapat memastikan integriti perlindungan data tidak dikompromikan...?

Akhir sekali fasal 6 seksyen 12B memperkenalkan kewajipan dan tanggungjawab bagi pengawal data untuk melaporkan kepada pesuruhjaya sekiranya berlaku pelanggaran data dan seterusnya memaklumkan pelanggaran tersebut kepada subjek data.

Namun persoalannya, adakah pihak Pengawal Data dipertanggungjawabkan untuk ganti rugi sekiranya berlaku insiden kehilangan wang atau poin akibat daripada pelanggaran

data yang berlaku? Contoh situasinya, apabila berlaku pelanggaran data dalam sistem platform e-dagang mahupun tempahan barang atau tiket secara *online*. Ada situasi di mana subjek data tidak membuat sebarang urusan niaga, tetapi kehilangan wang ataupun poin di dalam akaun milikannya.

Kesimpulannya Dato' Speaker, saya berpendapat rang undang-undang ini berupaya memperbaiki Akta PDPA 2010 untuk meningkatkan dan merangsang kepercayaan, mengelakkan penyalahgunaan data peribadi dan seterusnya memudahkan dan menambah baik sistem ekonomi digital. Saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

3.27 ptg.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Salam sejahtera, salam Madani. Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesempatan yang diberikan untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024. Tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalannya atas usaha untuk memperkasakan Akta Perlindungan Data Peribadi.

Pindaan kepada akta ini membawa perubahan yang sangat signifikan. Hakikatnya sejak dikuatkuasakan pada 15 November 2013 [*Akta 709*] telah memainkan peranan yang penting dalam mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial.

Namun perkembangan teknologi yang begitu pesat menuntut kita untuk sentiasa memperbaharui dan memperkukuhkan lagi perlindungan yang diberikan oleh akta ini. Statistik menunjukkan bahawa dari tahun 2016 hingga Jun 2024 terdapat lebih kurang 5,181 aduan penyalahgunaan dan pelanggaran data peribadi.

Pada tahun 2023 sahaja, sebanyak 34,479 kes penipuan dalam talian dilaporkan dengan kerugian mencecah lebih kurang RM1.2 bilion. Angka ini amat membimbangkan dan memerlukan tindakan yang segera. Pindaan ini turut juga memperkenalkan hukuman yang lebih berat pada kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan pelanggaran data peribadi. Denda dikenakan dari RM300,000 kepada RM1 juta, tempoh pemenjaraan dinaikkan dua tahun ke-tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Langkah ini mencerminkan kesungguhan kerajaan dalam menangani isu penyalahgunaan data peribadi dan memberikan isyarat yang jelas bahawa pelanggaran data tidak akan di toleransi dalam dunia yang semakin bergantung kepada data, perlindungan yang ketat amat diperlukan. Usaha untuk memperkenalkan takrif baru seperti "data biometrik" dan "pelanggaran data peribadi" serta keperluan mendapat persetujuan nyata sebelum memproses data peribadi sensitif adalah langkah yang tepat dan wajar.

Pelantikan pegawai perlindungan data dan kewajiban untuk melaporkan pelanggaran data kepada pesuruhjaya merupakan langkah penting dalam meningkatkan akauntabiliti dan ketulusan dalam pengurusan data peribadi. Ini bukan saja selaras dengan amalan terbaik global, tapi juga memastikan bahawa data peribadi rakyat Malaysia dilindungi dengan lebih berkesan.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ingin menimbulkan beberapa persoalan untuk respons pihak kerajaan. Pertama, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan termasuk pindaan tambahan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi supaya pihak bank tidak begitu senang mengeluarkan pelanggan-pelanggan daripada perlindungan akta ini.

Kedua, adakah persetujuan yang dinyatakan di atas menjejaskan atau membatalkan perlindungan kerahsiaan yang diberikan kepada pelanggan di bawah seksyen 133 Akta Perkhidmatan Kewangan- *Financial Services Act 2013* dan seksyen 97 Akta Bank dan Institusi- *Banking and Financial Institutions Act 1989*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan kepentingan pemansuhan keperluan pewartaan tempat yang dibenarkan untuk pemindahan mana-mana data peribadi ke luar Malaysia. Walau bagaimanapun, ia dapat meningkatkan perkembangan ekonomi digital, bukannya ini membuka ruang yang boleh luas kepada data peribadi dipindahkan tanpa sebarang kawalan. Apakah jaminan yang diberikan oleh pihak kerajaan bahawa pemansuhan subseksyen ini tidak akan meningkatkan risiko kepada keselamatan data peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh sedikit dengan tegas mengenai isu judi atas talian yang semakin meresahkan. Ia berkait rapat dengan perlindungan data peribadi dan secara amnya dan bagaimana data ini dijual kepada syarikat-syarikat perjudian dalam talian yang disalahgunakan untuk aktiviti haram. Saya hampir setiap individu yang saya temui, sembilan daripada 10 katakan pernah menerima mesej *WhatsApp* dan SMS daripada syarikat perjudian talian seperti *Winbox*, Atas 88 ada banyak nama. Nama-namanya canggih.

Jadi bagaimana mereka boleh memperoleh nombor telefon dan maklumat peribadi individu-individu tersebut sehingga mereka boleh melakukan pemasaran secara luas, secara terus kepada pelanggan atau individu tersebut. Ini adalah persoalan yang perlu kita jawab dengan segera. Apakah natijah judi atas talian ini kepada individu dan komuniti, keluarga dan negara.

Jika maklumat peribadi kita dijual kepada syarikat-syarikat judi seperti *Winbox* dan sebagainya, apakah langkah kerajaan dalam menangani isu ini? Kenapa pihak polis dan penguatkuasaan lain tidak mengambil sebarang tindakan yang konkrit untuk membanteras dan menghentikan syarikat judi atas talian yang merosakkan akidah masyarakat Malaysia.

Judi atas talian bukan sekadar penipuan, ia adalah bara yang mengakibatkan rakyat kehilangan berbilion Ringgit. Saya secara personal marah dengan judi talian ini sebab ada kawan saya terkesan sampai rumah dia terpaksa dijual, isteri tinggalkan dia dan sebagainya. Saya rasa ini merupakan isu yang penting. Data dia dijual kepada syarikat-syarikat perjudian besar, mereka menggunakan maklumat tersebut untuk *reach out* mangsa, senang dijadikan mangsa. Jadi saya percaya ini merupakan isu yang penting, mungkin pihak kerajaan, pihak kementerian dapat memberi tumpuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar kita mengadakan kolaborasi yang lebih erat dengan negara-negara jiran dan rakan-rakan antarabangsa dalam usaha untuk memperkukuhkan perlindungan data peribadi. Melalui perkongsian pengalaman amalan terbaik, kita dapat mempertingkatkan rangka kerja undang-undang penguatkuasaan kita agar lebih efektif dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha.

3.33 ptg.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Malaysia Madani. Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Negara yang dihormati sekalian atas ruang yang telah diberikan kepada saya untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024.

Dato' Yang di-Pertua, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*] mempunyai objektif yang jelas untuk meminda akta ini bagi tujuan mengawal selia proses data peribadi dan transisi komersial. Penggubalan pindaan ini turut merangkumi peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya. Pindaan ini dibuat dengan mengambil kira beberapa faktor perlindungan data peribadi yang perlu diteliti dan dikaji semula bagi penambahan, pembaikan, perundangan yang sedia ada. Perlindungan yang terperinci berkaitan pengurusan data peribadi berlaku berdasarkan pendekatan amalan yang baik.

Dato' Yang di-Pertua, pendekatan ini sejajar dengan perkembangan teknologi digital semasa serta perundangan perlindungan data peribadi di peringkat global juga. Perlindungan ini juga untuk memastikan pelaksanaan perundangan Akta 709 agar lebih berkesan dalam situasi politik terkini dan juga masyarakat Madani hari ini. Sekali gus memastikan ia setanding dengan perundangan, perlindungan data peribadi di peringkat global sejajar perlindungan teknologi dan ekonomi digital yang hangat diperkatakan. Kemajuan teknologi kini yang semakin pesat menjadikan keselamatan data peribadi kita yang dihimpunkan di pelbagai

sektor dan agensi ini, ancaman kepada penggodam-penggodam, penjenayah-penjenayah siber mahupun berlaku kebocoran ekor an salah laku pengawal data.

Justeru itu, saya melihat pindaan ini dibuat dengan satu langkah yang besar yang dilaksanakan oleh pihak kementerian yang komited untuk melindungi data peribadi rakyat agar tidak dijual beli dengan sewenang-wenang oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab demi mendapatkan keuntungan sementara. Ini adalah soal kepercayaan, maklumat peribadi setiap rakyat Malaysia perlu dijaga dengan baik daripada sebarang salah laku pencerobohan agar tidak menjadi mangsa *scam* dan pelbagai bentuk penipuan dan muslihat yang kini semakin berleluasa.

Dato' Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ada satu persoalan, saya harap pihak Menteri dan pihak kementerian dapat beri penjelasan. Memandang pindaan ini berkaitan komersial, saya ingin tahu atau boleh tidak kementerian menguatkuasakan satu peranan peraturan di mana pihak institusi atau agensi yang menawarkan perkhidmatan sosial, komersial tidak dibenarkan untuk menyerahkan data-data peribadi atau klien kepada pihak ketiga. Ini kerana hari ini yang menjual data ini ialah orang ketiga, akhirnya yang *effect* adalah rakyat Malaysia yang tidak mahu menjual data mereka tetapi telah dijual data kita secara tidak mendapat kelulusan daripada diri kita.

Mengikut pengalaman, apabila kita setuju dengan satu perjanjian, langganan, satu perkhidmatan komersial akan ada satu ruang kecil di borang tersebut. Ruang kecil ini ditulis dengan begitu kecil dan jarang kita baca *clause-clause* tersebut, dengan izin dan diberi penjelasan dan pilihan sama ada bersetuju atau tidak bersetuju untuk memberikan keizinan kepada agensi tersebut untuk menggunakan dan berkongsi data peribadi kita kepada pihak ketiga bagi tujuan promosi tawaran dan lain-lain komunikasi.

Boleh atau tidak pihak kementerian menegah, memberhentikan amalan ini dengan menguatkuasakan satu peraturan untuk menghentikan perkara ini? Ini kerana ramai di antara kita contoh macam kawan saya tadi bagi tahu, kawan dia sampai terlibat dalam isu ini sehingga nak bercerai-berai keluarga disebabkan data peribadi dijual dan sebagainya. Peraturan ini jika digubal secara langsung dapat membantu kita membendung data peribadi kita, data klien kita agar tidak jatuh ke tangan pihak ketiga yang mengguna untuk pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Yang di-Pertua, ada juga agensi yang menjadikan pilihan untuk setuju adalah mandatori dan satu paksaan kepada klien-klien dan ini sepatutnya tidak wajar berlaku. Sepatutnya berikan hak ini kepada pelanggan tersebut sama ada setuju atau tidak setuju. Jika kita pilih tak setuju untuk kongsi data peribadi, satu langganan ataupun perjanjian komersial itu tidak dapat diteruskan sehingga akhirnya kita sendiri terpaksa bersetuju kerana *clause* yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Inilah satu amalan yang

boleh dikatakan cuba *manipulate* pelanggan. Perkara ini perlu kita lihat kerana di samping itu di sisi lain pula kita perlu akur dengan kemajuan dan kecanggihan teknologi berkembang dan amat pesat.

Saya juga tertarik untuk bertanya, apakah persediaan pihak kementerian dalam masa terdekat ini untuk menguruskan data-data peribadi rakyat Malaysia dengan kehadiran teknologi AI di platform arus perdana. Dengan kehadiran teknologi AI ini, perkongsian data secara langsung oleh mana-mana individu untuk berkongsi maklumat peribadi di platform media sosial dalam masa keadaan akan datang menjadi lebih rumit kerana teknologi digital tidak dapat dihalang kerana tanpa sempadan tidak lama lagi.

Dato' Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ingin mengucap dan menzahirkan pujian kepada kementerian kerana telah mula mengorak langkah dan sewajarnya sebelum terlambat. Kalau terlambat lagi banyak isu penipuan akan berlaku. Jadi ini salah satu rang undang-undang yang perlu kita sokong demi kita menjaga kepentingan data peribadi kita, kepentingan rakyat Malaysia agar kerajaan dapat melindungi data peribadi rakyat Malaysia.

Saya amat berharap pihak kementerian dapat menghasilkan satu output yang baik daripada menggubal pindaan ini kerana kebocoran penyalahgunaan kuasa oleh pengawal-pengawal data ini ke atas data peribadi merupakan satu kebimbangan oleh rakyat Malaysia yang perlu kita tangani. Walau apa pun Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Datuk Razali, jangan bantah rang undang-undang ini ya... *[Ketawa]*

■1540

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak ada dalam peraturan ya... *[Ketawa]*

Yang Berhormat Tuan Musoddak Ahmad.

3.40 ptg

Tuan Musoddak bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya menyampaikan beberapa pandangan berkenaan pindaan Akta Perlindungan Data Peribadi yang saya kira sangat penting untuk diteliti dalam Dewan yang mulia ini.

Kita sering kali mendengar jenayah penipuan dan penyamaran menggunakan sistem telekomunikasi dan ia tidak pernah reda dari setahun ke setahun. Rakyat di bawah terus berdepan dengan kerugian sehingga ada yang mencecah jutaan ringgit disebabkan oleh skim-skim penipuan yang berleluasa ini. Baru-baru ini, Pegawai Bank ditipu *scammer*, RM260,000. Dalam masa yang sama, ada pegawai-pegawai bank yang songlap duit pelanggan sehingga RM2 juta. Ini yang berlaku.

Oleh sebab itu, satu persoalan yang harus kita sama-sama bangkitkan adalah sejauh mana data peribadi setiap daripada kita benar-benar dilindungi dan telah dijamin sepenuhnya keselamatan terhadap data peribadi kita? Apatah lagi sejak kita menggubal akta ini pada tahun 2010 dan kini telah genap 14 tahun ia digubal. Apakah perlindungan terhadap data peribadi semakin kukuh? Saya kira jawapannya masih kabur dan diragui.

Saya yakin dengan kehendak dan kesungguhan Kementerian dengan pindaan yang dikemukakan pada hari ini. Namun, sekali lagi persoalan yang sama berbangkit. Adakah pindaan ini akan menyumbangkan kepada perlindungan data peribadi yang mampan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui tahap literasi keselamatan data peribadi rakyat Malaysia pada hari ini. Adakah rakyat kita tahu tentang ancaman manipulasi data peribadi, keselamatan siber yang semakin mengancam serta kebocoran data peribadi yang boleh membawa kepada kerugian luar jangka? Apakah usaha-usaha *reach out* yang telah dijalankan oleh Kementerian menggunakan pelbagai sumber dan saluran bagi memastikan kesedaran rakyat terhadap isu ini dapat digembleng ke tahap yang lebih optimum?

Tuan Yang di-Pertua, isu yang melatari kepada masalah ancaman kebocoran data peribadi ini juga adalah disebabkan oleh kepesatan penggunaan teknologi AI- *Artificial Intelligence* dan sebagainya. Para penggodam dan penceroboh data peribadi ini semakin terkedepan dari sudut menyebabkan lebih ramai yang menjadi mangsa mereka. Dipihak penguatkuasaan pula, bagaimanakah keadaannya? Apakah Kementerian mempunyai insentif khusus untuk menyediakan latihan dan kursus khas kepada pihak pengawal data supaya mereka juga mempunyai maklumat yang menyeluruh terhadap ancaman pencerobohan data peribadi yang ada pada hari ini? Apatah lagi, akta ini hanya memfokuskan kepada transaksi komersial melibatkan syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pindaan peruntukkan di bawah fasal 6 iaitu seksyen 12B yang disebutkan dalam subseksyen di sini bahawa pengawal data hendaklah memberitahu pelanggaran data peribadi itu kepada subjek data mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya tanpa kelengahan yang tidak perlu. Saya ingin bertanya apakah ada satu SOP khusus mengenai pemberitahuan pelanggaran data peribadi dalam seksyen ini? Adakah Kementerian sendiri akan mengeluarkan satu garis panduan yang menyeluruh terhadap perkara ini?

Perkara terakhir yang ingin saya bangkitkan adalah fasal 9 seksyen 43A Saya mohon supaya Kementerian memberikan penjelasan lanjut terhadap maksud hak kepada kemudahalihan data ini. Bagaimanakah peruntukkan di sini boleh melindungi data peribadi seseorang daripada menjadi manipulasi pihak tertentu khususnya pengawal data peribadi?

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis Abd Aziz.

3.44 ptg.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 hari ini.

Pada hemat saya, akta ini sememangnya memerlukan pindaan segera bagi menambah baik kelompangan dalam akta sedia ada dan memastikan pelaksanaan akta ini dapat dilaksanakan lebih efektif seiring dengan perkembangan teknologi dan ekonomi digital.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada pindaan fasal 4 bagi meminda seksyen 5(a) yang memperuntukkan bahawa seseorang pemproses data yang menjalankan tugas-tugas memproses data bagi pihak Pengawal Data hendaklah mematuhi prinsip keselamatan di bawah seksyen 9 akta ini.

Isu penjualan data peribadi ini bukanlah isu baharu, tetapi sudah berlaku sejak dahulu lagi. Kegagalan kita untuk mengesan dalang penjualan data ini membuatkan mereka langsung tidak gentar dan terus mengambil kesempatan atas kelemahan ini. Akhirnya, rakyatlah yang menjadi mangsa diganggu, diperdaya oleh berbagai-bagai jenis *scammer*.

Saya ingin bertanya kepada Menteri. Apakah mekanisme yang diguna pakai oleh kementerian untuk mengesan sama ada pelaku pelanggaran prinsip keselamatan oleh pemproses data ini serta setakat ini berapa bilangan kes penyalahgunaan data peribadi yang telah didakwa dan disabitkan di mahkamah?

Selain itu, kementerian juga harus diberi perhatian mengenai syarikat-syarikat pengawal data yang memasukkan terma dan syarat untuk membolehkan mereka berkongsi data peribadi kepada pihak ketiga. Namun, terma ini tidak jelas dan sukar difahami oleh orang awam. Contohnya, apabila seseorang individu ingin membuat pinjaman dengan institusi perbankan, mereka perlu menandatangani persetujuan terhadap terma dan syarat yang begitu banyak dan panjang.

Ada juga kes di mana pegawai bank yang tidak bertanggungjawab memujuk mereka secara halus untuk menurunkan tandatangan tanpa membaca terma-terma ini. Hal ini menyebabkan tanpa mereka sedari mereka tidak lagi dilindungi di bawah akta ini kerana telah bersetuju membenarkan pihak bank mendedahkan data ini dan maklumat peribadi mereka kepada pihak ketiga. Malah, ada juga sebenarnya yang sedar namun terpaksa bersetuju kerana perlu meneruskan urusan dengan pihak bank.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar kementerian boleh mencipta sebuah mekanisme untuk menghalang mana-mana syarikat daripada mencipta terma dan syarat yang membolehkan perkongsian data peribadi kepada pihak ketiga. Kementerian juga perlu menyediakan sebuah instrumen atau platform untuk membolehkan orang awam membuat laporan dan aduan jika berlaku sebarang isu mengenai data peribadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya masih menyentuh kepada pindaan fasal 4. Merujuk kepada pindaan seksyen 5(b) untuk menaikkan kadar denda bagi kesalahan yang dilakukan oleh pegawai data atau pemproses data yang melanggar prinsip perlindungan data peribadi. Saya amat menyokong peruntukkan untuk meningkatkan hukuman denda daripada sehingga RM300,000 dan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sebelum ini kepada sehingga RM1 juta dan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Saya percaya usaha kementerian menaikkan hukuman ini menunjukkan bahawa komitmen dan kesungguhan untuk memastikan hak data peribadi rakyat dijaga dan dilindungi serta dalam masa yang sama memberi amaran kepada pegawai data untuk tidak menyalahgunakan data peribadi kepada orang awam. Kenaikan ini juga sekali gus turut menyeragamkan peruntukkan denda yang diperuntukkan dalam akta-akta yang lain.

Namun begitu, saya ingin mendapat penjelasan Menteri mengenai sejauh manakah hukuman ini turut boleh dikenakan kepada individu yang bukan seorang pemproses data atau syarikat yang mengawal data peribadi, tetapi orang yang menggodam dan menjual data milik syarikat pengawal atau data serta agensi kerajaan?

Sebagai contoh, awal tahun ini pihak PDRM telah menahan seorang lelaki yang disyaki telah menggodam dan menjual data milik sebuah agensi kerajaan di laman *sesawang-dark web* pada 25 Disember 2023 dengan harga 200 dolar bersamaan dengan RM927 untuk setiap set data dan pembayaran adalah dalam bentuk mata wang Kripto.

■1550

Kes ini disiasat di bawah Akta Jenayah Komputer 1997. Adakah kes ini boleh turut didakwa di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi memandangkan ia juga melibatkan penjualan data peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai fasal 6 untuk memasukkan seksyen baru 12A yang dicadangkan bertujuan untuk mewajibkan pegawai data untuk melantik seseorang atau Pegawai Pelindungan Data atau *Data Protection Officer* (DPO) dengan izin. DPO ini akan bertanggungjawab untuk memastikan semua pemprosesan data peribadi oleh pegawai data dan pemproses data mematuhi prinsip perlindungan data peribadi yang ditetapkan.

Saya ingin bertanya, adakah kementerian menetapkan kelayakan yang diperlukan atau dipenuhi bagi melayakkan seseorang itu dilantik sebagai DPO? Selain itu, memandangkan DPO ini adalah individu yang dilantik oleh syarikat pegawai data itu sendiri. Sejauh manakah kita dapat memastikan tidak berlaku konflik kepentingan agar pegawai data itu dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab?

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar pindaan ini bukan sahaja dapat memperbaiki kelompangan dalam akta yang sedia ada tetapi juga dapat benar-benar melindungi keselamatan data peribadi keseluruhan rakyat Malaysia. Dengan ini, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

3.51 ptg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kerana mengizinkan saya untuk menyertai perbahasan penggubalan rang undang-undang, RUU Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Tuan Gobind Singh dan pihak kerajaan atas usaha membawa pindaan ini untuk meneliti dan mengkaji semula beberapa aspek perlindungan data peribadi di bawah akta yang sedia ada. Ini bagi menambah baik perundangan sedia ada. Saya rasalah, ini sejajar dengan perkembangan teknologi digital semasa serta perundangan perlindungan data peribadi global.

Seorang Menteri *to me very* proaktif dan *very-very* intelektual ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri ya. Pindaan terhadap Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 menunjukkan kerajaan memandang serius keperluan melindungi data yang memainkan peranan penting dalam teknologi baru seperti kecerdasan buatan AI. Pindaan ini berniat memastikan tiada data digunakan tanpa persetujuan pemilik data tersebut dan untuk mengelakkan berlakunya penyalahgunaan data semasa penggunaan platform digital sedia ada dan yang bakal diwujudkan pada masa hadapan.

Saya juga menyambut baik kenaikan kadar denda daripada RM300 kepada RM1 juta bagi kesalahan yang dilakukan pengawal data atau pemprosesan data yang melanggar prinsip perlindungan data peribadi. Akbar *The Star* melaporkan bahawa Malaysia merupakan negara yang kelapan di dunia di mana data peribadi sering mengalami kebocoran. Kalau boleh seperti sahabat Senator saya Dato' Juhanis berkata ya, memang, bagus dan setimpal.

Saya rasa ini kena dinaikkan, RM1 juta ini tidak memadai, kena lebih dan hukuman penjara kena lebih juga setimpal dengan apa yang berlaku seperti sahabat sorang lagi sampai bercerai-berai, gadai rumah, ini bukan perkara yang kecil. Perkara ini boleh dirasai oleh semua lapisan rakyat Malaysia di mana tak sudah kita sering dihubungi oleh pihak *scammers* setiap hari. Peningkatan pelbagai jenayah *scam* di talian dan melalui telefon termasuklah penipuan identiti ini sememangnya boleh dikesan berpunca daripada insiden kecurian dan kebocoran data peribadi.

Dalam kita mengejar keselamatan data ini, saya juga ingin bertanya persoalan yang perlu diutamakan untuk memastikan kejayaan, niat baik pindaan RUU ini. Yang pertama, bilakah aplikasi skop Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ini akan diguna pakai ke atas pihak kerajaan? Kebocoran data boleh berlaku pada mana-mana pihak biarpun swasta ataupun awam.

Kedua, apakah sokongan yang diberikan kepada pihak usahawan daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan SMEs untuk memenuhi pematuhan akta ini.

Sekali lagi, saya nak menekankan bahawa perkara seperti ini akan membawa peningkatan *cost of compliance*, dengan izin bagi para syarikat dan usahawan Malaysia. Tambah lagi dengan *the timing*, dengan izin, di mana semua ini sedang berlaku pada masa yang sama. Inisiatif kerajaan lain juga meningkatkan kos termasuklah peningkatan kadar gaji minimum bermula dari bulan Mei 2022, peningkatan kos, pencaruman SOCSO dan EIS yang baru-baru diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, penguatkuasaan sistem e-Invois, elektronik invois yang bakal bermula Ogos depan, pemansuhan subsidi diesel yang mungkin bakal diikuti dengan pemansuhan subsidi petrol kelak serta pelaksanaan urus tadbir alam sekitar, sosial dan tadbir urus ESG melalui Garis Panduan Bursa Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara.

Saya dah berkali-kali berulang perkara ini bersamalah sahabat-sahabat YB Senator di dalam Dewan Negara ini. Sekali lagi saya nak mengingatkan bahawa PKS menggaji hampir 50 peratus pekerja di Malaysia. Beban *cost of compliance* yang mereka alami harus dikaji dengan teliti dan secara menyeluruh. *Let's not kill the goose that lays the golden eggs*, dengan izin.

Ketiga, saya ingin juga ingin memohon penjelasan sama ada *employment relation*. Sikit lagi Yang Berhormat Speaker. Terima kasih. Dengan izin- memohon sama ada *employment relation*, dengan izin, dianggap sebagai transaksi komersial di bawah seksyen 4 akta ibu dan sama ada maklumat berkaitan pekerjaan juga akan berada di bawah skop ini. Jika ya, sejauh manakah seorang pekerja boleh memohon data mereka daripada majikan? Adakah ini termasuk siasatan disiplin? Sebagai contoh, *involving other parties*, dengan izin.

Datuk Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin mengingatkan pihak kerajaan Malaysia untuk memastikan segala pindaan yang dibuat dalam akta ini akan mampu dilaksanakan dengan efektif dan efisien.

Ini penting supaya kadar jenayah, penipuan serta kes kecurian data di Malaysia berkurangan, tapi pada masa yang sama timbangkanlah impak kepada pihak swasta dengan izin, *there is no used if we have a conclusive law with poor execution*, dengan izin. Semoga selepas penggubalan ini kita akan mencapai perlindungan data peribadi yang lebih holistik selaras dengan perkembangan teknologi.

Setakat ini sahaja perbahasan saya, saya dengan ini menyokong RUU Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tuan Abun Sui.

3.58 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Salam Malaysia Madani. Salam perpaduan dan salam *segulai sejalai*. Saya sangat bertuah kerana dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang iaitu suatu akta untuk meminda Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Saban hari kita selalu mendengar bahawa banyak pihak ataupun dalam keadaan kita mengejar kemajuan dalam keadaan teknologi yang berkembang pesat hari ini, banyak orang yang menjadi mangsa kerana data kita digunakan oleh pihak yang ketiga. Jadi saya sangat masih terkesan, di mana pihak yang menggunakan data kita.

Yang selalu saya perhatikan adalah apabila data kita diberi kepada pihak yang kita memberi butir-butir terutamanya kita mengisi borang-borang di mana pun baik di dalam syarikat, baik dalam kerajaan dan ada terma yang menyatakan mereka dibenarkan untuk menggunakan data peribadi kita untuk pihak ketiga. Saya secara peribadi, saya tidak setuju perkara ini dibuat hanya kerana kita mengambil ataupun ingin mendapatkan servis perkhidmatan sesetengah pihak contohnya bank, syarikat.

■1600

Kita terpaksa menandatangani dengan bersekali dengan memberi kebenaran kepada pihak tertentu ini untuk menggunakan data peribadi kita. Saya secara peribadi memang tidak setuju perkara ini.

Justeru itu, inilah yang menyebabkan banyak perkara yang menyebabkan kita diganggu oleh pihak yang ketiga, oleh *scammer* contohnya. Jadi, saya sangat setuju dengan pindaan yang dibuat pada hari ini. Contohnya, di mana pelanggaran data peribadi yang dikatakan maksudnya adalah pihak yang mendedahkan maklumat kita kepada pihak ketiga, ini saya sangat setuju. Di mana-mana pun kita sekarang ini dalam keadaan dunia yang terbuka.

*[Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan **mempengerusikan Mesyuarat]***

Walaupun kita mengetahui, walaupun data kita diberi kepada syarikat ataupun kepada seseorang. Saya ingin mencadangkan agar pelaksanaan rang undang-undang ini agar pelaksanaan pindaan ini akan digunakan dengan lebih tegas supaya- contohnya, saya

memberi nombor kad pengenalan saya kepada Datuk Seri Hajah Zurainah, contoh. Tiba-tiba orang lain boleh tahu saya punya kad pengenalan.

Jadi, saya secara akal sehatnya, saya rasa dia membocorkan masalah- peribadi saya kepada orang lain. Jadi, ini selagi, selagi saya tidak benarkan, saya tidak membocorkan, memberikan maklumat saya kepada- contohnya kepada Tan Sri. Jadi, dia tidak boleh, tidak boleh menggunakan- tidak boleh memberikan maklumat saya kepada orang lain kerana saya tidak pernah beri. Jadi, ini cara penggunaan yang harus kita fikirkan supaya pindaan ini tidak sia-sia.

Saya membaca rang undang-undang ini adalah sangat baik dan di mana ia juga adalah bertujuan supaya selaras dengan standard antarabangsa. Jadi, untuk standard antarabangsa ini, apakah standard yang dikatakan antarabangsa? Jangan kita dalam kegelapan, kita sebut antarabangsa, apakah standard antarabangsa yang kita ingin selaras, yang kita sama ataupun mungkin lebih baik? Inilah yang saya berharap supaya kita tidak dikatakan dalam keadaan kegelapan dalam perkara begini.

Seterusnya Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan kepada pihak yang mungkin mendapat maklumat kita, janganlah kita kerana terjejas akan syarikat ataupun perkhidmatan kita, kita menyekat pula orang lain.

Jadi, apakah – sejak 2010 ini berapakah orang yang telah disabitkan bersalah ataupun yang dituduh di mahkamah akibat daripada kesalahan penggunaan data ini? Saya ingin tahu supaya adakah kita serius untuk menjaga hak data peribadi setiap rakyat Malaysia. Sekiranya ada, apakah ke hadapannya kita akan lebih tegas lagi? Saya berharap memang perlu tegas kerana data peribadi ini tidak boleh main-main sehingga menyusahkan orang seperti telah dikatakan oleh sahabat kita tadi. Justeru itu, saya sangat menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit. Seterusnya Senator Datuk Dr. Dominic Lau.

4.04 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Perlindungan Data Peribadi.

Proses kajian semula Akta PDP ini telah mengambil masa yang agak lama dan saya difahamkan bahawa kelewatan ini adalah disebabkan COVID-19 dan juga pertukaran kerajaan beberapa kali.

Dato' Yang di-Pertua, setakat suku ketiga 2023, negara kita menduduki tempat yang kelapan sebagai negara yang paling banyak mengalami kebocoran data dengan sejumlah

sebanyak 494 dan 699 akaun, lebih kurang 500,000 akaun kita dibocorkan. Kadar kebocoran data ini tidak diperbaiki, tetapi menjadi lebih serius pada tahun ini dan peningkatan ketirisan data peribadi sebanyak 41 peratus seperti yang didaftarkan oleh Yang Berhormat Menteri Digital.

Statistik tersebut amat merisaukan kerana ia bakal memberikan persepsi yang sangat negatif kepada pelabur yang ingin melabur di Malaysia terutamanya kepada industri *big data* dan juga kecerdasan awam yang sedang mengalami pertumbuhan tinggi di pasaran global.

Dato' Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan saya mengatakan sokongan dan saya juga mengalu-alukan pendekatan penguatkuasaan terutamanya pindaan kepada seksyen yang kelima yang meningkatkan hukuman denda maksimum daripada RM300,000 kepada RM1,000,000 serta hukuman penjara maksimum daripada dua tahun kepada tiga tahun. Inilah memang kita mengalu-alukan.

Peningkatan jumlah denda ini juga memperkasakan tonggak dalam konteks *carrot and stick* untuk memastikan pengawal data sentiasa mengamalkan satu amalan yang terbaik pengurusan data dan mengukuhkan keselamatan data peribadi kita. Namun begitu, saya berpendapat bahawa pindaan akta PDP kali ini masih ada banyak- kita katakan kurang memuaskan melihat bahawa proses kajian semula PDP ini di umum sejak tahun 2018 dan lebih kurang lapan tahun kajian, tetapi hasil sebegininya. *I was expect more from its amendment* dengan izin.

Dato' Yang di-Pertua, pelantikan pegawai perlindungan data ini bukan sesuatu yang baharu. Negara-negara lain seperti Singapura, Brazil, Kesatuan Eropah juga mempunyai pegawai perlindungan data yang memainkan peranan sebagai pengawal selia dan *point of communication* di antara pengawal data- subjek dengan data serta agensi kerajaan yang berkaitan dengan perlindungan data.

Pelantikan wajib pegawai perlindungan data bermakna pindaan ini adalah *on the right track*, dengan izin. Namun saya ingin membangkitkan bahawa kriteria pelantikan itu Pegawai Perlindungan Data dalam pindaan ini masih kurang jelas. Seksyen 12A(3) hanya menyatakan bahawa pegawai data itu hendaklah memberitahu suruhanjaya tentang pelantikan pegawai perlindungan data mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh pesuruhjaya.

Memandangkan bahawa peranan pegawai perlindungan data semakin beralih daripada peranan pematuhan- *compliance* kepada akauntabiliti. Pindaan ini seterusnya termasuk peruntukan atau garis panduan yang jelas bagi mengelakkan percanggahan kepentingan atau *conflict of interest*, dengan izin, dalam kalangan syarikat dengan pegawai perlindungan data yang bakal dilantiknya.

Jika seseorang itu kedudukan pengurusan dalam *management* dan dilantik sebagai pegawai perlindungan data yang akan menimbulkan persoalan tentang percanggahan

kepentingan kerana mereka juga memainkan peranan dalam pengurusan syarikat yang bertanggungjawab adalah untuk mendahului kepentingan kewangan dan ekonomi melalui langkah seperti yang meminimumkan peruntukan kewangan kepada infrastruktur keselamatan data yang bakal memudaratkan kepentingan subjek data.

Dengan ini Dato' Yang di-Pertua, memang ada banyak lagi yang I hendak bahas dekat sini, tetapi kerana masa yang tidak cukup, saya hendak buat penggulungan bahawa saya menyeru kepada kerajaan agar memandangkan serius dalam memperkasakan akta PDP itu, terutamanya daripada segi pelantikan pegawai perlindungan data memperkasakan penguatkuasaan dan mengurangkan pita merah- *the red tape* serta memupuk akauntabiliti di sektor awam mengenai pengendalian data peribadi rakyat kita.

Ambillah pengajaran daripada pelbagai kajian kes pelaksanaan dasar perlindungan data peribadi. Memetiklah daripada contoh yang terbaik dan elaklah kesilapan yang dilakukan oleh negara lain. Sekian saja. Terima kasih.

■1610

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih YB Datuk Dr. Dominic. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi Saad.

4.10 ptg.

Tuan Seruandi bin Saad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024.

Dua hari yang lalu, Menteri KDN ada menyatakan ke hadapan menguasai data akan menguasai dunia. Maknanya, betapa peri mustahaknya akta ini dipinda untuk masa depan negara. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 2 Jun 2010 dan mula dikuatkuasakan pada 15 November 2013. Ini bermakna, ia telah diguna pakai sejak lebih 10 tahun yang lalu dan amat wajar sekiranya akta ini dipinda dan ditambah baik supaya sejajar dengan perkembangan teknologi digital semasa serta perundangan perlindungan data peribadi global.

Isu kebocoran data peribadi bukanlah sesuatu yang baharu malahan boleh dikatakan peningkatan kebocoran data peribadi semakin meningkat saban tahun. Apatah lagi kesedaran mengenai perkongsian data yang selamat masih lemah dalam kalangan masyarakat sekali gus menyebabkan masih ramai yang menjadi mangsa penipuan disebabkan kebocoran maklumat.

Menurut statistik *CyberSecurity Malaysia (CSM)*, pelanggaran data adalah insiden keselamatan siber yang kedua tertinggi yang dilaporkan daripada keseluruhan 5,917 kes pada

tahun 2023. Kes kecurian data di Malaysia menunjukkan peningkatan membimbangkan apabila insiden kecurian data membabitkan organisasi dan individu yang dilaporkan pada Pusat Bantuan Cyber999 pada 2023 melonjak ketara kepada 646 insiden berbanding hanya 50 kes pada 2022 dan 91 kes pada 2021.

Ini kes yang dilaporkan. Saya percaya masih banyak lagi kes sebenar yang lebih tinggi kerana tidak dilaporkan. Ini juga dapat kita lihat dalam Laporan Penipuan Tahunan- *Gogolook 2022* yang meneliti kebocoran data sulit dalam rangkaian industri sindiket penipuan dalam talian di beberapa buah negara seperti Taiwan, Jepun, Thailand, Korea dan Malaysia.

Malaysia menduduki tangga pertama kebocoran nombor telefon bimbit dengan lebih 21 juta orang atau 73 peratus didapati nombor telefon bimbit mereka dibocorkan atau dijual kepada sindiket penipuan dalam talian. Peningkatan kes sebegini sangat membimbangkan kerana ianya menunjukkan bahawa isu kecurian data peribadi masih berlaku meskipun Akta 709 telah pun berkuat kuasa lebih sedekad.

Ini bukan sesuatu yang harus dibanggakan kerana secara relatif menunjukkan betapa kritikalnya isu kebocoran data peribadi rakyat Malaysia. Kita terdedah dengan pelbagai bahaya dan risiko kerana bukan sahaja nombor telefon didedahkan sebaliknya, maklumat sulit utama yang lain termasuklah kata laluan bagi log masuk, *username*, alamat, negara, tarikh lahir dan e-mel.

Ini boleh mengakibatkan bukan sahaja e-mel atau aplikasi mesej yang lain seperti WhatsApp digodam yang membolehkan penggodam menyamar sebagai individu sebenar malahan pencerobohan data peribadi untuk data laluan log masuk seperti bagi akaun perbankan dalam talian atau rangkaian media sosial.

Jika ditanya kepada orang sekeliling, pasti mereka pernah mengalami situasi data peribadi mereka dicuri dan menyebabkan mereka menjadi sasaran penggodam atau *scammer* menerusi panggilan telefon ataupun *WhatsApp*. Lebih membimbangkan nama, agensi ataupun jabatan kerajaan turut digunakan oleh penggodam untuk menipu dengan membuat panggilan telefon kononnya daripada Ibu Pejabat Polis, Mahkamah Persekutuan, lembaga hasil, Kastam dan sebagainya.

Mereka juga mengetahui nama penuh, alamat serta nombor kad pengenalan mangsa yang menyebabkan mangsa menyangka benar-benar dihubungi oleh pihak berkuasa dari agensi tersebut. Ini sangat membimbangkan. Bukan sedikit jumlahnya, malahan ada yang mencecah jutaan Ringgit yang menjadi mangsa juga bukanlah hanya orang biasa, ada mangsa yang merupakan pekerja profesional dan golongan bijak pandai namun masih terjerat dengan permainan *scammer* tersebut.

Malaysia telah menyaksikan berbagai-bagai kes kebocoran data penting dalam pelbagai sektor, antaranya telekomunikasi, penyiaran, perbankan, penerbangan dan

perdagangan elektronik yang telah memberi kesan buruk kepada jutaan pelanggan. Sebagai contoh, kerajaan melancarkan aplikasi dan sistem seperti MySejahtera dan PADU. Bukan sesuatu proses yang mudah untuk kerajaan mendapatkan sokongan dan kerjasama penuh daripada rakyat. Hal ini disebabkan wujud persepsi bahawa ia akan menimbulkan risiko penyalahgunaan data peribadi kepada pihak ketiga, walhal data tersebut bertujuan untuk pangkalan data sistem kerajaan.

Namun masih ramai juga rakyat Malaysia yang tidak mahu mendedahkan maklumat-maklumat yang dipohon. Oleh itu, saya amat berharap supaya aspek seperti di atas perlu disegerakan kerana kita ingin minta rakyat Malaysia untuk masa hadapan, data-data ini adalah untuk kegunaan kerajaan juga.

Saya juga ingin menyentuh tentang peruntukan baharu iaitu seksyen 12A berkaitan dengan mewajibkan pelantikan pegawai perlindungan data atau DPO *Data Protective Officer*. Secara asasnya peruntukan ini bertujuan memastikan kepatuhan syarikat atau individu yang memproses data agar mengikuti prinsip perlindungan data yang telah ditetapkan. Namun, timbul persoalan, siapakah sebenarnya pegawai perlindungan data ini? Siapakah yang melantiknya dan apakah kemahiran dan kepakaran yang diperlukan yang melayakkan mereka dilantik sebagai pegawai perlindungan tersebut.

Saya juga ingin tahu apakah statistik semasa pendakwaan di bawah Akta PDP 2010 sehingga suku pertama tahun ini dan jumlah keseluruhan denda yang telah dikenakan. Apakah liabiliti dan tanggungjawab kerajaan jika berlaku sebarang kebocoran data peribadi seseorang individu di bawah pengendalian data atau sistem kerajaan?

Dalam era digital pada masa ini, data peribadi boleh dikatakan sama penting dengan aset lain yang dimiliki namun ancaman kepada kecurian data peribadi oleh penjenayah siber adalah jauh lebih tinggi kerana ia memberikan kesan bukan hanya sekadar kebocoran maklumat tetapi juga implikasi kewangan dan juga kesan kepada kesihatan emosi dan mental seseorang.

Saya amat berharap pindaan terhadap Akta 709 ini dapat dilaksanakan dengan efektif dalam memastikan keberkesanannya berbanding akta sedia ada serta memperkukuhkan lagi perlindungan data peribadi di Malaysia. Jika kerajaan mampu memberikan komitmen terbaik dan melaksanakan dengan penuh jaya, saya yakin kepercayaan rakyat akan turut meningkat.

Kepada Menteri, tolonglah pastikan akta yang dipinda ini dapat diimplementasikan sesegera mungkin, jika tidak kes-kes penipuan akan terus meningkat dan jika dadah menjadi musuh nombor satu negara untuk masa depan, saya takut penyalahgunaan jenayah komersial pula akan menjadi musuh nombor satu negara. Sekian, dengan itu saya menyokong.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Seruandi. Seterusnya, Yang Berhormat Puan Anna Bell.

4.19 ptg.

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Dato' Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Dato' Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024.

Dato' Yang di-Pertua, antara kebimbangan rakyat pada masa kini adalah mengenai ketirisan data peribadi mereka sehingga mendatangkan mudarat bukan sahaja kehilangan pada wang ringgit tetapi menyebabkan gangguan emosi dan keselamatan mereka juga turut terjejas. Ekoran daripada itu, kerajaan begitu cakna dan memandang serius terhadap perkara ini, maka dengan ini pindaan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi terus diperkasakan selaras dengan piawaian, perubahan serta perkembangan undang-undang global.

■ 1620

Pada tahun 2023 sahaja CTOS telah mengesan lebih 335,000 data peribadi telah berada di laman web gelap daripada 58,000 orang pengguna. Maka pindaan RUU ini adalah bertepatan untuk menambah baik peruntukan yang berkaitan dengan pemprosesan data peribadi supaya selaras dengan standard dan amalan antarabangsa dengan harapan agar dapat mengurangkan ketirisan data peribadi pengguna. Persoalan saya di sini, sejauh manakah tindakan tuntas kerajaan dalam mengekang ketirisan dan kebocoran data perlindungan ini daripada perbuatan pihak atau individu yang menyalahgunakan maklumat ini?

Dato' Yang di-Pertua, berhadapan dengan kemajuan teknologi kini yang sedang hangat diperkatakan iaitu *AI- artificial intelligence*, dengan izin atau kecerdasan buatan yang antara lainnya jika disalah guna untuk mengumpulkan data, maka pihak yang tidak bertanggungjawab boleh menyalahgunakan data peribadi dengan mudah yang jika tidak mempunyai dasar privasi yang ketat.

Melihat kebejatan ini sebanyak 46.2 juta orang pengguna dilaporkan mengalami kebocoran maklumat melalui perkhidmatan telekomunikasi di negara ini pada tahun 2019. Dan jika tiada kawalan ketat maka angka ini dijangka akan bertambah seiring dengan ledakan teknologi yang tidak terkawal.

Dato' Yang di-Pertua, dalam fasal 4 seksyen 5 Akta 709 perenggan 5(a) pemproses data hendaklah mematuhi prinsip keselamatan di bawah seksyen 9 Akta 709. Pada dasarnya

ia adalah pematuhan kepada integriti pemproses data. Maka dalam hal ini adalah disyorkan mewujudkan satu sistem iaitu sistem pangkalan data yang dapat mengenal pasti dan menjejaki data-data pengguna yang dibocorkan oleh pihak ketiga. Ini bertujuan agar pemproses data untuk lebih berhati-hati untuk memproses data peribadi pengguna dengan lebih selamat.

Dato' Yang di-Pertua, berdasarkan statistik *CyberSecurity Malaysia* (CSM) sebanyak 5,917 kes pada tahun 2023 adalah pelanggaran data yang melibatkan insiden keselamatan siber kedua tertinggi. Statistik ini menunjukkan bahawa kebocoran maklumat bukan sahaja berlaku di jabatan kerajaan tetapi juga melibatkan syarikat-syarikat swasta harus dikekang dengan serius untuk menangani masalah kebocoran data yang membelenggu negara mahupun seantero dunia masa kini.

Dato' Yang di-Pertua, melindungi data peribadi secara maksima adalah penting agar kebocoran data pengguna tidak berlaku. Melalui pindaan RUU ini adalah satu usaha untuk kita melindungi data peribadi pengguna. Namun sejak akta ini diperkenalkan, adakah terdapat usaha lain yang diwujudkan iaitu satu sistem yang dapat mengesan secara terus kegiatan kebocoran maklumat atas talian dapat disekat serta-merta.

Dato' Yang di-Pertua, dalam fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 67 [*Akta 709*] untuk memperuntukkan bahawa tatacara untuk membuka dan menyenggara mana-mana akaun bank hendaklah dikendalikan mengikut cara yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya. Maka sudah tentu memerlukan seorang pengawal data dan pemproses data ditempatkan di setiap jabatan kerajaan atau swasta terutama sekali di setiap premis bank yang berfungsi mengawal kebocoran data peribadi pengguna.

Baru-baru ini kita digemparkan terdapat satu kes kehilangan wang dalam bank yang melibatkan kerugian sebanyak RM24.2 juta adalah melibatkan integriti kakitangan bank yang pada tahun ini adalah merupakan satu masalah yang sangat serius. Oleh itu masalah ini perlu dituntaskan sehingga ke akar umbi.

Dato' Yang di-Pertua, data peribadi bukan sahaja diperoleh melalui media elektronik tetapi juga melalui media cetak untuk pelbagai keperluan. Hal ini memperlihatkan bahawa statistik kebocoran data peribadi yang lebih banyak dilaporkan kebocoran melalui media elektronik. Maka kawalan pendedahan data peribadi melalui media cetak juga perlu dikawal dengan lebih efisien dengan menggunakan teknologi digital terkini kemudiannya melupuskan data peribadi bercetak agar tidak disalahgunakan oleh pihak ketiga. Selain itu saya juga mencadangkan agar satu garis panduan pengurusan dan pelupusan data peribadi perlu disediakan sebagai rujukan individu yang dipertanggungjawabkan.

Dato' Yang di-Pertua, kebocoran data bukan satu lagi masalah baharu dalam negara kita. Kita telah melaluinya sejak sekian lamanya. Maka pindaan RUU ini agar wajar dipinda

mengikut keadaan semasa pada masa kini agar statistik kebocoran data peribadi dapat dikurangkan pada tahap maksimum. Sekian, terima kasih. Saya menyokong baik pindaan rang undang-undang ini.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih, Yang Berhormat Puan Anna Bell dan seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris.

4.25 ptg.

Datuk Noraini binti Idris: Terima kasih, Dato' Dr. Yang di-Pertua. *You look great up there.*

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: *Thank you.*

Datuk Noraini binti Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kerana memberikan saya ruang untuk bersama-sama mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024. Mengambil maklum bahawa statistik aduan yang terkumpul dari tahun 2016 sehingga bulan Jun tahun ini sejumlah 5,181 aduan penyalahgunaan dan pelanggaran data peribadi. Bahkan menurut laporan statistik tahun lalu 2023 oleh Pusat Respons Scam Kebangsaan sebanyak 34,479 kes penipuan dalam talian membabitkan kerugian lebih kurang RM1.218 bilion telah dilaporkan di seluruh negara.

Berdasarkan kepada statistik tersebut, kes jenayah telekomunikasi seperti tipu peraduan SMS, tipu penyamaran di talian dan tipu panggilan telefon antara kes tertinggi yang direkodkan dengan sebanyak 10,348 kes yang melibatkan kerugian dalam anggaran RM352.9 juta. Sudah tentunya ianya merupakan perkara yang sangat serius dan perlu dikekang terutamanya dalam era digital pada ketika ini.

Pindaan ini adalah pindaan yang pertama kali dilaksanakan sejak ianya digubal pada tahun 2010. Sudah tentunya dalam tempoh 14 tahun ini, pemesatan era digital dan ianya lebih lagi meningkatkan kes-kes kebocoran maklumat peribadi ini melalui perbuatan *hacking* melalui laman-laman web rasmi, tidak kiralah laman web kerajaan, sektor perbankan, laman web jual beli atas talian juga tidak terkecuali.

Justeru sebelum pindaan ini apakah saranan atau aspek penambahbaikan yang telah disyorkan kepada semua pemegang taruh agar perlindungan data ini menjadi perkara utama yang perlu dititikberatkan. Mengambil contoh baru-baru ini dikatakan laman web sebuah bank terkemuka di Malaysia telah di-*hack* dan pengguna disarankan menukarkan kata akses atau *password* dan juga perkara ini disebarikan secara meluas dalam talian juga. Justeru, apakah aspek pemantauan yang dibuat oleh kementerian bagi mengurangkan rasa keresahan pengguna yang mungkin terjejas?

Malahan pihak bank juga boleh berkongsi maklumat seperti yang dinyatakan dalam *Personal Data Protection Act Privacy Notice* dan di antara perkara yang dinyatakan di bawah PDPA *privacy notice* ini dinyatakan pihak bank boleh mendedahkan maklumat peribadi atau maklumat peribadi sensitif jika berkenaan kepada syarikat-syarikat lain dalam kumpulan perbankan terutama rakan kongsi strategik termasuklah syarikat insurans atau syarikat pengutip hutang yang melibatkan kad kredit misalnya.

Jadi bagaimanakah aspek kawal selia ini boleh diaplikasikan terhadap sektor perbankan? Bahkan dalam penjagaan rapi data pengguna di laman web agensi kerajaan pula, adakah terdapat satu kawalan khusus agar memastikan semua data rakyat dilindungi sepenuhnya? Sehingga kini juga adakah kerajaan mempunyai pakar-pakar IT yang dilatih khusus atau adakah kita masih memerlukan kepakaran agensi luar bagi mengawal selia kandungan digital bagi mengelakkan pencerobohan *hackers* terhadap data kerajaan? Mohon penjelasan.

Bagaimanakah peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) di bawah Kementerian Digital dalam rentas kementerian bersama dengan kementerian lain seperti Kementerian Komunikasi dan Kementerian Dalam Negeri bagi mengawal selia, melindungi dan memastikan isu keselamatan data peribadi ini sentiasa menjadi keutamaan dan terjamin keselamatannya?

Saya mengalu-alukan pindaan kepada rang undang-undang ini untuk menaikkan kadar denda bagi kesalahan pelanggaran data peribadi yang dilakukan oleh pengawal data atau pemproses data yang melanggar prinsip perlindungan data peribadi.

■1630

Namun, apakah remedi untuk seseorang individu yang menjadi mangsa, di mana data peribadinya telah disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab kerana di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi, tiada peruntukan kepada mangsa untuk menuntut ganti rugi sama ada terhadap pengawal data atau pemproses data atau pelaku atas pelanggaran data peribadinya daripada segi *monetary compensation*.

Sebagai kata akhir Tuan Yang di-Pertua, pihak yang bertanggungjawab juga perlu melihat akan keperluan memberikan pendidikan dan kesedaran kepada orang ramai akan kepentingan melindungi data peribadi daripada dicerobohi dan didedahkan secara sengaja atau tanpa sengaja atas talian. Dato' Dr. Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Noraini binti Idris dan seterusnya, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim.

4.31 ptg.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin turut berbahas mengenai dengan RUU Data Peribadi ini, yang pindaan ini bagi memastikan perundangan perlindungan data peribadi di Malaysia selaras dengan piawai perubahan serta perkembangan undang-undang global seperti Peraturan Perlindungan Data Umum.

Pindaan seksyen 5, seksyen 12, seksyen 12B, seksyen baharu 43(A), seksyen 129 dipinda untuk memperuntukkan bahawa seorang pegawai data boleh memindahkan mana-mana data peribadi subjek ke mana-mana tempat di luar negara jika di tempat itu ada berkuat kuasa mana-mana undang yang sebahagian, serupa dengan Akta 709.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berpendapat pindaan seksyen 12 ini adalah satu usaha untuk memperkasakan undang-undang sedia ada dalam memastikan keselamatan data peribadi dari ancaman siber sekuriti dan kecurian data berlaku. Pindaan seksyen ini dengan memasukkan perenggan baru iaitu perenggan 1A yang membawa maksud akauntabiliti data peribadi, di mana menjadi punca kuasa kepada akta ini untuk melantik seorang atau lebih pegawai perlindungan data oleh pegawai data atau pihak memproses data. Saya nak cadangkan kepada kementerian untuk menggariskan *standard operating procedure* (SOP) bagi Pegawai Pelindung Data ini dapat berfungsi dengan baik dan mengekang pelanggaran data seperti kebocoran data peribadi dan jenayah keselamatan siber.

Satu mekanisme perlu difikirkan supaya mangsa dapat dilindungi dengan kadar segera. Saya mengambil contoh, bila data-data kita ini tersebar luas dan diambil oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, mereka yang menjadi mangsa ini akan mengalami kerugian. Di mana sebagai contoh, kalau pihak bank selalunya kalau mengeluarkan duit dari bank mesti melalui ada satu *password* dan sebagainya, tetapi bila *scammer* ini dia telah mencuri duit tersebut, mangsa terpaksa membuat Laporan Polis dan kemudian ia akan mengambil beberapa bulan setelah aduan tersebut dibuat di pihak bank, tetapi jawapan pihak bank selepas tiga atau enam bulan, mereka berkata ini bukan salah mereka dan duit mangsa itu tidak dipulangkan kepada mangsa. Saya salah seorang daripada mangsa tersebut.

Kes saya- saya 17 hari dalam hospital, tetapi duit saya dikeluarkan selama 17 hari dengan jumlah yang begitu banyak. Jadi, kita memperketat undang-undang untuk kerajaan mengambil tindakan terhadap orang-orang yang bertanggungjawab dalam menggunakan data dan maklumat peribadi, tetapi bagaimana pula tentang mereka ini yang menjadi mangsa yang menjadi mangsa keadaan?

Kadang-kadang kalau misal kata Yang Berhormat Dato' Speaker, walimatulurus. Jemputan kahwin pun kita takut nak buka. Jadi terus terang, kadang-kadang kita nak buka

takut *scam*. Bila kita buka, data peribadi kita semua dia ambil sehinggakan kawan kita kata, “*Kenapa tak datang jemputan?*” Rupa-rupanya betul. Itu satu.

Bagaimana pula dengan mangsa pemberi maklumat pelaku. Apakah tindakan yang perlu kita lakukan untuk memastikan bahawa perkara ini dapat dikurangkan. Untuk dihapuskan segala-galanya memang sukar, saya faham, tetapi keadaan ini terus berlaku. Perlu diingat bahawa data-data ini diperolehi melalui bank-bank ataupun pihak berkuasa ataupun mereka-mereka yang diberi kebenaran oleh pihak berkuasa untuk mendapatkan data-data daripada rakyat dalam negara kita ini.

Kita lupa ada satu syarikat *outsource* yang membangunkan sistem. Sistem ini dikumpulkan oleh mereka-mereka yang membangunkan ataupun *outsource company* tersebut. Mereka memberikan data ini kepada pihak bank tetapi mereka ada salinan dan tindakan yang lambat membolehkan mereka untuk terus melakukan *scammer* yang saya sebutkan tadi. Undang-undang ini baik, tetapi apakah solusinya? Di mana ketirisan itu berlaku kena lihat dan ianya harus diambil dengan mengambil kira untuk melindungi mangsa-mangsa yang telah dijadikan mangsa oleh *scammer*. Banyak.

Kalau kita nak cerita yang *scam*, siapa yang jadi mangsa dan sebagainya, itu satu *part*. Kerajaan mengambil tindakan, tetapi yang menjadi mangsa ini selalunya dianiaya, pada saya. Kebanyakan tindakan itu tidak diambil dengan cekap ataupun lambat, yang membolehkan mangsa mengalami kerugian beribu Ringgit.

Jadi untuk itu, saya berpendapat undang-undang ini perlu difahami oleh kedua-dua belah pihak iaitu pengawal data atau pemproses data dan subjek data. Setakat mana yang subjek data tahu bahawa data peribadinya telah bocor. Saya mengambil sedikit masa, Yang Berhormat Speaker. Dalam bank pun, kadang-kadang kita- sekarang ini pakai *online*. *Yes, fair enough, online*. Ada orang dia kadang tak kisah duit dia berapa pun, tiba-tiba masa nak pakai duit, dah tak ada.

So, di sini kita harus meletakkan satu tanda aras untuk pihak bank *trigger* satu perkara itu untuk memaklumkan kepada pendeposit dan sebagainya. Jika tidak, ianya akan berleluasa. Kita sekarang ada MySejahtera, kita ada PADU dan sebagainya. Ini semua membolehkan pihak-pihak yang boleh mengambil data itu, mencuri data dan menyebabkan ramai kerugian. Itu belum *scam love* lagi ya, Yang Berhormat Menteri. Itu pun kalau tengok kadang-kadang yang tua-tua ini pun bila dengan ayat-ayat yang bagus semua, *fall in love*. Habis semua. Kan?

So, perkara-perkara ini amat baik dan saya mengucapkan tahniah kepada Menteri. Sekurang-kurangnya melihat kepada tindakan untuk memastikan bahawa perkara ini dapat dikurangkan dan mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka-mereka yang memberikan maklumat dan data ini kepada *scammers* atau orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri. Dengan itu, saya menyokong RUU ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim dan seterusnya, Yang Berhormat abang, Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

4.39 ptg.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Adinda Speaker, adinda Tuan Speaker.

Pertamanya, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut saya sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Pindaan) 2024 [*Akta 709*]. Dato' Yang di-Pertua, pada era moden dan globalisasi ini, *internet* merupakan suatu perkara yang penting dalam masyarakat dan negara, terutamanya dalam Industri Revolusi 4.0 yang menekankan *internet of things- internet* segala-galanya.

■1640

Selari dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat ini, sudah pasti data-data peribadi khususnya yang melibatkan rakyat ini dijaga, dikawal selia dengan rapi kerana hal ini melibatkan soal keselamatan privasi bagi seluruh masyarakat terutamanya rakyat negara Malaysia.

Dato' Yang di-Pertua, perenggan 5(a) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang pemproses data hendaklah mematuhi prinsip keselamatan di bawah seksyen 9 Akta 709. Apakah mekanisme kerajaan bagi memastikan data-data peribadi ini terjaga terutamanya nombor telefon peribadi yang sering digunakan oleh *scammer* untuk membuat penipuan? Sebagai contoh, nombor-nombor telefon peribadi ini selalu didapati daripada pihak *telco* yang mempunyai data kita secara terperinci. Adakah kementerian telah membuat siasatan bahawa pihak-pihak *telco* ini tidak menjual data peribadi kita kepada mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab?

Dato' Yang di-Pertua, perenggan 5(b) bertujuan untuk menaikkan kadar denda bagi kesalahan yang dilakukan oleh pengawal data atau pemproses data yang melanggar prinsip perlindungan data peribadi masing-masing di bawah subseksyen 5(1) dan (1A) [*Akta 709*].

Dengan menaikkan kadar denda, ianya tidak membebaskan penjenayah yang melakukan jenayah menjual data peribadi ini. Tidak membebaskan. Seharusnya kerajaan lebih keras, tegas dalam melakukan siasatan terhadap syarikat-syarikat yang mempunyai akses kepada data-data peribadi masyarakat. Adakah kerajaan berhasrat untuk membuat tinjauan ataupun *enforcement* ataupun siasatan terhadap mana-mana syarikat yang memegang data-data peribadi ini? Jika siasatan dilakukan secara lebih agresif, kita rasa perlindungan data peribadi kita lebih selamat dan terjamin.

Dato' Yang di-Pertua, yang akhirnya berkaitan dengan perlindungan data peribadi ini, saya menyokong akta ini dengan terus diperkasakan dalam RUU ini. Dalam masa yang sama, kerajaan perlu memperkasakan juga jawatankuasa bagi membasmi aktiviti *scammer* yang banyak memangsakan golongan orang-orang ramai, orang-orang tua yang mudah ditipu oleh *scammer* ini. Hal ini tidak akan berlaku sekiranya pihak yang memegang data peribadi ini bertanggungjawab dengan amanah yang diberikan.

Hal ini juga membangkitkan persoalan integriti tatakelola yang baik. Integriti mana-mana syarikat yang memegang data peribadi ini perlu dipersoalkan, dipertanggungjawab serta dikawal selia oleh pihak kementerian supaya data-data ini tidak bocor dengan begitu mudah, terutamanya masalah orang dalam mencari duit- ya lah, mencari duit tepi *ke*, duit kopi *ke*, *wallahualam*- yang menjual data peribadi kepada *scammer*.

Oleh itu, Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini. Dalam masa yang sama, saya mengharapkan kementerian terus memperkasakan penguatkuasaan bagi membasmi aktiviti *scammer* secara lebih agresif. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris. Sebelum kita teruskan, kita ada satu ketetapan di sini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 seperti yang tertera di nombor 2 senarai *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 1 Ogos 2024.

Seterusnya, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

4.45 ptg.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024.

Pindaan ini akan memastikan perundangan perlindungan data peribadi di Malaysia selaras dengan piawaian, perubahan serta perkembangan teknologi digital undang-undang global. Di samping itu, saya yakin dengan penambahbaikan dasar keselamatan dan penguatkuasaannya dapat menangani isu pelanggaran dan penyalahgunaan data peribadi di Malaysia.

Trend pelanggaran data peribadi meningkat dengan lebih ketara iaitu sebanyak 41 peratus pada suku pertama 2024 berbanding 2023. Pusat Respons Scam Kebangsaan

(NSRC) melaporkan sebanyak 30,497 kes penipuan dalam talian membabitkan kerugian sebanyak RM1.218 bilion di seluruh negara tahun lepas.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara-perkara berikut.

Pertama, berkenaan peruntukan untuk memasukkan seksyen 12A iaitu mengehendaki pengawal data untuk melantik seorang atau lebih Pegawai Perlindungan Data. Yang Berhormat Menteri telah pun menjelaskan peranan pegawai perlindungan data, namun persoalan saya, bagaimanakah pelantikan tersebut dilaksanakan? Apakah kriterianya dan bagaimana pelantikan tersebut dapat membendung isu kebocoran data peribadi?

Saya juga sedar bahawa definisi peranan dan bidang kuasa Pegawai Perlindungan Data tidak tertera dalam naskhah biru- *blue bill*, dengan izin. Walaupun Yang Berhormat Menteri ada menjelaskan secara verbal, saya mohon mencadangkan untuk memasukkan perincian tugas dan bidang kuasa Pegawai Perlindungan Data dalam akta supaya ia lebih telus sejauh manakah kuasa pegawai dilantik dalam membenarkan akses penggunaan data kepada pihak pemprosesan data.

Kedua, berkenaan pemindahan data peribadi merentasi sempadan. Pindaan kepada seksyen 129 memperuntukkan pemindahan data peribadi subjek ke mana-mana tempat di luar Malaysia asalkan tempat itu mempunyai undang-undang setara dengan Akta 709 atau tempat itu mempunyai tahap perlindungan yang mencukupi berhubung dengan pemprosesan data peribadi yang sekurang-kurangnya setara dengan tahap perlindungan di bawah Akta 709. Saya mohon kementerian kemukakan senarai nama negara-negara yang mempunyai tahap perlindungan setara pemindaan kepada Akta 709. Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

■1650

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Low. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Setia Salehuddin Saidin.

4.50 ptg.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya YB Menteri. Sahabat lama saya sama-sama dekat mahkamah dulu. Masih ingat saya ya YB?

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Ya.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya nombor 18. Kebanyakan soalan saya telah pun ditanya oleh Senator-Senator yang lain. Jadi, saya tidak berhasrat untuk mengambil masa yang panjang ya, tetapi kadang-kadang peguam ini dia bukan boleh benarkan bercakap. Dengan bercakap, dia akan lebih panjang daripada apa yang sepatutnya.

Namun, saya mulakan perbahasan saya pada hari ini dengan ucapan selamat menyambut Hari Pahlawan kepada perwira-perwira negara, di mana sahaja mereka berada,

jasamu dikenang di sepanjang zaman. Baik, pindaan terhadap RUU ini memang sewajarnya dipinda disebabkan oleh kadar kebocoran data-data peribadi ini telah meningkat dari hari ke sehari dan merupakan satu fenomena yang begitu serius ketika ini.

Antara tujuan utama pindaan kepada RUU ini sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah bertujuan bagi menambah baik pengawasan pemprosesan data peribadi agar selaras dengan standard piawaian antarabangsa. Saya percaya semenjak ia digubal, ia tidak pernah lagi dipinda. *I stand corrected* YB Menteri ya.

Now, antara elemen penting ya- Saya tidak berhasrat untuk pergi *detail*. Apa yang penting di sini, elemen-elemen penting di dalam pindaan kepada RUU ini adalah pengiktirafan data biometrik yakni pemprosesan teknikal ciri-ciri fizikal atau tingkah laku seseorang, umpamanya pengecaman wajah dan juga cap jari.

Seterusnya, pelantikan pegawai pelindung data (DPO) juga adalah merupakan satu elemen *features* yang penting di sini dan seterusnya kewajipan untuk pemberitahuan pelanggaran data yang wajib, *mandatory breach notification*. Mungkin yang satu lagi yang agak penting adalah berkaitan dengan kenaikan kadar hukuman. Sebenarnya bagi tujuan *deterrence sentence*, tetapi sebagaimana yang YB Senator- salah seorang YB Senator ada bangkitkan tadi, hukuman RM1 juta dan tiga tahun penjara ini sebenarnya tak memadai. Jikalau dilihat kepada kadar keuntungan syarikat-syarikat yang menjual data-data ini kepada *scammers*, mereka untung berjuta-juta. Jadi, kalau dikenakan hukuman sekadar RM1 juta sahaja, ia sebenarnya tidak berunsur *deterrent* pun kepada syarikat-syarikat besar ini.

Apa yang menarik di sini Yang Berhormat Menteri ya, apabila kita kaji kepada keseluruhan peruntukan di bawah RUU ini, saya sendiri berpandangan bahawa ia tidak cukup memberikan tumpuan terhadap kawalan data individu. Pindaan sedia ada haruslah sebenarnya memikirkan subjek data dan bertujuan untuk melindungi dan memberi subjek data peluang untuk menikmati manfaat kepada pindaan ini.

Prinsip undang-undang didasarkan kepada prinsip data pengguna adalah milik pengguna. PDPA yang dipinda ini mesti mencerminkan hal ini jika kita mahu akta ini berfungsi dengan baik dan efektif *rather than toothless*. Walau bagaimanapun, *amendment* RUU ini, pindaan RUU ini tidak cukup memperkasakan hak subjek data kerana terdapat kelemahan daripada sebelum ini yang masih tidak dapat ditangani melalui pindaan kepada RUU ini.

Sebab itu saya bagi contoh ya, tiada spesifik *provision* ya, dengan izin, tiada peruntukan yang khusus yang diberikan untuk seseorang mengambil tindakan sivil terhadap kebocoran data ini. Apa yang mereka boleh lakukan hanya sekadar mengadu kepada pihak pesuruhjaya.

Seterusnya, kalau kita lihat memang ada hak individu untuk mengehadkan atau pun untuk memohon supaya data mereka tidak digunakan lagi, tetapi tiada hak untuk dilupuskan,

right to be forgotten. Sepertimana yang diamalkan dalam Artikel 17 kepada *General Data Protection Regulation*, yang mana dalam akta yang saya nyatakan tadi, memang terdapat peruntukan yang menyatakan dengan izin, di dalam Artikel 17 pada GDPR mungkin boleh diambil maklum oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Di sini nyatakan dengan izin, "*The data subject shall have the right to obtain from the controller the erasure of personal data concerning him or her without undue delay and the controller shall have the obligation to erase personal data without undue delay where one of the following grounds applies:*

- (a) *the personal data are no longer necessary in relation to the purposes for which they were collected or otherwise processed;*
- (b) *the data subject withdraws consent on which the processing is based according to point (a) of Article 6(1), or point (a) of Article 9(2), and where there is no other legal ground for the processing;*
- (c) *the data subject objects to the processing pursuant to Article 21(1) and there are no overriding legitimate grounds for the processing, or the data subject objects to the processing pursuant to Article 21(2);*
- (d) *the personal data have been unlawfully processed;*
and so on or and so forth.

So, ini antara faktor yang mana dalam peruntukan Artikel 17 GDPR tadi membenarkan *right to be forgotten* apabila dimohon oleh seseorang individu. Jadi, apa yang berlaku di sini melalui akta RUU ini, di bawah seksyen 38 memperuntukkan untuk penarikan balik persetujuan untuk memproses data peribadi, tetapi data tersebut masih kekal bersama dengan pengguna data tersebut dan masih berpotensi untuk bocor walaupun subjek data tidak membenarkan pemprosesan data tersebut.

There is possibly akan berlaku juga kebocoran apabila data tersebut masih kekal pada rekod komersial sektor ini. Ini adalah satu aspek yang saya mohon kepada pihak Yang Berhormat Menteri melihat semula, adakah ia wajar untuk kita adakan dalam peruntukan kita?

Seterusnya di bawah seksyen- pindaan kepada seksyen 129 kepada RUU ini, yang mana pemindahan data ke luar negara. Sebelum ini, yang *the existing provision* dalam akta ini menyatakan bahawa terdapat tiga *layer of security*, kalau kita hendak mengeluarkan data peribadi ini ke luar negara iaitu melalui kebenaran Menteri, pesuruhjaya dan juga tempat yang diwartakan.

Kini kuasa tersebut hanya diberikan kepada pengawal data sahaja. *Nevertheless*, memang saya akui bahawa ada satu peruntukan yang mana mengatakan bahawa kebenaran daripada individu itu diperlukan juga. Jadi bagi pihak YB Menteri telah menjawab di Dewan

Rakyat dahulu bahawa kebenaran daripada individu itu adalah sebenarnya wajar sudah memadai daripada dibiarkan tiga *layer* untuk melepaskan *security* tersebut.

Jadi, persoalan yang ingin saya ajukan kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah selamatnya perpindahan data ini apabila kita telah tidak mengambil kira tiga *layer of security* ini? Adakah memadai dengan kebenaran oleh pemunya ataupun tuan punya data tersebut cukup untuk kita memastikan bahawa data tersebut selamat?

Seterusnya, kalau dilihat kepada...

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Yang Berhormat, berapa minit lagi?

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Kalau diizinkan, satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Okey. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: DPO dalam pindaan ini perlu melaporkan kepada pesuruhjaya secepatnya di seksyen 12B, tetapi tidak diberikan definisi secepatnya ya, bila tempoh secepatnya. *It could be one week, it could be two weeks, it could be one month.* Tidak ada *time frame* yang jelas. Perlu adanya satu *time frame* yang jelas kerana nanti jika tidak, pihak syarikat boleh melambatkan proses laporan dengan menggunakan pelbagai alasan dan menganggap bahawa ia bukanlah satu perkara yang *urgent*, sekali gus menyebabkan data yang boleh diselamatkan turut dibocorkan.

Kalau kita lihat kepada Artikel 33 kalau kita hendak buat *comparison* kepada Artikel 33 GDPR, dia mengatakan bahawa *without undue delay and where feasible not later than 172 hours after becoming aware of it.* So, dia ada dinyatakan *time frame*, sedangkan dalam kes kita ini, dalam RUU kita ini hanya mengatakan bahawa ia perlu dilaporkan secepat mungkin, bukan diberikan *time frame*. Itu sahaja yang saya ingin bahaskan di sini. Saya mohon menyokong RUU ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Setia Salehuddin dan seterusnya Yang Berhormat Dato' Kesavadas.

■1700

5.00 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada dapatan Laporan Ketua Audit Negara Siri 2, tahun 2021 yang telah melaporkan bahawa kira-kira tiga juta orang pengguna aplikasi MySejahtera telah berdepan dengan risiko kebocoran data peribadi. Laporan tersebut juga turut mendedahkan bahawa sebanyak 1.12 juta cubaan telah dilakukan untuk mencero boh pangkalan data MySejahtera.

Dapatan tersebut telah membuktikan kepada kita bahawa aplikasi MySejahtera pada hakikatnya tidak dibangunkan dengan ciri-ciri perlindungan data peribadi yang berkeupayaan tinggi. Seperti yang pernah disuarakan oleh sebilangan besar pengguna MySejahtera, mereka

telah menerima banyak panggilan telefon serta teks, mesej yang dihantar oleh individu, oleh pihak yang tidak dikenali selepas menggunakan aplikasi MySejahtera.

Kegagalan MySejahtera dalam memastikan keselamatan data peribadi pengguna dilindungi sepenuhnya telah membuka ruang kepada sindiket-sindiket penjualan data peribadi yang turut aktif mendalangi aktiviti penipuan dalam talian. Disebabkan oleh kelemahan tersebut, majoriti rakyat di negara ini tidak lagi meyakini kredibiliti satu-satu aplikasi dalam talian, sama ada yang dikendalikan atau dibangunkan oleh kerajaan, terutamanya yang melibatkan pihak ketiga. Oleh sebab itu, pindaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang kita bahaskan ini seharusnya menumpukan aspek kebertanggungjawaban pihak yang mengendalikan data peribadi bagi tujuan tertentu.

Saya berpendirian bahawa setiap pihak yang terlibat dalam mengendalikan penyerahan, pertukaran, penyimpanan serta sebarang urusan yang melibatkan pengurusan maklumat peribadi individu khususnya secara digital, seharusnya diperakui akreditasi tertentu yang mengesahkan tahap literasi digital serta integriti profesional.

Sesebuah organisasi perlu memastikan bahawa tugas berkaitan pengurusan pangkalan data dikendalikan oleh individu yang sekurang-kurangnya mempunyai latar belakang pendidikan tinggi dalam bidang berkaitan digital serta mempunyai pengalaman profesional dalam bidang berkaitan pengurusan data awam. Walaupun begitu, profil pendidikan tinggi serta pengalaman warga masih tidak cukup untuk menentukan kredibiliti seseorang yang disebut sebagai pengawal data untuk dipertanggungjawabkan dengan kerahsiaan data peribadi individu.

Menerusi pentauliahannya tersebut, Kementerian Digital boleh diperuntukkan dengan hak perundangan untuk melaksanakan pemantauan, penilaian serta pengauditan secara berkala terhadap prinsip perlindungan data peribadi yang digariskan dalam seksyen 5(1) [Akta 709] ini. Pelaksanaan 3P tersebut boleh mendorong pihak kementerian untuk mengemukakan pandangan membina serta syor pembetulan dengan pengawal data yang boleh menambah baik satu-satu kelemahan dalam mengendalikan data peribadi.

Sejajar dengan pindaan seksyen 5(2) yang menggariskan kenaikan kadar denda maksimum daripada RM300,000 kepada RM1,000,000 dan menaikkan had tempoh pemenjaraan daripada dua tahun kepada tiga tahun. Kementerian Digital menerusi kerjasama PDRM dan Bank Negara Malaysia seharusnya mempergiatkan lagi pemantauan terhadap iklan-iklan dalam talian sama ada promosikan skim pelaburan atau peraduan yang kononnya menawarkan hadiah lumayan kepada peserta.

Seperti Yang Berhormat Menteri sedia maklum, iklan merupakan salah satu helah yang digunakan oleh *scammer* atau pihak tertentu untuk mendapatkan maklumat peribadi yang boleh di manipulasi bagi pelbagai tujuan negatif. Jangan kita sesekali mempercayai

mana-mana portal media sosial yang menjanjikan pelbagai tawaran dalam bentuk ganjaran wang. Ramai pengguna media sosial telah menjadi mangsa kepada skim penipuan yang berselindung di sebalik satu-satu promosi yang mengaburi aktiviti penipuan yang boleh menjerat kita untuk berkongsi maklumat peribadi dan seterusnya mengakibatkan kita kehilangan duit yang menjadi punca pendapatan kita sekeluarga.

Justeru, saya berharap agar mana-mana institusi termasuk agensi kerajaan dan bank yang bersekongkol dengan mana-mana pihak yang menjalankan aktiviti manipulasi data peribadi akan dikenakan sekatan mutlak daripada terus menjalankan apa jua urusan yang melibatkan operasi syarikat. Kementerian Digital seharusnya menjadikan pindaan Akta Perlindungan Data Peribadi ini sebagai instrumen penting yang boleh mengembalikan kepercayaan serta keyakinan rakyat terhadap kredibiliti syarikat, organisasi dan aplikasi digital dalam mengendalikan data peribadi.

Dato' Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024. Saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Kesavadas dan seterusnya Yang Berhormat Tuan Amir bin Md. Ghazali.

5.06 ptg.

Tuan Amir bin Md. Ghazali: Yang dihormati lagi dikasihi Dato' Yang di-Pertua, semua Ahli Dewan Negara, saudari yang saya banggakan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, selamat petang, salam Malaysia Madani. Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Pahlawan yang disambut pada hari ini untuk mengingati pengorbanan pahlawan yang membina negara Malaysia ini.

Marilah kita mengenang para pendahulu pahlawan dan perintis kemerdekaan, para pendiri negara Malaysia, hingga saat ini kita semua dapat menikmati hidup di tanah air ini sebagai bangsa merdeka dengan segenap pemikiran dan tindakan dan gerakan perjuangan secara kolektif yang pahlawan terdahulu lakukan sehingga kita dapat berada di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyambung legasi perjuangan pahlawan-pahlawan terdahulu... [*Tepuk*]

Terima kasih saya ucapkan kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas pada petang ini mengenai Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024. Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 5 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*] pada perenggan 5(a) bagi memperuntukkan bahawa seseorang pemproses data hendaklah mematuhi prinsip keselamatan di bawah seksyen 9 [*Akta 709*] serta menambahbaikkan peruntukan yang berhubung dengan pemprosesan dan data peribadi supaya selaras dengan standard dan amalan antarabangsa.

Dato' Yang di-Pertua, penyalahgunaan dan pelanggaran data peribadi semakin hari semakin berkembang sehingga mendatangkan kesalahan jenayah, kehilangan harta benda,

ke satu tahap kehilangan nyawa. Pindaan ini amat penting, saya ucapkan tahniah kepada Menteri kerana saat yang cukup terbaik untuk membuat pindaan ini demi kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Seksyen baharu 43A dimasukkan ke dalam akta ini bagi memperkukuhkan peruntukan untuk hak kemudahalihan data kepada subjek data tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian format data. Soalannya ialah sekiranya ada berlaku perkongsian data persendirian secara suka sama suka atas faktor apa sahaja berkaitan dengan habuan wang atau terdapat *agreement* antara kedua-dua pihak. Apakah ada perlindungan dalam undang-undang yang terkait dengan akauntabiliti data peribadi?

Dato' Yang di-Pertua, 12B(3) seorang pengawal data yang melanggar subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dalam lebih kurang RM250 hingga RM300, di penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Pindaan ini mungkin menakutkan pihak-pihak tertentu melakukan kegiatan yang salah lagi jahat ini. Soalnya, berapa kah jumlah individu, syarikat, yang sebelum ini telah dihukum dengan undang-undang yang sedia ada?

Dato' Yang di-Pertua, saya amat menyokong sekali kenaikan kadar denda daripada RM300,000 pada RM1,000,000. Bagi kesalahan yang dilakukan pengawal data atau pemproses data yang melanggar prinsip perlindungan data peribadi. Saya setuju dengan Senator Dato' Setia Salehuddin, tingkatkan lagi denda ini supaya pemproses data ataupun yang mengumpul data dan menjual kepada pihak-pihak lain ini dihukum dengan hukuman yang lebih berat.

■1710

Soalnya ialah apakah kriteria, latar belakang dan kelulusan pendidikan seorang itu yang diterima dan dilantik sebagai pengawal data, pemproses data? Ini adalah jawatan penting kerana tugas ini memerlukan tanggungjawab dan integriti yang cukup tinggi demi untuk menyelamatkan data-data rakyat Malaysia dan juga data-data peribadi dan juga data-data berkaitan dengan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini menunjukkan kerajaan mengambil berat dan memandang serius keperluan melindungi data dan memainkan peranan penting dalam era digital ini. Sekarang ini tambahan pula lebih canggih lagi apabila kita akan berhadapan dengan teknologi kecerdasan buatan AI yang lebih bijak dan sukar untuk dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi data ini memainkan peranan yang cukup penting di negara luar. Di negara-negara maju, data-data ini disimpan dan dijaga dan tepat sampai masanya negara kita juga mengambil pendekatan yang sama. Kita tidak mahu berlaku kepada negara-negara luar, kerana data ini amat penting sekali disebabkan ia menitikberatkan keselamatan.

Kita ambil contoh hari ini kita menerima berita dukacita buat umat Islam sedunia. Perginya Al-Syahid Sheikh Ismail Haniyeh kerana terbunuh oleh *ruder* Israel, ini adalah kerana data-data yang dicuri. Selain itu adalah Ahmad Yassin Rattasi dan juga ramai lagi Ahmad Yassin dan juga pahlawan-pahlawan ataupun pejuang-pejuang di negara-negara Islam yang dibunuh disebabkan data-data ini dicuri dan terima kasih kepada Menteri kerana memulakan undang-undang ini supaya menjaga rakyat Malaysia.

Dengan ini, saya ingin mengecam rejim Zionis dengan keadaan ini dengan serangan kepada Ismail Haniyeh... [*Tepuk*] Sekian saya menyokong rang undang-undang ini, terima kasih.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Amir bin Md. Ghazali. Seterusnya pembahas terakhir untuk hari ini Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris.

5.12 ptg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Bismillahi Rahmani Rahim, alhamdulillahirabbil' alamin wabihi nasta'in.*

Pertamanya, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Pahlawan. Mudah-mudahan mereka- semua sentiasa dalam barokah Allah SWT. Yang keduanya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker kerana dapat memberi ruang kepada saya sebagai pembahas terakhir pada hari ini. Saya melihat pindaan Perlembagaan ini adalah untuk menaikkan kadar denda daripada RM300,000 kepada RM1 juta. Pada saya tiada halangan dan wajar.

Cuma saya nak tahu, siapa yang dimaksudkan pengawal data atau pemproses data? Mereka ini adakah berkait rapat dengan agensi kerajaan, yang mana, apakah mereka juga menjaga pusat pengumpulan statistik dalam sistem PADU dan juga BUDI? Pohon penjelasan daripada pihak Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seorang pengawal data atau pemproses data mesti mempunyai moraliti dan integriti yang sangat tinggi dan cemerlang. Saya sebenarnya *concern*, dengan izin, sepertimana yang sahabat-sahabat sebutkan tadi data kita dijual, banyak *scammer*. Macam-macam *scammer*. Cuma, saya nak tekankan sikit *love scammer* Tuan Yang di-Pertua.

Saya tak faham kenapa sehingga hari ini, tidak ada tangkapan kepada mangsa-mangsa yang terkena, terkesan dengan *love scammer*. Bukan satu hari, sebulan, kadang-kadang itu setahun terikat dengan *love scammer*. Setahun berkasih dalam talian, habis duit. Yang terkena ini bukan orang macam saya lah, saya payah sikit.

Kadang-kadang itu pesara, pesara. Mereka ke habis sehingga penghujung boleh dikatakan tiap-tiap hari wang akan hilang. Ada di antara mereka yang sedar dan membuat laporan, tapi tak ada tangkapan. Selepas daripada sebulan laporan, masih datang lagi orang

yang sama *scam* dalam talian ini, *love scammer* ini, dengan izin. Jadi, saya minta undang-undang ini pun *love scammer* termasuk dalam pindaan yang kita bahas pada hari ini.

Di sini juga Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya nak mengesyorkan supaya kementerian menggempur terlebih awal atau melakukan pembersihan dan saringan yang lebih ketat di institusi kewangan dan perbankan kerana di situlah lubang data peribadi yang kita simpan. Malaysia sebenarnya pernah dilaporkan sebagai ibu pejabat *scammer*. Sebab terlalu mudah data peribadi kita diketahui oleh pihak-pihak tertentu yang sangat jijik dan dahsyat.

Saya nak mengesyorkan juga supaya kerajaan melihat kegiatan dan aktiviti di bank dengan lebih teliti kerana ramai pesara kerajaan yang baru bersara kena *scam*, hilang jutaan ringgit. Pesara kerajaan bukan calang-calang manusia, mereka mempunyai latar belakang yang hebat, tetapi kena *scam*. Saya tak faham. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi perhatian kepada isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan fasal di bawah RUU ini meminda seksyen 5, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] seperti pada perenggan 5(a) untuk memperuntukkan bahawa seseorang pemproses data hendaklah mematuhi prinsip keselamatan di bawah seksyen 9 Akta 709. Jadi, bahasa Terengganu itu jadi pelat nak sebut Tuan Yang di-Pertua. Tak apalah.

Jadi, saya nak tahu juga apakah amalan-amalan yang ada atau apakah bentuk *up-to-date*, dengan izin di bawah prinsip keselamatan ini. Apatah lagi, sekarang pemprosesan data adalah secara digital begitu meluas dan pesat sekali. Jadi, adakah kewujudan bank-bank digital yang baru ini mempunyai tahap keselamatan yang tinggi?

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya nak tahu juga apa yang dimaksudkan dengan kemudahalihan data kerana ini umpama membuka ruang dan peluang kepada pihak-pihak tertentu. Apatah lagi, pada seksyen 67 di bawah akta yang sama bagi memperuntukkan bahawa tatacara membuka dan menyenggara mana-mana akaun bank hendaklah dikendalikan mengikut cara yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya. Jadi, saya mohon penjelasan lebih terperinci dalam hal ini kerana dengan kepesatan teknologi AI sekarang, ia sebenarnya sangat terdedah dan berbahaya kepada pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja, saya menyokong RUU ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali Idris dan selesailah sudah perbahasan bagi RUU ini sekarang dan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.18 ptg.

Menteri Digital [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator

yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini, berkaitan dengan pindaan yang ingin kami bawa kepada undang-undang di hadapan Dewan yang mulia pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, era digital ini membawa bersama dengan dia banyak peluang khususnya dari sudut ekonomi untuk negara kita. Jadi, dalam keadaan tersebut sudah tentu soalnya atau soal yang timbul adalah adakah kita hendak mengambil bahagian dalam ekonomi digital yang baru dan sekiranya kami hendak mengambil bahagian dalam ekonomi digital yang baru ini, maka kita kena buat keputusan adakah kita hendak menggunakan platform-platform yang sedia ada.

■1720

Sekiranya kita menggunakan platform-platform tersebut, maka data-data yang ada sebenarnya pada pihak kita perlu digunakan. Jadi, itu adalah satu pilihan yang kita kena buat. Kita boleh buat pilihan untuk menggunakan kaedah yang lama, yang tidak memerlukan kita menggunakan data pada platform-platform digital, melakukan perniagaan sepertimana kita melakukan cara dahulu. Tetapi, ada yang akan membuat pilihan untuk menggunakan teknologi baharu.

Kalau kita lihat angka yang ada Tuan Yang di-Pertua, tahun 2023, sebanyak 23 peratus KDNK kita adalah hasil daripada ekonomi digital dan kita jangkakan akhir tahun 2025, angka itu akan meningkat daripada 23.5 peratus kepada 25.5 peratus. Kalau kita lihat kepada *approve investments* dalam tahun 2023, sebanyak RM330 bilion. Yang ini diambil kira daripada ekonomi digital. Dari tahun 2022, pada masa mana *approve investment* dia hanya setakat RM268 bilion. Ini menunjukkan dalam satu tahun, lonjakan sebanyak 23 peratus. Cukup tinggi.

Ini adalah impak sebenarnya, apa yang kita sebut sebagai ekonomi digital. Cara kita melaksanakan perniagaan pada masa depan adalah satu yang kita perlu halusi dengan teliti. Ia mendatangkan manfaat yang cukup besar, tetapi dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku dan saya rasa semua di sini juga setuju bahawa bersama-sama dengan peluang tersebut juga ada risikonya.

Jadi, dalam keadaan tersebut, kerajaan perlu lihat kepada teknologi yang baharu dan kita memperuntukkan undang-undang untuk melindungi mereka yang menggunakan platform digital. Satu-satu caranya adalah untuk kita menggubal undang-undang sebegini, di mana kita mengambil langkah-langkah untuk melindungi data peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang asal yang kita buat rujukan hari ini dibentangkan dalam tahun 2010. Hampir 15 tahun lalu. Saya setuju, mengesahkan apa yang disebut oleh Dato' Setia Salehuddin Saidin tadi, tidak ada pindaan sehingga sekarang. Kita- semua tahu, dari tahun 2010 sehingga sekarang banyak perkembangan teknologi yang baharu. Masa itu

kita tidak melihat kepada pemakaian kecerdasan buatan ataupun AI sepertimana impaknya sekarang. Kita- semua tahu, bergerak ke depan, maka ada banyak lagi teknologi baharu yang akan kita lihat diwujudkan dan kita kena bersedia untuk menghadapi cabaran dan risiko yang dibawa bersama-sama dengan dia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ini izinkan saya membuat rujukan kepada akta asal untuk memberikan sedikit konteks kepada apakah sebenarnya hasrat dan matlamat yang ingin yang kita capai dengan mewujudkan undang-undang ini khususnya memandangkan ada banyak soalan berkenaan dengan bagaimana ia satu undang-undang yang hanya terpakai kepada transaksi komersial.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada akta ini, Bahagian 1 permulaan. Akta ini dinamakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan memang berkaitan dengan pemakaian. Akta ini terpakai bagi:

- (i) mana-mana orang yang memproses; dan
- (ii) mana-mana orang yang mempunyai kawalan terhadap ataupun membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi berkenaan dengan transaksi komersial.

Jadi, soal dia, apakah sebenarnya transaksi komersial? Transaksi komersial ini ditakrifkan di akhir seksyen 4 dan ini apa yang disebut di dalam takrifan tersebut. Saya rasa penting untuk kami melihat kepada takrifan ini supaya kita dapat faham sebenarnya pemakaian undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, transaksi komersial ertinya, "*Apa-apa transaksi bersifat komersial sama ada secara kontrak atau tidak yang termasuk apa-apa perkara yang berhubungan dengan pembekalan atau pertukaran barang atau perkhidmatan agensi, pelaburan, pembiayaan, perbankan dan insurans tetapi tidak termasuk sesuatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh satu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010*".

Di sini kita buat penekanan juga apa yang disebut sebagai ketidakpakaian akta ini. Seksyen 3 menunjukkan- seksyen 2 kita sebut ia terpakai kepada transaksi komersial. Ia ditakrifkan dalam seksyen 4. Seksyen 3 pula mengatakan ketidakpakaian. Akta ini tidaklah terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Akta ini tidaklah terpakai bagi apa-apa data peribadi yang diproses di luar Malaysia melainkan jika data peribadi itu diniatkan untuk diproses selanjutnya di Malaysia. Ini akta yang sedia ada.

Jadi, perkara pertama yang saya ingin beri penekanan. Ada yang tanya kenapa undang-undang ini tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Adakah itu maksud bahawa mereka ataupun pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan dan juga negeri

tidak bertanggungjawab apabila menggunakan ataupun memproses data peribadi dalam kawalan mereka. Itu kita kena jelaskan.

Ia begini. Mereka ataupun pegawai-pegawai kerajaan tidak bertanggungjawab di bawah undang-undang ini, tetapi itu tidak bermaksud mereka tidak bertanggungjawab sama sekali. Mereka bertanggungjawab di bawah undang-undang lain. Biasanya Akta Rahsia Rasmi, satu. Keduanya, kita ada Pekeliling yang mengikat kepada pegawai-pegawai kerajaan. Kalau ada berlaku sebarang ketirisan, kebocoran, maka tindakan boleh diambil di bawah undang-undang tersebut.

Bergerak ke akhir tahun ini Tuan Yang di-Pertua, kita melihat kepada satu akta lagi yang akan dibentangkan iaitu akta yang akan membolehkan apa yang disebut sebagai perkongsian data. Dalam akta, tersebut kita akan juga melihat kepada aspek bagaimana kita boleh membuat garis panduan yang jelas berkenaan dengan sebenarnya, di mana terletaknya perkara perundangan yang akan mempunyai kesan terhadap pegawai-pegawai kerajaan. Jadi, memang undang-undang itu wujud untuk pegawai kerajaan dan undang-undang ini spesifik kepada transaksi-transaksi komersial sepertimana ditakrifkan di bawah seksyen 4...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh sedikit mencelah Yang Berhormat Menteri?

Tuan Gobind Singh Deo: Sila, sila.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tadi macam ada satu kebimbangan andainya kemungkinan- andaian-andaian kemungkinan berlaku salah laku sehingga data-data ini mungkin dibocorkan ataupun disalah lakukan. Ada tidak *intention* kerajaan untuk mewujudkan satu *Committee* khas yang akan mengawal selia untuk mengelak daripada berlakunya kebocoran dan juga penyalahgunaan data daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam bahagian pemprosesan mahupun penyimpanan data ini? Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya faham soalan itu bermaksud ataupun merujuk kepada pegawai kerajaan secara khusus. Atau adakah soalan itu secara am?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan itu lebih kepada am supaya hak empunya-perlindungan data itu, walaupun kita ada pihak yang bertanggungjawab, tetapi adakah ada satu *Committee* lain yang akan sentiasa memantau perjalanan dan integriti pegawai-pegawai ataupun pihak yang terlibat? Umum.

Tuan Gobind Singh Deo: Baik, terima kasih. Kalau kita lihat kepada undang-undang ini, kita ada pesuruhjaya dan di bawah pesuruhjaya ada penasihat dan juga ada jawatankuasa. Jadi, sudah wujud mekanisme atau struktur yang diperlukan di mana kita dapat memastikan bahawa bukan sahaja kita lihat kepada bagaimana data itu disalahgunakan dan bagaimana kita perlukan perlindungan, tetapi kita juga ada badan yang melihat kepada bagaimana kita boleh memperketat garis panduan dan juga undang-undang supaya ia dapat

sentiasa mengikut perkembangan teknologi dan juga perkembangan di seluruh dunia. Peruntukan ataupun kehendak-kehendak dunia global berkenaan dengan apa yang disebut sebagai standard apabila kita soal, bincang berkenaan dengan perlindungan data.

Jadi, apabila kita bergerak ke depan, kita lihat teknologi baharu. Kita akan melihat negara-negara lain yang mewujudkan undang-undang untuk mengawal teknologi baharu tersebut. Jadi, itu satu sebab kita mempunyai pesuruhjaya dan jawatankuasa tersebut. Mereka mengawal, apakah teknologi baharu ini? Apakah langkah yang seharusnya kita ambil? Bagaimanakah kita boleh bangunkan undang-undang kita supaya kita ini memang ada undang-undang yang seiring dengan keperluan undang-undang global?

■1730

Itu penting kerana kita lihat kepada pelaburan yang kita bawa ke Malaysia. Daripada negara lain, apabila mereka nak bawa pelaburan ke Malaysia bawa data dan sebagainya, mereka juga akan lihat kepada sistem yang kita ada dan mereka hendak yakinkan diri bahawa undang-undang negara kita bersetaraf dengan undang-undang global. Itu bukan menjadi satu perkara yang akan membolehkan mereka membuat keputusan dengan membawa pelaburan mereka ke Malaysia.

So, jadi kita lihat kepada undang-undang ini secara holistik. Memang ada pesuruhjaya, ada jawatankuasa, ada penasihat sebagainya. Itulah struktur yang kita bangunkan supaya kita dapat bersedia untuk berdepan dengan perkembangan teknologi baru dan keperluan kita dalam undang-undang kita.

Berbalik kepada soal berkenaan dengan apakah sebenarnya pendekatan yang kita ambil dalam undang-undang ini, dari sudut pemakaian dia. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada seksyen 5 undang-undang ini, ianya cukup jelas bahawa pemprosesan data peribadi oleh seseorang pengguna data hendaklah mematuhi prinsip perlindungan data peribadi dan ianya disenaraikan seperti berikut. Dia ada tujuh sebenarnya prinsip:

- (i) prinsip am;
- (ii) prinsip notis dan pilihan;
- (iii) prinsip penzahiran;
- (iv) prinsip keselamatan;
- (v) prinsip penyampaian;
- (vi) prinsip integriti data; dan
- (vii) prinsip akses.

Ini penting kerana saya lihat ramai yang tanya berkaitan dengan soalan-soalan apabila data itu selepas digunakan dan tidak diperlukan lagi, apakah sebenarnya berlaku kepada undang-undang tersebut? Sama ada had untuk undang-undang ataupun data-data tersebut

dipadamkan. Ini memang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Setia Salehuddin Saidin tadi. Kalau saya boleh buat rujukan kepada seksyen 10 dan mungkin sahabat saya boleh juga, boleh lihat kepada seksyen itu dan memberikan pandangan beliau kepada saya.

Ini apa yang disebut dalam prinsip penyimpanan seksyen 10. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya baca. Data peribadi yang diproses bagi apa-apa maksud, tidak boleh disimpan lebih lama daripada yang diperlukan bagi memenuhi maksud itu. Itu satu. Kedua, menjadi kewajipan seseorang pengguna data untuk mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa segala data peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika data peribadi itu tidak lagi dikehendaki bagi maksud yang baginya data peribadi itu hendak diproses.

Kemudian, kita ada seksyen 11 yang membawa perkara itu ke depan. Seseorang pengguna data hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini dengan mengambil kira maksud, termasuk apa-apa maksud yang berhubungan secara langsung yang baginya data peribadi itu dikumpulkan dan diproses selanjutnya.

So, walaupun ianya tidak disebut, *the right to be forgotten* sepertimana kita ada dalam GDPR tapi undang-undang kita sudah ada peruntukan. *So, if you look at the act as a whole*, kita dapat menilaikan apakah sebenarnya di sebalik hasrat sebenarnya undang-undang ini? Ianya begini Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini melihat data itu adalah hak seseorang. Oleh sebab ianya adalah hak seseorang, itu yang menjadi asas kepada undang-undang ini apa yang disebut sebagai *consent*. *So, it comes back to consent*.

Kalau kita mempunyai data, adalah menjadi hak kita sama ada setuju ataupun tidak. Kalau kita setuju, kita berikan hak data kita kepada seseorang untuk tujuan proses dan sebagainya, maka ada kewajipan terhadap orang tersebut untuk menggunakan data itu dengan berjaga-jaga. Sekiranya ianya bocor atau tiris atau berlaku sebarang penggodaman dan sebagainya, maka di situlah kita lihat ada hukuman ataupun ada tanggungjawab dikenakan melalui undang-undang ini.

So, kita berbalik kepada aspek itu. *We have to look at it from that perspective. The data is key. We all know that in future, its value but the digital economy requires us to make a decision*. Kalau kita nak gunakan, maka kita akan berikan apa yang disebut sebagai persetujuan kita. Dengan persetujuan kita itu, ianya boleh digunakan. *So that is the basis of this act*.

Apabila kita lihat kepada aspek itu, kita berbalik kepada apa yang berlaku selepas data itu digunakan untuk tujuan tersebut. Maka, ada seksyen yang cukup jelas menyatakan bahawa selepas digunakan, ianya tidak boleh disimpan dan ianya harus dipadamkan atau

dimusnahkan secara kekal kalau tidak lagi dikehendaki, bagi maksud data tersebut diberikan ataupun diproses pada awalnya.

Jadi, dalam keadaan tersebut juga, kita lihat kepada prinsip keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, seksyen 9 dengan cukup jelas menyatakan seorang pengguna data hendaklah apabila memproses data peribadi mengambil langkah yang praktikal untuk melindungi data peribadi itu daripada apa-apa kehilangan, salah guna, ubah suaian, akses ataupun zahiran tanpa kebenaran atau tidak sengaja.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah sikit.

Tuan Gobind Singh Deo: *I'll just finish this one.*

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Okey.

Tuan Gobind Singh Deo: Pengubahan atau pemusnahan dengan mengambil kira sifat data peribadi itu dan kemudaratan akibat daripada kehilangan, salah guna, ubah suaian, akses ataupun zahiran tanpa kebenaran atau tidak sengaja pengubahan atau pemusnahan itu dan sebagainya.

Jadi, ianya juga ada prinsip-prinsip keselamatan dinyatakan apabila kita memberikan persetujuan untuk menggunakan data tersebut, maka ada tanggungjawab untuk memastikan bahawa kita mengambil langkah-langkah yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kita sentiasa melindungi data peribadi tersebut dan tidak berlaku apa-apa kehilangan, salah guna, ubahsuaian dan akses atau penzahiran tanpa kebenaran walaupun sengaja ataupun tidak kepada data tersebut. Itu akan kita lihat kepada latar belakang dan konteks undang-undang ini. Sila, Senator.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Boleh, Yang Berhormat Speaker? Boleh. Terima kasih. Tadi, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa data ini selepas diguna pakai kena *delete*, buang. Seterusnya, tak boleh simpan. Betul? Padam. Jadi saya nak tanya, jika macam contoh syarikat-syarikat seperti JobStreet dan sebagainya, di mana data itu mereka menyimpan data peribadi seseorang yang nak memohon kerja, bolehkah mereka simpan terus atau selepas diberi, dia kena padam? Sebab kadangkala mereka meminta untuk jawatan tertentu sahaja. Juga, yang si penerima itu, adakah mereka pula boleh berkongsi dengan sahabat? Okey, saya dah dapat 20 biodata ini. Saya hanya perlu satu, yang 19 ini saya tak ambil, *you* tengok pula. Macam mana itu perundangan? Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat. Di situ, saya ingin membuat penekanan kepada sebenarnya apa tujuan yang kita memberi persetujuan. *What would be the reason when we consent to the data?* Itu membawa kembali kepada apa yang disebut oleh beberapa Yang Berhormat tadi.

Kita masuk ke dalam bank, misalnya. Kita ada dokumen yang banyak perkataan di situ dan kita ada minta untuk *sign* dan sebagainya, tetapi hakikat dia apabila kita *sign* itu, ianya perkara yang kita setuju. Jadi, terpulang kepada apa persetujuan dalam sesuatu perjanjian itu. Ia berbeza tau, daripada transaksi satu kepada transaksi yang lain. *So, we have to look back at that*, tetapi ianya berbalik. Soal pokoknya, adakah kita memberi persetujuan? Apakah sebenarnya jenis persetujuan itu? Kalau kita nak pastikan setakat mana kita beri persetujuan, untuk tujuan apa, untuk lama mana dan sebagainya, ianya termasuk dalam perjanjian itu, dokumen itu. *So, we come back to that. So, it comes all back to the consent, ya.*

Itu sebabnya kita kena lihat dan kita juga kena ambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa kita pasti dan yakin apa itu yang kita setuju...

Seorang Ahli: ...Itulah masalahnya.

Tuan Gobind Singh Deo: Jadi, dalam keadaan tersebut, saya rasa kalau kita lihat yang pengamal undang-undang di sini, mereka tahu apabila kita menandatangani, maka kita terikat, tetapi apa yang kita hendak memastikan bahawa apabila kita beri persetujuan itu, maka pihak yang kita beri persetujuan itu, kepada itu, beliau atau pihak itu perlu memastikan bahawa langkah-langkah yang teratur diambil untuk memastikan data itu dilindungi. Sekiranya berlaku ketirisan atau kebocoran, maka undang-undang ini membenarkan supaya tindakan diambil terhadap pihak tersebut. *So, that is how what you called it operates.*

Jadi, itu *background* dia Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sekarang menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh setiap Senator. Tuan Yang di-Pertua, ada banyak yang saya hendak jawab. Saya akan- kalau boleh, saya akan lihat kepada Senator-senator yang ada dalam Dewan.

■1740

Kalau tidak ada dalam Dewan, saya akan berikan secara bertulis, tetapi kalau ada dalam Dewan, saya akan cuba untuk menjawab sejauh mana yang boleh. Kalau tidak, saya akan juga memberikan jawapan bertulis.

Yang Berhormat Senator Wan Martina binti Wan Yusoff memang ada. Soalan yang ditanya, apakah pendekatan kerajaan terutama dalam menangani isu pelanggaran data membabitkan jumlah ketirisan data peribadi yang besar sehingga berpotensi merumitkan aktiviti pemakluman serta pemulihan aktiviti siber semakin berleluasa dengan penggunaan AI.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Digital, selain daripada pindaan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 bagi menangani masalah kebocoran data peribadi adalah seperti berikut:

- (i) kementerian dengan kerjasama strategik pelbagai pihak membuat pemantauan berterusan serta proaktif di saluran internet dan risikan

saluran *dark web* sekiranya terdapat kebocoran data peribadi. Sekatan juga dibuat terhadap lama sesawang yang dikenal pasti mengumpul atau menjual data peribadi bagi mengurangkan risiko kebocoran data yang lebih luas;

- (ii) langkah-langkah meningkatkan kesedaran pengawal data mengenai kepentingan melindungi keselamatan data peribadi dengan menganjurkan persidangan-persidangan data peribadi, kita juga ada *webinar-webinar*, sesi-sesi konsultasi dan khidmat nasihat serta program kolaborasi dengan pelbagai pihak;
- (iii) menjalankan pemeriksaan berkala ke atas sistem data peribadi pengguna data, di samping memberikan fokus kepada pematuhan tata amalan bertujuan untuk memastikan pengguna data mematuhi tujuh prinsip perlindungan data peribadi yang saya baca sebentar tadi; dan
- (iv) menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak dan kita- Senator ada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk *scam* dan sebagainya seperti mana yang dibangkitkan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Siber Sekuriti Malaysia (CSM) dan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangani insiden kebocoran data yang berlaku dan membanteras jenayah siber.

Soal dengan bagaimana kerajaan memastikan supaya data peribadi individu tidak disimpan lebih dari tempoh yang diperlukan dan dimusnahkan dan dipadamkan secara kekal jika tidak diproses berikutan risiko ancaman siber. Itu telah pun saya jawab tadi dengan buat rujukan kepada seksyen-seksyen 9, 10 dan sebagainya. Ia semua termaktub dalam akta yang sedia ada walaupun pindaan ini tidak berkaitan, tetapi soalan itu dapat dijawab kalau kita lihat kepada seksyen-seksyen yang saya huraikan sebentar tadi.

Kemudian soalan berkenaan dengan sama ada kerajaan mempertimbangkan langkah kawalan keselamatan tambahan bagi data dalam pergerakan atau yang disebut sebagai data *in motion* iaitu data yang sedang dipindahkan serta data dalam penggunaan atau *data in use* sering terdedah kepada ancaman bergantung kepada medium capaian dan maklumat penggunaannya. Jawapan dia, kerajaan tidak menetapkan kawalan keselamatan yang berbeza bagi jenis-jenis keadaan data.

Prinsip perlindungan data peribadi di bawah Akta 709 melalui prinsip keselamatan menetapkan bahawa apabila memproses data peribadi mana-mana subjek data, pengawal data perlu mengambil langkah-langkah supaya data tersebut selamat, tidak diubahsuai, tidak disalah guna atau diberikan kepada pihak-pihak yang tidak berkenaan.

Pengawal data perlu mengambil semua langkah keselamatan yang perlu mengikut keperluan teknologi terkini bagi memastikan keselamatan data. So, ia berbalik kepada data, tetapi bukan cara data tersebut digunakan dan sebagainya. *It really comes back down to the data itself.*

Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengeluarkan arahan dan pekeliling berkenaan keperluan melindungi data dalam simpanan- *data address* data dalam pergerakan- *data in motion* dan data dalam penggunaan- *data in use*. Pemilik data hendaklah melaksanakan penilaian risiko ke atas ancaman keselamatan data dan impak jika berlaku kebocoran, kerosakan serta mencadangkan dan melaksanakan tindakan kawalan bersesuaian selaras dengan nilai maklumat yang dilindungi.

Tindakan kawalan berkenaan merangkumi aspek *people, process* dan teknologi. So, jadi memang ada teknologi baharu yang akan wujud dan kita melihat ia secara holistik. Walaupun apa dia teknologi, tetapi undang-undang ini memberikan fokus kepada apakah sebenarnya tindakan yang perlu diambil untuk memastikan pada setiap masa data tersebut dilindungi dan tidak disalahgunakan.

Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad ada di sini, kawan baik saya. Saya rasa apa yang saya dengar itu adalah lebih teguran berkenaan dengan sebenarnya

Seorang Ahli: Oh.

Tuan Gobind Singh Deo: Ya, memang kita kenal lama dah,

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Satu kawasan, satu Parlimen.

Tuan Gobind Singh Deo: *[Ketawa]* Tak apa, *old friend*. Saya terima teguran yang dibawa tadi, perlunya untuk kita memberikan lebih fokus kepada bagaimana kita boleh-khususnya meningkatkan apa yang disebut sebagai *enforcement* ataupun penguatkuasaan supaya undang-undang ini dapat kita pastikan melindungi data peribadi semua pihak dan itu adalah kepada saya satu teguran yang positif dan saya akan- memang melihat bagaimana kita boleh pastikan ia berlaku, tetapi saya hanya hendak menyatakan kepada Datuk Azhar, kalau Datuk lihat kepada dua, tiga kenyataan umum yang saya buat dua, tiga hari yang lalu, kita sekarang bercadang untuk melebarkan kuasa pesuruhjaya di bawah jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam undang-undang ini kita ada pesuruhjaya, tetapi tidak ada suruhanjaya. Kita ada pesuruhjaya, tapi ada jawatankuasa. Saya rasa kita perlu melihat bagaimana kita boleh bangunkan atau wujudkan satu pesuruhjaya. Satu suruhanjaya untuk membantu pesuruhjaya dalam melaksanakan tugas-tugas beliau. Melihat kepada bagaimana kita boleh mewujudkan satu struktur yang boleh sentiasa memikirkan apakah cara-cara baharu, langkah-langkah baharu, yang kita hendak laksanakan supaya kita kekal dapat selari

dan seiras dengan keperluan teknologi baharu dan apa yang kita akan menghadapi sebagai cabaran dalam masa yang akan datang.

Saya bercadang untuk membawa cadangan tersebut kepada kerajaan, akhirnya-lambat-lambatnya akhir tahun ini dan sekiranya diizinkan, membawa satu pindaan kepada undang-undang ini dalam pertengahan tahun yang akan datang. Saya harap bahawa apabila saya membawa undang-undang ke Dewan yang mulia ini, saya dapat sokongan daripada semua Senator-senator dalam melaksanakan perkara tersebut... *[Tepuk]*

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail ada? Ada di situ. Soal berkenaan sejauh manakah kesedaran mengenai portal ini disebar di khalayak ramai, khususnya golongan yang tidak celik IT, terutama di kawasan pendalaman.

Tuan Yang di-Pertua, JPDP secara aktif mengikuti jerayawara yang dianjurkan oleh pelbagai agensi bagi memastikan perkongsian maklumat berkaitan perlindungan data peribadi boleh disampaikan kepada orang awam di Malaysia.

Selain daripada itu, program-program kesedaran perlindungan data peribadi juga dijalankan di kawasan pendalaman dengan kerjasama Pusat Sebaran Maklumat Nasional ataupun dikenali sebagai NADI dan juga Pusat Ekonomi Digital di dalam membimbing usahawan di kawasan-kawasan pendalaman.

Soal berkenaan dengan apakah mekanisme kawalan pemindahan data ke luar negara. Mekanisme kawalan yang ditetapkan Tuan Yang di-Pertua adalah seperti subseksyen 129(3) iaitu pengawal data boleh memindahkan data peribadi ke satu tempat ke luar Malaysia. Antaranya subjek data telah memberikan persetujuannya terhadap pemindahan itu. Pemindahan itu perlu bagi pelaksanaan satu kontrak antara subjek data dan pengawal data.

Pemindahan itu perlu bagi menyempurnakan atau pelaksanaan satu kontrak yang telah pengawal data itu dengan satu pihak ketiga yang dibuat atas permintaan subjek itu atau adalah untuk kepentingan subjek data atau pengawal data itu telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk memastikan bahawa data peribadi itu tidak akan diproses di tempat itu mengikut cara-cara yang sekiranya tempat itu ialah Malaysia, itu akan menjadi satu pelanggaran kepada akta ini.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga memetik soalan yang dibawa oleh Dato' Setia Salehuddin tadi berkenaan dengan seksyen 129(A). Soalan yang berbangkit adalah dahulunya kita ada tiga lapisan. Lapisan itu termasuk dapat kebenaran daripada Menteri, kemudian pesuruhjaya dan itu dilihat sebagai Tuan Yang di-Pertua, lapisan yang menjaga ataupun lebih memperkukuhkan perlindungan yang diberikan kepada data tersebut, tetapi kalau kita lihat kepada hasrat akta ini, sepertimana saya sebut tadi ianya berbalik kepada soal persetujuan.

■1750

Kalau persetujuan diberikan untuk menggunakan data tersebut, maka persetujuan itu diberikan dan data itu dibenarkan untuk diberikan kepada sesuatu pihak tetapi undang-undang masih mengikat supaya data yang diberikan itu tidak boleh digunakan untuk tujuan lain dan sebagainya dan sekiranya digunakan, maka tindakan akan diambil. So, ianya untuk diselaraskan. *It really counts back to them.*

Kemudian kalau kita lihat kepada seksyen 129 Senator, kita dapat lihat bahawa seksyen itu menetapkan ada kategori-kategori tertentu, kontrak dan sebagainya. So, jadi ianya *is not blanket*, ianya fokus kepada keadaan-keadaan tertentu dan ianya agak ketat keperluannya. *So, is all there. If you read as a whole then and you will get the gist of it tapi it comes back again to consent.*

Kalau kita membuat keputusan bahawa kita hendak memberi persetujuan supaya data itu dapat digunakan, maka undang-undang membenarkan, keputusan itu diberikan tapi apa yang undang-undang ini memerlukan adalah pihak yang kita berikan data itu ada keperluan untuk menjaga data tersebut dan pastikan ianya tidak digunakan untuk tujuan lain. Sekiranya digunakan untuk tujuan lain, maka tindakan boleh diambil. So, itu pendekatan yang kita bawa.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya bergerak kepada soalan Senator Puan Noorita binti Sual. Noorita *is here?* Yes. Terima kasih Senator, soalan yang dibangkitkan berkenaan dengan berapa banyak pelanggaran serta kes jenayah yang dibicarakan yang membabitkan pengguna data yang melibatkan pihak bank, syarikat telekomunikasi, syarikat insurans serta syarikat-syarikat perkhidmatan seperti hotel, hospital, pendidikan dan sebagainya yang diakibatkan oleh data disalahgunakan oleh pemproses data atau aktiviti penjualan data sepanjang akta dikuatkuasakan sebelum pindaan ini?

Tuan Yang di-Pertua, sejak penguatkuasaan Akta 709 tahun 2013, sebanyak 29 kompaun telah dikeluarkan ke atas pengguna data pelbagai sektor atas kesalahan pelanggaran prinsip-prinsip keselamatan, penzahiran serta kegagalan mendaftar atau memperbaharui pendaftaran.

Sebanyak tujuh pengguna data pula telah diambil tindakan pendakwaan di mahkamah. Antara sektor-sektor yang terlibat termasuk sektor perkhidmatan, sektor pelancongan dan hospitaliti, sektor pendidikan, sektor kesihatan, sektor hartanah, sektor pajak gadai, sektor komunikasi, sektor pengangkutan, sektor perbankan dan institusi kewangan, sektor badan berkanun dan juga lain-lain.

Daripada senarai pengkompaunan dan pendakwaan tersebut, sebanyak tiga insiden pelanggaran data di bawah prinsip keselamatan merupakan pelanggaran oleh pihak pemproses data. Namun, tindakan penguatkuasaan diambil ke atas pengguna data yang melantik pemproses data tersebut memandangkan akta ini tidak meletakkan obligasi pematuhan kepada pemproses data.

Antara sektor yang melibatkan kesalahan pemprosesan data Tuan Yang di-Pertua adalah sektor-sektor perbankan dan institusi kewangan, satu. Sektor pengangkutan, satu dan yang lain-lain satu.

Seterusnya soalan berkaitan dengan apakah data peribadi subjek data ini dipertanggungjawab sepenuhnya ke atas pemproses data sekiranya berlaku kerosakan paparan laman sesawang didapati tergendala atau *website crashed* atau serangan siber berlaku semasa data diakses sama ada oleh subjek data mahupun pengawal data dan bagaimana pula dengan obligasi pihak *service provider* terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana *service provider* yang dilantik oleh pengawal data untuk menjalankan pemprosesan data bagi pihak pengawal data adalah ditafsirkan sebagai pemproses data di bawah Akta 709. Melalui pindaan kepada seksyen 5 dengan memperkenalkan tanggungjawab kepada pemproses data di bawah prinsip keselamatan, pemproses data boleh diambil tindakan sekiranya insiden pelanggaran data peribadi berlaku akibat kecuiaan semasa pemprosesan oleh pemproses data atau pihak *service provider* berkenaan. Ya, sila.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Yang Berhormat Menteri, saya mungkin *suggest* sekarang kalau boleh Menteri bagi jawapan bertulis, kerana ada lebih daripada 17 lagi soalan, *I mean...*

Tuan Gobind Singh Deo: *It will take few hours.*

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Yes. So, kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat bersetuju, boleh kita minta Menteri bagi jawapan bertulis?

Beberapa Ahli: Setuju.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Setuju, okey. Jadi okey Yang Berhormat Menteri. Terima kasih... [*Tepuk*] So, boleh ya?

Tuan Gobind Singh Deo: Saya tak ada masalah. Saya tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan tersebut, sekarang dengan saya ada- saya rasa saya ada semua jawapan yang telah pun disediakan, saya akan pastikan jawapan-jawapan itu diberikan secara bertulis dalam masa yang terdekat. Kalau tidak dalam minggu ini, saya harap dalam minggu depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi jaminan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator bahawa setiap persoalan yang dibangkitkan yang tidak dapat saya jawab di dalam Dewan ini, akan saya akan berikan jawapan dan yang juga yang penting Tuan Yang di-Pertua, semua pandangan, semua cadangan, teguran yang telah pun diberikan tadi, kita ambil berat dan kita lihat bagaimana kita boleh pastikan bahawa setiap pandangan yang diberikan itu kita boleh masukkan sejauh mana dalam sebarang

cadangan dan pindaan yang akan kita bawa kepada rang undang-undang ini dalam masa depan.

Sepertimana saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, data ini sangat penting. Dunia digital yang baru ini memerlukan kita melihat data dari sudut-sudut yang lain. Kita kena bersedia untuk menggunakan data tersebut. Dalam masa sama, risiko yang akan berbangkit kita kena pastikan, kita ada undang-undang yang dapat melindungi data tersebut.

Jadi dalam keadaan tersebut, kementerian saya akan melaksanakan apa sahaja yang kita boleh untuk pastikan bahawa kita dapat meningkatkan tahap perlindungan data dan juga untuk meyakinkan rakyat Malaysia bahawa sekiranya mereka menggunakan platform digital yang kita sediakan, maka data mereka itu adalah dilindungi dalam keadaan yang selamat dan sekiranya ada sebarang pandangan yang diutarakan atau hendak dibawa oleh mana-mana Yang Berhormat, sila jumpa dengan saya dan kita boleh bincang dan lihatlah bagaimana kita boleh juga bekerjasama untuk kebaikan undang-undang negara kita.

Jadi dalam keadaan tersebut, saya ucapkan terima kasih semua Senator yang telah pun mengambil bahagian, *thank you for your views and let's work together* untuk kita memastikan bahawa undang-undang yang kita luluskan ini adalah undang-undang yang membawa manfaat kepada negara kita. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingat semua Ahli-ahli Yang Berhormat memang bersukacitalah kerana Yang Berhormat Menteri amat prihatin terhadap apa yang telah dibangkitkan tadi. Jadi, dengan jawapan nanti kita tengok macam mana jawapan-jawapan yang akan diberi nanti. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan **mempengerusikan Mesyuarat**]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Digital (Datuk Ugak anak Kumbong) dan diluluskan]

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Sekian sahaja urusan untuk hari ini dan Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 1 Ogos 2024.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.01 petang]